

O Jp\

PI'AKI I MIN



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUAABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan
Jawab Lisan [Bertulis] Dewan Rakyat
Daripada Kementerian-Kementerian**

**8 MAC 2011 HINGGA 7 APRIL 2011 SOALAN
NO: 301 HINGGA SOALAN NO: 400**

**CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.**

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS
(2011)

PERTANYAAN

DARI PAD A

BERTULIS TUAN KHAIRY
JAMALUDDIN

[REM BAII]

TARIKH

SOALAN

301

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan apakah mekanisme dan cakupan sistem pengesan dan amaran awal banjir negara yang akan dilaksanakan kelak. Apakah penambahbaikan dan peningkatan kecekapan yang akan ditawarkan oleh sistem.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pengurusan bencana banjir, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) mengoperasikan Sistem Ramalan dan Amaran Awal Cuaca Buruk selama 24 jam sehari secara berterusan sepanjang tahun, bagi memantau keadaan cuaca agar amaran awal cuaca buruk termasuk yang boleh mendatangkan banjir dapat dikeluarkan secara cekap dan berkesan. Manakala maklumat dan amaran banjir dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Sistem amaran awal di JMM adalah dibangunkan dengan menggunakan teknologi daripada negara-negara

maju seperti Amerika Syarikat, Australia, Jerman dan United Kingdom dan juga mengandungi hasil penyelidikan dari JMM sendiri.

Untuk memantapkan lagi sistem amaran awal banjir, JPS kini sedang membangunkan satu sistem ramalan banjir, berasaskan model atmosfera dan Radar-Satelit yang berkeupayaan meramalkan kawasan yang akan dibanjiri akibat daripada limpahan sungai tiga hari lebih awal. Sistem ini sedang dibangunkan untuk lembangan-lembangan sungai yang selalu mengalami banjir monsun yang teruk iaitu Sg. Pahang, Sg. Kelantan dan Sg.Johor dan dijangka beroperasi pada pertengahan tahun 2011. Di samping itu, JPS juga sedang membangunkan Sistem Bersepadu Ramalan Banjir dan Pengawasan Sungai untuk Lembangan Sg. Klang (Lembah Klang) dan Sg.Muda (Kedah/Pulau Pinang) yang juga dijangka akan beroperasi pada pertengahan tahun 2011. Di bawah RMKe-10 dalam *First Rolling Plan* (2011-2012), JPS akan membangunkan tiga lagi model ramalan banjir menggunakan model atmosfera dan Radar-Satelit untuk lembangan-lembangan Sungai Sarawak di Sarawak, Sungai Padas di Sabah dan Sungai Muar di Johor.

JMM, JPS, Majlis Keselamatan Negara dan lain-lain agensi pengurusan bencana bekerjasama rapat dalam memastikan amaran banjir dapat dikeluarkan dan digunakan dengan berkesan. Untuk negeri Sabah dan Sarawak, sistem amaran awal banjir perlu diperkuuhkan lagi dengan penambahan rangkaian stesen pemantauan paras sungai dan juga model- model ramalan banjir untuk lembangan-lembangan sungai di negeri-negeri tersebut. MOSTI juga akan cuba mendapatkan peruntukan pembangunan untuk memperkuuhkan sistem ramalan dan amaran cuaca buruk di JMM

termasuk peningkatan resolusi sistem ramalan cuaca berkomputer daripada

4km kepada kurang daripada 1km dan penambahan jumlah radar cuaca untuk pemantauan dan amaran awal cuaca buruk di negara kita.

MOSTI dan agensinya iaitu JMM dan Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN), JPS dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah bersetuju melaksanakan dua strategi baru bagi mempertingkatkan lagi keupayaan sistem amaran awal hujan lebat yang boleh menyebabkan banjir seperti berikut:

- 1) Mewujudkan Kumpulan Kerja Teknikal bagi mempertingkatkan dan menintegrasikan lagi keupayaan sistem amaran awal hujan lebat dan banjir yang sedia ada di JMM dan JPS; dan
- 2) Mewujudkan Kumpulan Kerja Hebahan/Pendidikan bagi meningkatkan lagi keberkesanan penyebaran maklumat dan kegunaan amaran awal hujan lebat dan banjir kepada agensi-agensi kerajaan pusat, badan-badan bukan kerajaan, media massa, cetak dan elektronik, dan komuniti. Ini termasuk menggunakan media sosial internet seperti *facebook*.

JMM dengan kerjasama MKN dan agensi-agensi pengurusan bencana yang lain akan terus menggiatkan lagi kempen kesedaran awam berkaitan cuaca ekstrim yang boleh mendatangkan banjir terutamanya di daerah- daerah yang berisiko tinggi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
(REMBAU)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 7 MAC 2011-7 APRIL 2011

Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi meningkatkan pengetahuan pengurusan kewangan berhemah di kalangan generasi muda memandangkan 60 peratus daripada mereka yang dirujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit adalah berumur di bawah 40 tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM), telah menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk memberi khidmat nasihat dan kaunseling kepada orang ramai dalam menguruskan kewangan peribadi dengan lebih berhemat lagi.

2. Salah satu fokus utama AKPK ialah memberi perkhidmatan pendidikan kewangan kepada orang ramai. Bagi tujuan ini, AKPK telah , giat mengatur aktiviti-aktiviti pendidikan kewangan kepada semua lapisan rakyat Malaysia, termasuk golongan generasi muda agar tahap celik kewangan mereka dapat dipertingkatkan. Di antara program-program pendidikan kewangan yang dijalankan oleh AKPK iaiah:

- a) Memberi ceramah-ceramah pengurusan kewangan kepada kakitangan agensi-agensi Kerajaan, badan-badan swasta serta ahli-ahli persatuan dan badan-badan NGO di seluruh negara.
- b) Menerbitkan buku asas pengurusan kewangan peribadi yang berjudul ‘Celik Wang’ yang diedarkan dan dijual kepada orang ramai semasa pameran serta roadshow yang disertai.
- c) Memberi ceramah kewangan kepada pelatih-pelatih program latihan Khidmat Negara (PLKN) di semua kern PLKN.
- d) Membangunkan satu Modul ‘Pengurusan Kewangan Peribadi’ yang telah diserapkan di dalam Kurikulum Asas Keusahawanan yang diajar kepada penuntut-penuntut IPTA dan IPTS.
- e) BNM dan AKPK telah menganjurkan program Keupayaan Kewangan yang dikenali dengan nama program POWER!

Pengurusan Wang Ringgit Anda yang direka khusus untuk memberi pengetahuan kewangan kepada golongan muda dan bakal peminjam tentang cara menguruskan kewangan dengan lebih baik lagi. Program ini dijalankan setiap minggu di tujuh lokasi di seluruh negara.

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA: TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TARIKH :

JAWAPAN:

RUJUKAN : 3514 S

SOALAN:

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk merombak Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 bagi melingkupi media internet.
Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan tidak pernah mengenakan kawalan terhadap media atas talian menggunakan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Buat masa ini, saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Dalam Negeri masih lagi di peringkat awal perbincangan untuk mengkaji semula keberkesanan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, termasuklah

JAWAPAN:

kesalahan menyalahgunakan bahan-bahan media cetak dalam saluran atas talian (*on-line*). Usaha ini adalah penting dan bertepatan dengan masa dan keadaan supaya Akta ini terus mantap dan kekal relevan demi memelihara keselamatan dan ketenteraman awam.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARI PAD A : YB. TUAN KH AIRY BIN JAMALUDDIN
[REMBAU]**

RUJUKAN : 21 [PR-000-T42080]

SOALAN :

Tuan Khairy bin Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat menyeragamkan proses saman bagi mengelakkan saman berulang kali daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan polis trafik ke atas kesalahan yang sama seperti kesalahan meletak kereta di pinggir jalan akibat kekurangan tempat letak kereta.
Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Rembau, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah lama mewujudkan persefahaman berkaitan pengeluaran notis kesalahan (saman).

Dalam hal ini, sekiranya pihak PDRM telah mengambil tindakan terhadap kenderaan yang melakukan kesalahan maka pihak DBKL tidak akan mengambil tindakan yang sama ke atas kenderaan tersebut.

Walau bagaimanapun, sekiranya lokasi kesalahan tersebut melibatkan kawasan yang sesak dengan tumpuan awam, maka tindakan menunda kenderaan akan diambil alih oleh pihak DBKL walaupun kenderaan tersebut telah dikenakan notis kesalahan oleh pihak PDRM.

SOALAN NO.: 3 5S~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH

KAWASAN : DUNGUN

SOALAN:

Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH (DUNGUN) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan setakat manakah kemajuan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) dan bilakah dijangka akan dapat dibuka kepada orang awam.

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 6 pakej kontrak Lebuhraya Pantai Timur, Fasa 2 (LPT2) telah ditamatkan kontrak dan 3 lagi pakej sedang dalam proses permohonan untuk tujuan yang sama. Ia berikutan dari keengganan kontraktor terlibat untuk meneruskan pelaksanaan projek ini disebabkan oleh faktor kenaikan harga bahan binaan di pasaran pada tahun 2007 dan 2008. Sehubungan itu, pelaksanaan projek LPT2 ini dijangka akan mengalami kelewatan berbanding jangkaan tempoh siap

JAWAPAN:

asai, iaitu pada bulan Disember 2012. Pada masa kini JKR sedang dalam proses untuk melantik kontraktor barn menerusi kaedah tender terbuka bagi pakej-pakej yang telah ditamatkan kontrak itu. Keseluruhan projek LPT2 ini dijangka akan disiapkan dalam tempoh 24 bulan, bermula dari tarikh kontraktor yang baru memasuki tapak.

Sekian. Terima kasih.

No. Soalan : 306

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH

SOALAN

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta PERDANA MENTERI menyatakan hasil kajian untuk mengadakan perkhidmatan keretapi ke pantai timur khususnya ke Terengganu dan nyatakan bilakah kerajaan bercadang untuk memulakan projek berkenaan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan masih lagi mengkaji cadangan pembinaan laluan kereta api laju di Pantai Timur. Kajian berkenaan sedang dijalankan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) menggunakan khidmat perunding HSS Integrated Sdn Bhd. Kajian itu dijangka siap pada Sep 2011.

JAWAPAN

Selepas tamat kajian tersebut, hasil kajian tersebut akan dikemukakan kepada Kabinet untuk mempertimbangkan pelaksanaan projek ini.

Untuk masa ini, Kerajaan belum lagi membuat sebarang pemeteraian kontrak untuk melaksanakan projek ini. Dan belum ada apa-apa keputusan mengenai kos, laluan, tarikh mula dan siap projek laluan kereta api laju Pantai Timur.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : NO.

AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
[DUNGUN]

TARIKH :

RUJUKAN : 3515

SO ALAN:

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah kerajaan menyelaraskan tindakan dan penguatkuasaan terhadap kenyataan dan perbuatan yang berbaur hasutan termasuk yang membabitkan bahan yang bersifat hasutan, berita jelik, pornografi, berita palsu dan jenayah siber.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Dungun yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian memandang serius sebarang tindakan oleh mana-mana pihak yang mengeluarkan kenyataan atau perbuatan yang berbaur hasutan termasuklah yang membabitkan berita jelik, pornografi, berita palsu dan jenayah siber seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

Bagi membolehkan tindakan dan penguatkuasaan yang bersepada dilaksanakan ke atas kes-kes sebegini, Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia selaku penguatkuasa undang-undang utama sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi dan jabatan yang berkaitan antaranya ialah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Cyber Security Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian menyedari selain penyebaran melalui media tradisional seperti surat khabar dan penerbitan bercetak, ada juga pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan di atas kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk menyebarkan berita atau kenyataan yang tidak benar dan berbaur hasutan termasuklah bahan pornografi yang mempunyai implikasi ke atas keharmonian dan perpaduan kaum dan sosial di negara kita. Dalam hal ini Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil inisitif dengan menubuhkan sebuah pasukan khas bersama pihak polis bagi menangani ancaman terhadap keselamatan dan perpaduan negara yang disebarluaskan melalui Internet termasuklah blog dan laman sosial seperti Facebook dan Twitter.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam hal ini, saya ingin menasihatkan agar semua pihak hendaklah berhati-hati dalam mengeluarkan sesuatu kenyataan ataupun menerbitkan sesuatu penerbitan terutama sekali yang menyentuh perkara-perkara sensitif yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian kaum di negara ini.

M ': 2>0g

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI
JUSOH [DUNGUN]

NO. SOALAN [308] PR-000-T41470

SOALAN Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan langkah-langkah efektif bagi mempercepatkan pengeluaran rakyat Malaysia di luar negara apabila berlakunya ketidakstabilan politik di negara luar yang boleh mengancam kehidupan rakyat Malaysia seperti rusuhan yang berlaku di Mesir.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Haji Matulidi bin Haji Jusoh di atas soalan yang dikemukakan.

2. Perwakilan-perwakilan Malaysia di seluruh dunia sentiasa bersiapsiaga dalam menghadapi sebarang kemungkinan seperti kecemasan, bencana alam, krisis politik atau perang.

3. Secara amnya, semua Perwakilan Malaysia di luar negara mempunyai Pelan Kontigensi masing-masing berpandukan kepada Arahan Keselamatan Kerajaan Malaysia. Pelan Kontigensi ini merangkumi 4 tahap kesiapsiagaan iaitu Tahap Hijau, Kuning, Jingga dan Merah. Tahap Hijau menggambarkan keadaan stabil, aman dan tenteram. Tahap Kuning menggambarkan kekacauan dan ketegangan telah mula berlaku tetapi keadaan masih lagi terkawal. Tahap Jingga di mana keadaan dan situasi sekeliling menjadi semakin kritikal. Tahap yang terakhir adalah Tahap Merah di mana keadaan sudah tidak terkawal, kritikal, bahaya dan boleh mengancam keselamatan. Tahap kesiapsiagaan di sebuah Perwakilan itu bergantung kepada penilaian Ketua Perwakilan berdasarkan kepada situasi semasa di negara tersebut.

4. Selain itu, Perwakilan Malaysia sentiasa memastikan semua rekod bagi warganegara Malaysia yang menetap di luar negara dikemaskini dan mengandungi maklumat yang lengkap seperti alamat tempat tinggal dan nombor perhubungan di negara berkenaan. Rekod ini memudahkan Perwakilan Malaysia untuk mengenaipasti lokasi rakyat Malaysia yang menetap di luar negara semasa kecemasan bagi memastikan pelan evakuasi

dapat dilaksanakan dengan pantas dan efisyen.

5. Setiap rakyat Malaysia yang menetap atau berhasrat untuk menetap di luar negara telah diperingatkan melalui notis yang terkandung di bahagian belakang Pasport Antarabangsa Malaysia untuk mendaftarkan nama dan alamatnya semasa berada di luar negara di Pejabat Perwakilan Malaysia berhampiran. Adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia yang menetap di luar negara untuk berdaftar di Pejabat Perwakilan Malaysia. Dalam memudahkan urusan pendaftaran rakyat Malaysia yang menetap di luar negara, urusan pendaftaran kini boleh dilakukan secara atas talian (online) melalui laman sesawang Kementerian Luar Negeri iaitu www.kln.gov.my.

6. Sebagai kesimpulan, Kementerian Luar Negeri sentiasa siapsiaga dengan pelan evakuasi untuk membawa pulang rakyat Malaysia di luar negara sekiranya perlu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN NO. SOALAN: 309
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
[DUNGUN]

SOALAN:

Y.B. Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah ECER berjaya menarik pelaburan dan nyatakan jumlah pelaburan yang telah diterima sehingga kini serta nyatakan impak pelaburan ini kepada pembangunan ECER.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dari tahun 2007 sehingga Februari 2011, jumlah keseluruhan pelaburan yang diterima di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) adalah sebanyak RM20 bilion. Pelaburan yang diterima adalah dalam sektor pembuatan, pelancongan, minyak, gas & petrokimia dan pertanian. Pelaburan ini dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 8,628 peluang pekerjaan di negeri-negeri Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Sepanjang tahun 2010 dan awal tahun 2011, beberapa misi pelaburan telah dilaksanakan seperti misi pelaburan ke Timur Tengah, China, Korea Selatan dan Singapura. Fokus misi pelaburan ECERDC adalah untuk menarik lebih ramai pelabur luar negara seperti daripada China, Timur Tengah dan India.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BINABBAS
(TELOK KEMANG)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 07.03.2011- 07.04.2011

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas (Telok Kemang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah hutang Kerajaan Persekutuan, syarikat milik Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi negeri masing-masing dari tahun 2005 hingga 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, hutang Kerajaan Persekutuan kekai terurus. Sehingga Disember 2010, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM407.1 bilion atau 53.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan iaitu sebanyak RM390.4 bilion atau 96 peratus merupakan hutang dalam negeri manakala baki sebanyak RM16.7 bilion atau 4 peratus merupakan hutang luar negeri. Bagi tempoh 2005 hingga 2010, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

Tahun	Dalam Negeri (RM Juta)	Luar Negeri (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	% kepada KDNK
2005	198,670	30,000	228,670	43.8
2006	217,220	25,005	242,225	42.2
2007	247,120	19,602	266,722	41.5
2008	286,121	20,316	306,437	41.4
2009	348,600	13,786	362,386	53.3
2010	390,356	16,745	407,101	53.1

2. Manakala hutang Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah Program Transformasi GLC yang disenaraikan di Bursa Malaysia adalah seperti di Lampiran I. Liabiliti syarikat-syarikat ini tidak diambil kira di dalam akaun imbalan (*balance sheet*) Kerajaan.
3. Bagi Kerajaan Negeri dan agensi-agensi negeri pula, jumlah hutang mereka kepada Kerajaan Persekutuan adalah seperti di Lampiran II.

LAMPIRAN I

Jumlah liabiliti¹ yang ditanggung oleh G-20 (tidak termasuk institusi kewangan) antara 2005 hingga 2010:

	Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	2005 RM juta	2006 RM juta	2007 RM juta	2008 RM juta	2009 RM juta	2010 RM juta
1	Axiata Group Bhd	-	-	14,110.1	25,654.9	18,263.9	17,822.3
2	Boustead Holdings Bhd	2,835.1	3,059.0	5,232.3	5,383.1	4,813.1	4,569.5
3	Chemical Company of Malaysia Bhd	582.5	639.9	647.4	1,264.5	1,192.5	1,164.3
4	Malaysian Airline System Bhd	4,293.8	5,082.3	6,116.0	5,874.6	7,780.1	8,940.5
5	Malaysia Airports Holdings Bhd	1,383.4	1,533.7	1,431.9	1,809.7	1,845.7	3,795.1
6	Malaysian Resources Corporation Bhd	1,562.6	1,486.8	1,331.9	2,263.6	2,428.4	3,066.9
7	Pos Malaysia Bhd	433.4	388.0	387.8	770.8	475.0	546.6
8	Proton Holdings Bhd	2,970.7	2,442.1	1,716.2	1,872.1	1,997.4	2,172.2
9	Sime Darby Bhd	-	-	13,659.7	13,767.8	13,434.1	16,446.7
10	Telekom Malaysia Bhd	21,542.9	21,095.9	23,569.8	12,058.6	12,812.5	12,919.8
11	Tenaga Nasional Bhd	47,294.0	45,545.6	43,627.7	44,080.0	45,316.7	45,266.6
12	TH Plantations Bhd	80.3	45.4	123.4	356.3	336.2	426.9
13	UEM Group Bhd	11,414.9	12,330.3	12,687.9	13,585.0	14,412.9	Belum dimuktamadkan
14	UMW Holdings Bhd	2,457.9	1,715.7	2,482.6	3,222.6	3,905.9	4,733.6

¹ Sumber: Bloomberg dan maklumat syarikat

LAMPIRAN 2

JUMLAH HUTANG KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI!

JUMLAH HUTANG KERAJAAN NEGERI		(RM 'juta)					
	KERAJAAN NEGERI	2005	2006	2007	2008	2009	2010
1	Johor	825.57	775.58	832.18	1,268.26	1,555.73	1,071.10
2	Kedah	1,797.21	1,904.32	2,043.26	2,356.84	2,418.20	2,535.15
3	Kelantan	853.39	898.15	935.97	1,007.01	1,021.28	1,093.98
4	Melaka	1,111.85	1,121.50	1,171.02	1,304.59	691.09	116.19
5	Negeri Sembilan	1,367.55	1,362.99	1,576.25	1,889.72	1,003.15	1,281.15
6	Pahang	1,531.86	1,675.86	1,874.84	2,097.73	2,240.25	2,181.69
7	Pulau Pinang	450.12	449.71	504.95	636.67	694.42	689.88
8	Perak	513.30	699.24	782.73	857.20	890.70	953.10
9	Perlis	201.31	261.63	305.04	386.38	425.98	434.16
1	Selangor	1,199.70	1,228.97	1,290.78	1,298.16	1,280.34	1,032.09
1	Terengganu	950.36	919.65	983.84	1,069.22	1,084.09	1,072.03
1	Sabah	1,027.87	1,577.73	1,925.49	2,382.59	2,391.04	2,568.19
1	Sarawak	1,345.71	1,326.96	1,416.87	1,719.22	1,780.18	2,116.89
	JUMLAH	13,175.79	14,202.29	15,643.21	18,273.60	17,476.43	17,145.60

JUMLAH HUTANG AGENSI NEGERI (RM 'juta)

1	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)						
2	Pkps Agro Industries Sdn. Bhd., Selangor	40.10	40.10	40.10	40.10	180.00	180.00
3	Premium Agro Industries Sdn. Bhd..Selangor	-	50.20	50.20	50.20	50.20	52.08
4	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	55.23	56.44	57.36	57.99	58.31	58.31
	JUMLAH	95.33	146.74	147.66	148.29	328.61	330.49

SJ.B/(TULIS)/21

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 07.03.2011 - 07.04.2011

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan pencapaian Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) dalam bantuan masing-masing kepada kumpulan rakyat berpendapatan isi rumah kurang daripada RM2300.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa pembentangan Bajet 2008 Kerajaan telah menubuhkan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) bagi menjamin kemudahan kredit perumahan yang disediakan oleh bank-bank komersial kepada golongan bukan berpendapatan tetap seperti pemandu teksi, petani, peniaga pasar malam dan lain-lain yang berkelayakan dan berkemampuan tetapi tidak mempunyai bukti

dokumen pendapatan seperti slip gaji, penyata bank dan sebagainya.

2. Dari segi pencapaianya, sejak dilancarkan pada 1 Januari 2008 sehingga 9 Mac 2011, SJKP telah meluluskan jaminan kredit perumahan kepada 2,459 peminjam berjumlah RM115.053 juta bagi pembelian rumah-rumah kos rendah dan sederhana rendah di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BAGI BUKANJAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]
SOALAN	312

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta Menteri Pengangkutan menyatakan senarai projek-projek yang melibatkan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam (KWAPA) semenjak tahun 2006 sehingga hari ini dan kos projek serta status projek.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2006, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan Awam (JKKMPA) dan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam (KWAPA) telah ditubuhkan. Kementerian Pengangkutan

merupakan urusetia bagi JKCKMPA manakala Kementerian Kewangan merupakan urusetia bagi Jawatankuasa KWAPA. Penyaluran dana KWAPA ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Berdasarkan maklumat di Kementerian Pengangkutan, sebanyak RM412 juta telah disalurkan kepada lima program/projek yang telah diluluskan oleh JKCKMPA sehingga tahun 2008 seperti berikut:

Bil	Perkara	Jumlah Permohonan Asa I Diluluskan (RM) juta	Jumlah Disalurkan (RM) juta	Status Projek
1	Pembentukan projek peningkatan sistem pengangkutan awam oleh Kerajaan Negeri Sabah	57.2	5	Sebanyak RM5 juta telah disalurkan kepada UPEh Sabah bagi urusan tende pada bulan Mei 2010.
2	Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam	300	300	Sebanyak RM200 juta telah disalurkan kepada Kementerian Pembangunan Usahawa dan Koperasi pada tahun 2006 dan RM100 juta lagi telah disalurkan kepada SME Bank dan MARA pada tahun 2010.

Pinjaman mudah pembelian storkereta dan pemberian depot keretapi Negeri Sabah

57

53.778 Jumlah perbelanjaan (prestasi kewangan) sehingga 31 Disember 2010 adalah RM53,777,934.34 (94%)

Terdapat 4 komponen dalam projek ini, iaitu:

1. Perolehan 2 unit Lok & 2 set DMU (RM48.0 Juta)
Projek bermula pada 15 Oktober 2009 dan telah siap pada 01 Februari 2010. Stokereta ini telah digunakan bermula pada 21 Februari 2011 apabila landasan keretapi antara Tg Aru dan Beaufort dibuka untuk operasi perkhidmatan keretapi pada tarikh berkenaan.
2. Pembinaan bengkel baru di Tenom (RM3.0 Juta)
Projek bermula pada 27 Oktober 2009, sehingga Disember 2010 prestasi fizikal projek ini adalah 38%.
3. Pembinaan bengkel baru di Beaufort (RM2.0 Juta)
Projek bermula 15 September 2009, sehingga 31 Disember 2010 prestasi fizikal adalah 56%.
4. Perolehan mesin dan kelengkapan bengkel ba (RM4.0 Juta)
Projek bermula 16 Julai

4	Pembelian 14 koc penumpang dan dua unit <i>power generating car</i> (PGC) untuk perkhidmatan antarbandar - KTMB	38.5	38.5	Pembelian sebanyak 12 unit koc <i>Air Conditioned Second Class</i> (ASC), 2 i koc <i>Air Conditioned Buffet</i> (ABC) dan 2 unit PGC. LOA telah dikeluarkan pada 31 Mac 2010 kepada Hartasuma Sdn. Bhd. dengan kos projek sebanyak RM43.5 juta. Anggaran tempoh pelaksanaan projek adalah selama 18 bulan.
5	Lintasan Rata di Sabah	15	15	Projek ini telah siap sepenuhnya pada 31 Disember 2010.
JUMLAH KESELURUHAN		467.7	412.278	

Kali terakhir mesyuarat JKCKMPA diadakan adalah pada 28 Mei 2008 dan kini sebarang permohonan berhubung penambahbaikan pengangkutan awam perlu dikemukakan terus kepada Majlis Ekonomi Negara atau Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dan tidak lagi melalui JKCKMPA.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT No: 313

PERTANYAAN **BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

DARI PADA : **DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABBAS**
 [TELOK KEMANG]

SOALAN **313**

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan mengapakah berlaku perbezaan ketara dari segi prestasi pengendalian kontena di antara Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Tanjung Pelepas dan apakah langkah yang diambil bagi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pelabuhan Johor dibina pada tahun 1970-an sebagai sebuah pelabuhan pelbagai guna yang mengendalikan bukan sahaja kargo kontena, tetapi juga kargo am, kargo pukal kering dan kargo pukal cecair.

Bagi operasi kontena, Pelabuhan Johor mempunyai jumlah dermaga sepanjang 720 meter dan 6 kren yang antaranya berusia lebih 15 tahun. Purata kendalian kontena adalah 20 pergerakan kontena sejam. Pelabuhan Johor juga mempunyai kedalaman air sekitar 11.5-13 meter yang hanya dapat membenarkan kapal bersaiz kecil untuk masuk berlabuh.

Berbanding dengan Pelabuhan Johor, Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) yang mula beroperasi pada tahun 2000 dibina khusus untuk mengendalikan kontena. Sehubungan itu, PTP mempunyai kemudahan yang khusus dan lebih moden.

PTP mempunyai dermaga kontena sepanjang 4.3 kilometer dan 44 kren yang berusia kurang 10 tahun dengan purata kendalian kontena sebanyak 30 kontena sejam. Selain itu, PTP mempunyai kedalaman sehingga 17 - 19 meter yang berkeupayaan mengendalikan kapal kontena bersaiz lebih besar. Berdasarkan ciri-ciri tersebut, jelas menunjukkan bahawa PTP dapat menjalankan operasi kendalian kontena yang jauh lebih efisien berbanding Pelabuhan Johor.

Dalam pada itu, Pelabuhan Johor telahpun mencapai had maksima bagi pembesaran pelabuhan kerana tidak mempunyai tanah yang boleh dibangunkan untuk menambah kemudahan bagi pengendalian kontena. Dalam hubungan ini, kapasiti maksimum bagi kontena yang boleh dikendalikan di Pelabuhan Johor hanyalah sebanyak 1 juta TEUs sahaja berbanding kapasiti lapangan kontena di PTP sebanyak 8.3 juta TEUs.

Statistik pengendalian kontena Pelabuhan Johor pada tahun 2008, 2009 dan 2010 sebanyak 934,767 TEUs, 844,856 TUEs, dan 876,268 TEUs masing-masing, jelas menunjukkan bahawa Pelabuhan Johor telah mencapai kapasiti maksimum.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN BUKAN LISAN

DARIPADA DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]
1 SOALAN:

DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan anggaran kadar anjakan upah seluruh sektor yang telah menerima pelaburan asing (FDI) di bawah Program Tranformasi Ekonomi (ETP) menjelang akhir tahun 2011.

JAWAPAN:

Dengan pelaksanaan 12 NKEA, hasil daripada makmal yang dijalankan dijangka sebanyak 3.3 juta pekerjaan akan terhasil menjelang 2020 di mana majoriti daripadanya terdiri daripada pekerjaan pendapatan pertengahan (*medium income*) dan pendapatan tinggi (*high income*).

Pada tahun ini, dianggarkan pelaburan sebanyak RM127 bilion mungkin dibelanjakan oleh pihak swasta, jauh mengatasi jumlah yang disasarkan kerajaan pada awal tahun 2011 iaitu sebanyak RM83 bilion. Ini sama sekali menampakkan kesan yang positif daripada Program Transformasi Ekonomi (ETP) di mana kedua-dua pelabur dalam negeri (Domestic Direct Investment) dan pelabur asing (Foreign Direct Investment) lebih berkeyakinan untuk berlabur dalam projek-projek yang sekaligus membantu meningkatkan Pendapatan Negara Kasar (PNK) dan

SOALAN : 314

menyediakan lagi lebih peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

Kadar anjakan upah seluruh sektor menjelang akhir tahun 2011 adalah sukar untuk dikenal pasti atau dianggarkan. Ini adalah kerana kesan langsung

daripada Program Transformasi Ekonomi dapat hanya dilihat pada jangka masa yang panjang.

Walaubagaimanapun, daripada 3.3 juta pekerjaan yang akan terhasil menjelang 2010 tersebut, ia dijangka dapat mendatangkan kesan-kesan seperti di bawah;

- ⑧ 100,000(atau 4%) pekerjaan dengan pendapatan bawah RM1,000 dihasilkan
- 1.1 juta (atau 33%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM1,000 hingga RM2.000 dihasilkan
- ⑧ 900,000(atau 27%) pekerjaan dengan pendapatan antara RM2.000 hingga RM4,000 dihasilkan
 - 700,000 (atau 21%) pekerjaan dengan RM4,000 hingga RM7,000 dihasilkan
 - 300,000 (atau 10%) pekerjaan dengan RM7,000 hingga RM10,000 dihasilkan
 - 200,000 (atau 5%) pekerjaan dengan pendapatan lebih daripada RM10,000 dihasilkan

| N&EAs will create 3.3m jobs most of which will be medium-income | or high-income jobs

Additional Laijotir Requirements by Safai^ Bracket :			MillionJobs
Low income	Medium income	High income	
1.1	09	0.3	W:g;V
		0.7	
	0.1		0.2
1.2	3.4	5	6
Salary tac&zei ¹			

¹ T₄ K₂ S₃ E₃ W₃
² S₃ C₃ B₃ S₃ E₃ M₃
³ ^ < K₃ I₃ V₃ E₃ T₃ » - X₃ ^
⁴ * W₃ ^ 9vt JXST5 nl • TSISgSSaB 2318*

*gor PEMAKOU | «

Selanjutnya, perkara tersebut akan menyebabkan peningkatan

keseluruhan terhadap rakyat yang berpendapatan rendah ke berpendapatan pertengahan (*medium income*), dan daripada berpendapatan pertengahan ke berpendapatan tinggi (*high income*).

- 2.9 juta orang pada 2009, kepada 2.3 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan bawah RM1.000 (penurunan sebanyak 600,000 orang)
- 3.7 juta orang pada 2009, kepada 4.7 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM 1,000 hingga RM2,000 (peningkatan sebanyak 1 juta orang)
- 3.3 juta orang pada 2009, kepada 4.6 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM2,000 hingga RM4.000 (peningkatan sebanyak 1.3 juta orang)
- 1.3 juta orang pada 2009, kepada 2.8 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM4,000 hingga RM7,000 (peningkatan sebanyak 1.6 juta orang)
- 300,000 orang pada 2009, kepada 1.2 juta orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan RM7,000 hingga RM10,000 (peningkatan sebanyak 800,000 orang)
- 200,000 orang pada 2009, kepada 600,000 orang pada 2020 berada dalam pekerjaan dengan pendapatan lebih daripada RM10,000 (peningkatan sebanyak 400,000 orang)

Sejak Program Transformasi Ekonomi dilancarkan pada Disember 2010, pencapaiannya adalah seperti berikut:

- 60 projek di bawah 46 EPP telah diumum dan dilancarkan
- Hasil daripada itu, RM95.4 bilion telah dilaburkan oleh sektor swasta (jumlah ini termasuk pelaburan dalam negeri atau *Domestic Direct Investment (DDI)* dan pelaburan daripada luar negara atau *Foreign Direct Investment (FDI)*)
- Akan menyumbang sebanyak RM137.2 bilion Pendapatan Negara Kasar (PNK) menjelang tahun 2020
Sebanyak 224,358 peluang pekerjaan akan terwujud hasil daripada 37 projek tersebut.

SOALAN:

NO.SOALAN : 315

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
[BATU KAWAN]

SOALAN :

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah Kerajaan Persekutuan enggan menerima nasihat dan teguran daripada Kerajaan Negeri Selangor di dalam proses pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor baru- baru ini.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERPANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Urusan melantik pegawai kanan Kerajaan ke jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah dibuat dengan mematuhi prosedur yang ditetapkan dan diterima pakai selama ini. Sebelum cadangan calon untuk jawatan tersebut dikemukakan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, yakni suatu jemaah yang diberi kuasa dalam menentukan pemilihan pegawai untuk dinaikkan pangkat bagi tujuan dilantik ke jawatan tersebut, satu perakuan senarai nama calon telah terlebih dahulu dimajukan kepada Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor untuk pertimbangan dan persetujuan. JPA selaku urus setia memperakukan nama calon yang telah dipilih dan dipersetujui di peringkat Kerajaan Negeri Selangor untuk dipertimbangkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam bagi tujuan dilantik ke jawatan tersebut.

Oleh itu, tidak timbul isu keengganan Kerajaan Persekutuan menerima nasihat mahupun teguran daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.

RT 35/
No.31
6

JAWAPAN SOALAN PERSIPANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

[BATU KAWAN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah Kementerian tidak berusaha untuk membina bangunan baru bagi SJKT Ladang Batu Kawan, Pulau Pinang walaupun Kerajaan Negeri telah memperuntukan tanah lebih daripada 2 tahun yang lalu serta apakah tindakan-tindakan yang diambil sehingga kini serta bilakah bangunan baru akan dibina.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhomat,

SJKT Ladang Batu Kawan pada asalnya sebuah Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) yang telah di luluskan pertukaran status kepada Sekolah Kerajaan (SK) berkuatkuasa 30 Jun 2008. Pada 3 September 2009, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah mengurniakan tapak yang telah di duduki tersebut kepada PIBG SJKT Ladang Batu Kawan dengan empat orang pemegang amanah. Adalah menjadi dasar Kerajaan, sebarang pembangunan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan mesti di atas tapak Persuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Untuk makluman, pihak KPM hanya menerima permohonan lengkap pindah milik daripada PIBG sekolah tersebut pada 17 Februari 2011. Sehubungan itu, permohonan tersebut telah diproses dan di angkat kepada JKPTG (Seksyen Hartanah Tanah Persekutuan) pada 22 Februari 2011 untuk tindakan pindah milik. Dimaklumkan bahawa projek bangunan baru bagi sekolah ini telah di luluskan di dalam Projek Dua Tahun Pertama RMKe-10 (RMK 10). Projek di jangkakan bermula sebaik sahaja urusan pindah milik selesai.

SOALAN NO: 317

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY

SOALAN:

Tuan Dr. Ramasamy a/l Palanisamy minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan bertekad untuk memastikan bahawa para pekerja di sektor awam dan sektor swasta menerima gaji minima di mana polisi Kerajaan terhadap isu gaji minima ini sehingga adalah tidak konsisten serta tidak berkomited.

PR-000-T41323

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah pun bersetuju untuk melaksanakan gaji minimum seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa ucapan Bajet 2011 yang lalu. Pengumuman gaji minimum ini hanya meliputi pekerja dalam sektor swasta sahaja.
2. Di sektor awam, pendapatan minimum adalah sebanyak RM1,024.15 sebulan iaitu bagi jawatan Pengawas Pemuliharaan Hutan Gred N1 yang merangkumi Imbuhan Tetap Khidmat Awam, Imbuhan Tetap Perumahan dan Bantuan Sara Hidup.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Di samping itu, rang undang-undang Majlis Konsultasi Gaji Negara juga sedang digubal dan dijangka dapat dibentangkan pada sesi persidangan Parlimen yang akan datang. Ini menunjukkan Kerajaan amat komited untuk melaksanakan gaji minimum di negara kita.
4. Pelaksanaan dasar gaji minimum perlu dilakukan secara terliti dan menyeluruh bagi mengelakan implikasi negatif ke atas pasaran buruh dan ekonomi negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB. DR. RAMASAMY PALANISAMY

KAWASAN BATU KAWAN

SOALAN:

YB. DR. RAMASAMY PALANISAMY (BATU KAWAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapakah Kementerian tidak mengambil usaha ataupun langkah-langkah yang serius untuk membaiki sistem jalan raya di kawasan Perindustrian Prai, Pulau Pinang walaupun sedar bahawa kerosakan yang dialami adalah teruk dan pengguna-pengguna jalan raya mengalami kesukaran yang nyata di kawasan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan infrastruktur termasuk pembinaan jalan raya di dalam kawasan perindustrian utama di Malaysia terletak di bawah bidang kuasa Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MI DA). Waialu bagaimanapun, aspek pembinaan dan penyelenggaraan jalan utama yang menuju ke kawasan perindustrian berkenaan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya. Di Kawasan Perindustrian Prai, Pulau Pinang laluan Jalan Persekutuan yang terlibat ialah Jalan Industri FT3112 sepanjang 3.2 kilometer.

Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum dan prihatin tentang keperluan untuk menaik taraf dan menyelenggara Jalan Industri FT3112 di Pulau Pinang. Dalam tempoh RMKe-9 yang lalu, kementerian ini telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM1.26 juta untuk menaik taraf dan menyelenggara jalan tersebut, iaitu melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan rutin berkala dan kecemasan. Dalam RMKe-10 ini, sebanyak RM2.5 juta akan diperuntukkan untuk tujuan yang sama. Walaupun peruntukan ini adalah terhad, kementerian ini akan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan aspek penyenggaraan di jalan tersebut dilaksanakan secara optimum. Ini bagi memastikan

pembangunan di Kawasan Perindustrian Prai sebagai antara hub penting industri negara tidak terjejas.

**Sekian. Terima kasih.
JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
[BATU KAWAN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di seluruh Malaysia dan bagaimanakah peruntukan tersebut akan disalurkan terutamanya melalui Kerajaan Negeri masing-masing yang memang mengetahui keperluan-keperluan sekolah-sekolah tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sejumlah RM9.18 bilion untuk pembangunan SK, SJKC, SJKT dan SMK. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk disalurkan kepada semua Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) yang terdiri daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Mualigh dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Di samping itu, peruntukan sebanyak RM200 juta telah disediakan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama Tahun 2009 bagi empat jenis SBK yang terdiri daripada RM50 juta kepada SJKC, RM50 juta kepada SJKT, RM50 juta kepada sekolah mualigh dan RM50 juta kepada SABK. Manakala dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pula, peruntukan pembangunan yang diluluskan bagi sekolah bantuan kerajaan adalah berjumlah RM423.28 juta. Peruntukan untuk sekolah bantuan kerajaan disalurkan terus kepada sekolah melalui cek atau dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya.

NO AUM : 320

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH

RUJUKAN 3516

SOALAN :

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :

- (a) Jumlah kes rogol dilapor bagi setiap tahun dari tahun 2001 hingga 2010; dan
- (b) Di antaranya berapa jumlah kes yang dapat diselesaikan dan berapa orang terlibat dapat ditangkap dan dihadap ke mahkamah.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Melaka yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a) dan (b) yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

JAWAPAN

Statistik keputusan keseluruhan kes rogol bagi tahun 2001 hingga 2010

TAHUN	JUMLAH KES	KES SELESAI	TANGKAPAN	TUDUH	JATUH HUKUM
2001	1385	1225	1055	191	196
2002	1431	1266	1168	184	207
2003	1479	1276	1127	178	131
2004	1765	1589	888	238	148
2005	1931	1644	1218	267	72
2006	2431	2104	1554	369	61
2007	3098	2744	2061	259	154
2008	3409	3077	2261	390	136
2009	3626	3338	2301	310	69
2010	3595	3278	2379	212	11
JUMLAH	25,367	22,581	16,833	2,768	1,349

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]

SOALAN TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] Minta PERDANA

MENTERI menyatakan:

- (a) jumlah projek telah dilaksanakan untuk Rancangan Malaysia Ke-9 dan jumlah kos peruntukan keseluruhan; dan
- (b) di antaranya berapa buah projek telah disiap bina dan berapa buah telah terbengkalai dan berapa jumlah wang tambahan atau *variation order* (VO)

SOALAN NO. 321

dilulus untuk projek-projek ini.

JAWAPAN

- (a) Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan semua projek pembangunan disiapkan mengikut tempoh yang dirancang. Sepanjang Rancangan Malaysia Ke-9, sejumlah 25,974 projek telah dilaksanakan dengan siling peruntukan RM230.0 bilion; dan
- (b) berdasarkan Sistem Pemantauan Projek II sehingga 16 Februari 2011, sebanyak 18,916 (72.8%) projek Rancangan Malaysia Ke-9 berjaya disiapkan dan baki projek diteruskan

pelaksanaannya oleh agensi terlibat. Walaupun terdapat projek berstatus lewat Jadual, namun iangkah-langkah agresif sentiasa diambil bagi memastikan projek tidak terbengkalai seterusnya dikembalikan mengikut jadual pelaksanaan. Setakat ini, kemajuan projek berjalan lancar dan tidak ada projek terbengkalai.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

SOALAN:

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-

- (a) jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk Georgetown dan Melaka, kedua Bandaraya Warisan Dunia; dan
- (b) nyatakan semua projek yang telah dilaksanakan oleh kedua bandaraya ini sejak pengisytihارannya.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

- (a) Jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk Bandar Warisan Dunia Melaka adalah sebanyak RM30 juta dan bagi Bandar

SOALAN NO: 322

Warisan Dunia George Town, ia adalah di bawah tanggungjawab Khazanah Nasional dan Kementerian Kewangan.

- (b) Sehingga 3 Mac 2011, projek-projek yang telah dilaksanakan untuk Melaka yang adalah seperti berikut:

SOALAN NO: 322

- (1)Pengecatan Bangunan Di Zon Utama Dan Zon Penampang Dalam Kawasan Konservasi Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.
- (2)Konservasi Bangunan 127 Di Jalan Hang Jebat.
- (3)Kerja-kerja Baik Pulih Bangunan Sekolah Banda Hilir, Jalan Parameswara, Melaka.
- (4)Kerja Konservasi Bangunan No.25, Jalan Hang Kasturi.
- (5)Konvensyen Antarabangsa Bandaraya Berkembar 2010 (*Twin Cities Convention 2010*).
- (6)*Conservation Management Plan dan Special Area Plan.*

Lain-lain projek akan dilaksanakan melalui penyediaan *Master Plan* yang sedang disediakan oleh Kerajaan Negeri Melaka dengan nasihat dan pemantauan Jabatan Warisan Negara. Bagi Bandar Warisan Dunia George Town, semua projek adalah di bawah tanggungjawab Khazanah Nasional dan Kementerian Kewangan.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

SOALAN

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM

SOALAN NO. : 323

SEKITAR menyatakan

- (a) jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk projek Tanaman Semula atau *Reforestation* sejak tahun 2001 hingga tahun 2010; dan
- (b) apakah perbezaan keluasan perhutanan Negara di antara tahun 2001 dan tahun 2010 dan bagaimanakah dengan tindakan kawalan dan pemantauan kegiatan pembalakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti-aktiviti yang terlibat tanaman semula atau *reforestation* yang telah dilaksanakan termasuklah:
 - (i) Inventori hutan selepas tebangan;
 - (ii) penubuhan/pembangunan tapak semaian;
 - (iii) penubuhan ladang hutan;
 - (iv) tanaman mengaya;
 - (v) tanaman kawasan lapang;
 - (vi) pemulihan kawasan terosot; dan
 - (vii) pemulihan kawasan pesisiran pantai.

Dalam hubungan ini, jumlah perbelanjaan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia bagi tempoh 2001-2010 untuk aktiviti tersebut di Semenanjung Malaysia adalah berjumlah RM448 juta.

- (b) Hutan di Semenanjung Malaysia adalah terdiri daripada Hutan Simpanan Kekal, Hutan

Tanah Kerajaan dan Hutan Tanah Berimilik. Dalam hubungan ini, keluasan tanah negara di Semenanjung Malaysia yang dilitupi hutan pada tahun 2001 dan 2010 adalah masing-masing berjumlah 5,924,407 hektar dan 5,895,611 hektar dengan perbezaan sebanyak 28,796 hektar atau dengan purata pengurangan sebanyak 2,879.6 hektar setahun bagi tempoh 2001-2010, khususnya di kawasan hutan yang terletak di luar kawasan Hutan Simpanan Kekal. Dalam konteks ini, Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang diwartakan telah meningkat daripada 4,840,431 hektar pada tahun 2001 kepada 4,922,521 hektar pada awal tahun 2010.

Pengusahasilan kawasan Hutan Pengeluaran dalam Hutan Simpanan Kekal dikawal melalui penetapan catuan tebangan tahunan yang ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara bagi setiap tempoh Rancangan Malaysia serta mematuhi kesemua syarat dalam Lesen Mengambil Hasil Hutan Utama dan kehendak standard pensijilan pengurusan hutan. Di antara syarat dan peraturan yang perlu dipatuhi termasuklah garis panduan pembalakan kurang impak (*Reduced Impact Logging*), penandaan pokok, spesifikasi jalan hutan, had pengeluaran, pemeliharaan spesies perlindungan dan kawasan zon penampang serta tanah tinggi dan kawasan bercerun curam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, catuan tebangan tahunan yang ditetapkan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) adalah masing-masing 42,870 hektar setahun dan 36,940 hektar setahun.

Sementara itu, pengusahasilan hutan di luar kawasan Hutan Simpanan Kekal (Hutan Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik) adalah bergantung kepada perancangan pembangunan di kawasan berkenaan. Pada kebiasaannya kawasan tersebut akan ditebang habis dan ditukar guna tanah mengikut perancangan yang diluluskan. Walau bagaimanapun, sejajar dengan amalan dalam pengusahasilan di Hutan Simpanan Kekal, Majlis Perhutanan Negara, melalui Persidangan Ke-19nya pada tahun 2005 telah bersetuju supaya Kerajaan-Kerajaan Negeri melaksanakan sistem pengurusan menggunakan kriteria-kriteria minimum bagi tujuan pengusahasilan hutan di Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik. Di antara kriteria mininum ini termasuklah:

- i. Kerajaan Negeri disyorkan untuk menetukan had batas tebangan yang

- sesuai bagi kawasan Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik yang tidak mempunyai pelan pembangunan tanah. Ianya bertujuan untuk memastikan supaya kawasan hutan berkenaan akan terus menyumbang kepada pendapatan Kerajaan Negeri di masa hadapan;
- ii. Had batas tebangan adalah di kecualikan bagi kawasan yang telah mempunyai pelan pembangunan tanah dan akan dibangunkan dalam masa kurang dari tiga tahun. Walau bagaimanapun, kriteria-kriteria minimum perlu dipatuhi;
 - iii. Mewujudkan zon penampan sekurang-kurangnya 10 meter lebar di kiri dan kanan bagi sesuatu alur air dan sungai untuk mengurangkan pencemaran. Sebarang aktiviti penebangan pokok di kawasan ini adalah tidak dibenarkan;
 - iv. Mewujudkan zon penampan selebar 20 meter dalam kawasan hutan Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik jika kawasan pengusahaan hutan tersebut bersempadan dengan HSK serta kawasan-kawasan perlindungan atau tanah rizab lain;
 - v. Kawasan hutan yang berketinggian melebihi 1,000 meter dari aras laut serta kawasan yang berkecerunan melebihi 40 darjah merupakan kawasan sensitif dan perlu dikenalpasti. Oleh itu, sebarang aktiviti penebangan pokok di kawasan berkenaan tidak dibenarkan. Ini selaras dengan keputusan MPN Ke- 14 untuk HSK dan 'Garis Panduan Pembangunan Dikawasan Tanah Tinggi';
 - vi. Pembinaan jalan tuju dan lorong penarik perlu mengikut syarat-syarat yang ditetapkan;
 - vii. Rancangan Mengusahasil Hutan perlu disediakan bagi kawasan yang melebihi 20 hektar sebelum aktiviti pengusahaan hutan dijalankan; dan
 - viii. Sijil Pembebasan Hutan (*Forest Clearance Certificate*) perlu diperolehi sebelum

sesuatu kawasan Tanah Kerajaan dibenarkan untuk tujuan pembangunan tanah dan diberimilik.

Sekian, terima kasih.

RT
37/
No.
324

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. TUAN SIM TONG HIM

[KOTA MELAKA]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta Menteri Pelajaran menyatakan perancangan pembangunan persekolahan untuk RMK-10

- (a) berapa buah sekolah baru akan dibina. Nyatakan lokasinya dan jenis aliran sekolah; dan
- (b) anggaran tambahan murid selepas sekolah-sekolah baru mula beroperasi.

JAWAPAN

- (a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi RMKe-10, terdapat 54 buah sekolah baru dengan peruntukan sebanyak RM1.05 bilion yang meliputi sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah vokasional dan sekolah sukan.

SENARAI SEKOLAH BARU MENGIKUT NEGERI

NEGERI	KATEGORI			
	SK	SMK	SMV	SEK SUKAN
JOHOR	3	3	3	0
KEDAH	6	2	0	0
KELANTAN	1	1	1	0
MELAKA	2	1	0	0
NEGERI SEMBILAN	1	0	0	0
PAHANG	2	2	1	0
PERAK	1	0	0	0
PULAU PINANG	1	0	0	0
SABAG	3	4	0	0
SARAWAK	1	5	0	0
SELANGOR	6	0	0	0
TERENGGANU	0	1	1	1
PERLIS	0	0	0	1
JUMLAH		19		2

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawaan. Dalam membuat perancangan membina sekolah-sekolah baru, salah satu aspek yang diberi keutamaan oleh KPM adalah membuat perancangan yang teliti bagi memastikan pembinaan sekolah-sekolah mengimbangi keperluan penduduk setempat sebagai langkah mengelak daripada menghadapi masalah sekolah kurang murid.

NO. AUM : 325

NO. AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]

TARIKH

RUJUKAN

3517

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pesalah yang disabit hukuman mati dari tahun 1957 sehingga kini mengikut tahun, kesalahan, umur dan jantina.

JAWAPAN:

Dimaklumkan statistik Jabatan Penjara mulai tahun 1960 hingga kini menunjukkan seramai 441 banduan telah disabitkan bersalah dan dijatuhkan hukuman mati serta telah dilaksanakan hukuman mati tersebut. Banduan berkenaan terlibat dengan pelbagai kesalahan iaitu 228 mengedor dadah, 78 membunuh, 130 kesalahan berkaitan senjata api, 4 berperang dengan Yang Di Pertuan Agong dan 1 menculik.

Manakala statistik Jabatan Penjara yang berakhir pada 22 Februari 2011 menunjukkan masih terdapat seramai 696 banduan hukuman mati yang telah disabitkan bersalah oleh mahkamah sedang ditahan di penjara. Hukuman mati terhadap mereka belum dilaksanakan lagi kerana masih dalam proses rayuan samada di mahkamah atau Jemaah Pengampunan Negeri. Mereka terdiri dari 676 lelaki serta 20 wanita yang kebanyakannya (lebih 90%) berumur di antara 21 hingga 50 tahun. Mereka telah didapati bersalah oleh mahkamah kerana terlibat dengan berbagai kesalahan iaitu 479 pengedaran dadah, 204 membunuh dan 13 senjata api.

NO. SOALAN : 326

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'
SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG
 [BUKIT BENDERA]
SOALAN**

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan pegawai perubatan, pegawai pergigian, jururawat, jururawat pergigian, juru x-ray, pegawai dietitik, pegawai farmasi, pegawai pemulihan perubatan (pendengaran,pertuturan,cara kerja,anggota) yang telah meletak jawatan dari hospital Kerajaan selepas tamat tempoh perkhidmatan wajib pada tahun 2008, 2009 dan 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan yang terlibat dengan perkhidmatan wajib ialah Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi. Manakala lain-lain jawatan tidak melibatkan perkhidmatan wajib.

Bilangan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Jururawat, Jururawat Pergigian, Juru x-ray, Pegawai Dietetik, Pegawai Farmasi, Pegawai Pemulihan Perubatan (Pendengaran, Pertuturan, Cara Kerja, Anggota) yang telah meletak jawatan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2008, 2009 dan 2010 adalah seramai 1772 orang. Pecahan mengikut jawatan dan tahun adalah seperti berikut:

Bil	Jawatan	Tahun			Jumlah
		2008	2009	2010	
1	Pegawai Perubatan	452	338	390	1180
2	Pegawai Pergigian	74	77	71	222
3	Pegawai Farmasi	38	93	163	294
4	Pegawai Dietetik	0	2	1	3
5	Pegawai Pemulihan Perubatan (Pendengaran, Pertuturan, Cara kerja, Anggota)	0	0	0	0
6	Jururawat	29	20	11	60
7	Jururawat Pergigian	2	1	1	4
8	Juru x-ray	0	4	5	9
Jumlah Keseluruhan		595	535	642	1772

NO. SOALAN : 327

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]

TARIKH

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta PERDANA MENTERI menyatakan beberapa pemegang biasiswa JPA yang telah dilepaskan daripada kontrak selepas tamat pengajian, mengikut kategori dan bidang pengajian, jantina dan kaum, pada tahun 2001, 2002, 2003, 2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009 dan 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2001-2010, seramai 230 pemegang biasiswa JPA yang telah dilepaskan daripada kontrak selepas selesai membayar ganti rugi enggan berkhidmat dengan Kerajaan. Daripada jumlah tersebut, seramai 122 pelajar adalah kaum Bumiputera dan 108 pelajar adalah Bukan Bumiputera. Pecahan pelajar yang telah dilepaskan kontrak mengikut bidang adalah seperti berikut:

Bidang	Bilangan
Perubatan (Perubatan, Pergigian & Farmasi)	228
Sains & Teknologi	2
Jumlah	230

Pemegang biasiswa JPA yang telah menunaikan tanggungjawab melapor diri setelah tamat pengajian dikehendaki berusaha mendapatkan tempat dalam Perkhidmatan Awam dalam tempoh dua belas bulan seperti mana yang dinyatakan di dalam Perjanjian Biasiswa Persekutuan. Perjanjian ini juga menerangkan bahawa pemegang biasiswa JPA dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan atau mana-mana badan lain yang diarah atau dipersetujui oleh Kerajaan, dalam tempoh dua belas bulan kalender daripada tarikh pelajar melapor diri kepada pihak Kerajaan atau tarikh memohon dengan Pihak Berkuasa Melantik, yang mana terkemudian. Mereka adalah dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan atau Kerajaan Negeri atau mana badan lain yang sebagaimana yang diarah atau dipersetujui oleh Kerajaan dalam apa-apa jawatan yang sesuai dengan kelayakan yang diperoleh oleh pelajar dan terus berkhidmat bagi satu tempoh dan/atau mengikut ketetapan yang telah dinyatakan di dalam Perjanjian Persekutuan yang telah ditandatangani oleh pelajar.

Selepas tempoh dua belas bulan, bagi pemegang biasiswa JPA yang telah berusaha untuk memasuki Perkhidmatan Awam tetapi tidak berjaya mendapat tempat dan tidak ditawarkan sebarang jawatan oleh Kerajaan, mereka adalah bebas untuk berkhidmat di mana-mana agensi termasuk syarikat atau agensi

swasta.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 328
NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]

TARIKH :

RUJUKAN : 3518

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik secara terperinci kekuatan polis dan pecahan anggota beruniform mengikut jabatan, komponen utama operasi polis dan kakitangan awam dari tahun 2001, 2002, 2003, 2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010 dan 2011.

Jawapan

Terlebih dahulu diucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kekuatan anggota polis daripada tahun 2001 hingga 2011 meningkat sebanyak 22.4% bagi anggota uniform dan sebanyak 53.5% bagi anggota awam.

Statistik kekuatan polis dan pecahan anggota beruniform mengikut jabatan, komponen utama operasi polis dan kakitangan awam dari tahun 2001 hingga 2011 adalah seperti di Lampiran A.

LAMPIRAN A

TAHUN	SKIM PERKHIDMATAN	JABATAN PENGURUSAN	JABATAN KDN/KA	JABATAN LOGISTIK	JABATAN SIASATAN JENAYA	CAWANGAN KHAS	JABATAN SIASATAN JENAYAH NARKOTIK	JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIL	PASUKAN PETUGAS KHAS	JUMLAH BESAR
2001	Uniform	31,025	25,965	10,325	7,340	4,775	2,705	0	0	82,135
	Peg. Awam	2,843	631	760	509	920	407	0	0	6,070
	Jumlah	33,868	26,596	11,085	7,849	5,695	3,112	111111111	0	88,205
2002	Uniform	32,876	26,005	10,153	7,417	4,909	2,846	0	0	84,206
	Peg. Awam	2,768	644	907	507	930	415	0		6,171
	Jumlah	35,644	26,649	11,060	7,924	* 5,839	3,261	0	0	- 90,377
2003	Uniform	33,757	26,717	10,145	8,007	5,080	2,981	0	0	86,687
	Peg. Awam	2,782	648	897	505	908	422	0	0	6,162
	Jumlah	36,539	27,365	11,042	8,512	5,988	3,403	111111111	0	92,849
2004	Uniform	32,349	30,178	10,299	8,140	5,049	3,096	0	0	89,111
	Peg. Awam	3,008	756	878	541	990	429	0	0	6,602
	Jumlah	35,357	30,934	11,177	8,681	6,039	3,525	1111111	0	95,713 -
2005	Uniform	33,884	30,438	10,350	7,792	4,849	3,050	717	0	91,080
	Peg. Awam	3,080	786	908	535	962	434	68	0	6,773
	Jumlah	36,964	31,224	11,258	8,327	5,811	3,484	785	0	97,853
2006	Uniform	34,917	30,137	10,215	8,188	4,851	3,256	991		92,555
	Peg. Awam	3,136	888	911	544	971	449	119	0	7,018
	Jumlah	38,053	31,025	11,126	8,732	5,822	3,705	1,110	0	; 99,573 .
2007	Uniform	35,638	32,067	11,073	8,404	4,907	3,336	1,090	0	96,515
	Peg. Awam	3,134	966	971	646	1,039	504	136	0	7,396
	Jumlah	38,772	33,033	12,044	9,050	5,946	3,840	1,226	0	103,911 .
2008	Uniform	38,704	32,510	10,585	8,918	5,094	3,615	1,309	0	100,735
	Peg. Awam	3,451	977	1,002	746	1,219	633	153	0	8,181
	Jumlah	42,155	33,487	11,587	9,664	6,313	4,248	1,462	0	
2009	Uniform	39,354	34,059	10,879	8,900	5,193	3,821	1,343	69	103,618
	Peg. Awam	4,199	1,031	1,100	835	1,262	688	159	• 0	9,274
	Jumlah	43,553	35,090	11,979	9,735	6,455	4,509	1,502	69	. 112,892

TAHUN	SKIM PERKHIDMATAN	JABATAN PENGURUSAN	JABATAN KDN/KA -	JABATAN LOGISTIK	JABATAN SIASATAN JENAYAH	■ CAWANGAN KHAS	JABATAN SIASATAN JENAYAH NARKOTIK	JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIL	PASUKAN PETUGAS KHAS	JUMLAH BESAR
2010	Uniform	43,126	32,815	10,097	9,335	5,102	4,014	1,420	170	106,079
	Peg.Awam	7,616	1,513	1,799	834	1,204	695	181	12	13,854
	Jumiah	50,742	34,328	11,896	10,169	- 6,306	4,7,09	, 1,601	132	119,933
Januari 2011	Uniform	43,343	32,656	9,922	9,346	5,050	4,033	1,410	169	105,929
	Peg.Awam	5,715	1,925	2,521	839	1,191	682	176	12	13,061
	Jumiah	49,058	34*581	12,443	10,185	- 6,241	4,715-	1,586.	. 181	118,990

NO: 329

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT
BENDERA)**

SOALAN 329

Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan kenderaan berdaftar mengikut jenis, iaitu kereta sewa, motosikal swasta dan kenderaan komersial sejak tahun 1957 sehingga kini. Nyatakan juga bilangan kemalangan jalanraya sejak tahun 1957 hingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bilangan kenderaan berdaftar mengikut jenis daripada tahun 1957 sehingga tahun 2010 adalah seperti berikut

TAHUN	MOTOSIKAL	MOTOKAR	BAS	TEKSI	KERETA SEWA	KENDERAAN BARANGAN	LAIN-LAIN KENDERAAN	JUMLAH
1957	438	1,559	37	0	0	193	224	2,451
1958	442	1,521	29	1	0	229	190	2,412
1959	1,150	2,111	64	1	0	301	254	3,881
1960	3,619	3,598	113	2	2	421	420	8,175
1961	4,927	4,652	116	6	1	679	714	11,095
1962	5,818	5,205	147	12	1	736	729	12,648
1963	8,352	6,848	163	29	2	928	842	17,164
1964	11,500	8,528	245	49	1	1,084	1,061	22,468
1965	13,208	9,670	246	42	1	1,264	1,226	25,657
1966	15,694	11,355	203	31	5	1,165	1,245	29,698
1967	16,634	10,871	235	54	1	1,184	1,354	30,333
1968	14,753	11,333	265	56	0	1,317	1,372	29,096
1969	19,747	16,997	394	74	3	2,031	1,982	41,228
1970	22,361	18,433	479	83	2	3,120	2,345	46,823
1971	26,008	21,016	457	95	5	3,556	2,665	53,802
1972	32,094	26,254	307	80	2	3,406	2,864	65,007

1973	53,128	38,749	475	126	3	5,644	3,686	101,811
1974	89,815	46,357	722	329	5	8,505	4,889	150,622
1975	89,216	42,633	963	503	5	8,215	5,422	146,957
1976	97,098	45,013	1,241	551	5	8,673	5,770	158,351
1977	112,029	63,226	1,026	428	9	10,821	6,659	194,198
1978	116,851	73,169	1,040	448	7	12,968	8,390	212,873
1979	109,012	72,708	764	338	7	16,284	10,107	209,220
1980	169,012	98,135	835	743	8	24,102	16,988	309,823
1981	171,839	102,609	966	961	15	22,004	17,697	316,091
1982	200,027	103,098	1,153	780	13	18,636	18,049	341,756
1983	214,524	107,145	957	493	5	17,372	18,753	359,249
1984	191,837	106,189	1,072	301	16	18,997	25,112	343,524
1985	170,100	77,352	1,058	355	12	16,361	30,999	296,237
1986	122,539	58,698	945	156	5	10,831	21,537	214,711
1987	84,027	46,534	872	128	3	8,476	16,773	156,813
1988	98,046	67,979	1,188	114	9	11,351	20,574	199,261
1989	148,405	90,620	1,382	127	23	20,077	38,997	299,631
1990	197,507	124,719	2,171	201	20	32,856	63,431	420,905
1991	234,859	141,020	2,039	164	16	36,593	63,567	478,258
1992	239,416	126,255	1,893	161	16	29,502	38,980	436,223
1993	255,516	140,131	2,069	172	14	24,184	36,667	458,753
1994	285,221	168,635	2,075	170	45	29,758	40,823	526,727
1995	311,762	235,790	2,405	301	27	42,764	52,525	645,574
1996	322,145	318,855	2,697	4,358	2,545	69,786	30,125	750,511
1997	364,214	372,343	2,947	5,257	1,860	65,160	28,396	840,177
1998	237,776	159,642	797	3,569	552	11,786	6,342	420,464

1999	236,779	296,716	508	1,925	1,724	19,987	8,102	565,741
2000	238,695	344,847	544	2,635	2,883	24,316	11,949	625,869
2001	234,751	395,891	652	3,169	1,348	25,612	13,866	675,289
2002	222,685	419,713	919	4,446	1,242	25,415	16,768	691,188
2003	321,234	424,753	1,014	5,542	1,231	29,975	17,041	800,790
2004	397,977	472,116	1,290	7,746	1,797	33,169	18,268	932,363
2005	422,255	537,900	1,568	5,002	3,411	33,532	16,440	1,020,108
2006	448,751	458,294	2,039	4,637	2,414	35,677	19,701	971,513
2007	484,598	468,512	1,809	3,696	2,187	39,655	21,882	1,022,339
2008	543,122	537,092	1,337	3,933	4,443	43,733	22,943	1,156,603
2009	441,545	513,954	1,964	4,110	2,135	34,731	18,922	1,017,361
2010	498,041	585,304	2,067	5,026	3,581	40,887	23,470	1,158,376
JUMLAH	9,373,099	8,642,647	54,96	73,716	33,667	990,009	860,097	20,028,198

Manakala bila
sama adalah

Tahun	Kemalangan
1957	15,242
1958	12,261
1959	11,893
1960	12,941
1961	13,407
1962	13,447
1963	14,209
1964	14,721
1965	15,679
1966	16,788
1967	16,815
1968	13,859
1969	12,517
1970	12,704
1971	16,847
1972	22,151
1973	29,286
1974	24,581
1975	48,233
1976	48,291

1977	54,222
1978	56,021
1979	57,931
1980	59,084
1981	63,192
1982	74,096
1983	79,150
1984	80,526
1985	82,059
1986	79,804
1987	76,882
1988	73,250
1989	75,626
1990	87,999
1991	96,513
1992	118,554
1993	135,995
1994	148,801
1995	162,491
1996	189,109
1997	215,632
1998	211,037
1999	223,166

2000	250,429
2001	265,175
2002	279,711
2003	298,653
2004	326,815
2005	328,264
2006	341,252
2007	363,319
2008	373,071
2009	397,330
2010	414,421

Tuan Yang DiPertua,

Bilangan kemalangan jalan raya yang dinyatakan di atas merupakan kemalangan kerosakan harta benda, kemalangan injuri dan kemalangan maut. Peningkatan kemalangan jalan raya yang berlaku setiap tahun adalah disebabkan oleh pertambahan kenderaan di jalan raya dan peningkatan jumlah pemandu setiap tahun.

SOALAN: NO. 330

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN JEFF OOICHUAN AUN
[JELUTONG]

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN Air menyatakan butir-butir terperinci untuk memperbandingkan jumlah subsidi yang tarik daripada sokongan harga diesel dan petrol kegunaan awam dan subsidi gas asli yang diberikan kepada semua *Independent Power Producers* (IPP) antara 2004 dan 2011.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Terlebih dahulu, saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan tidak pernah memberikan subsidi yang dikeluarkan secara langsung dalam bentuk kewangan bagi membiayai penjana kuasa bebas atau *Independent Power Producers* (IPP). Kerajaan telah memberikan subsidi kepada sektor elektrik dalam bentuk harga gas yang rendah yang akhirnya akan dinikmati oleh rakyat dalam bentuk tarif elektrik yang berpatutan. Jumlah subsidi harga gas bagi sektor elektrik yang merangkumi IPP dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dari tahun 2004 sehingga 2010 adalah sebanyak RM78.375 bilion.

Setiap tahun, Kerajaan menyediakan sejumlah peruntukan bagi membiayai subsidi-subsidi yang bertujuan untuk memastikan barang-barang dan perkhidmatan tertentu dijual pada harga berpatutan. Oleh itu, perbandingan

antara jumlah subsidi yang ‘ditarik’ daripada sokongan harga diesel dan petrol kegunaan awam dan subsidi gas asli yang ‘diberikan’ kepada semua *Independent Power Producers* (IPP) tidak dapat dibuat kerana pihak Kerajaan tidak pernah memberi subsidi dalam bentuk kewangan kepada pihak IPP.

NJD-. 33/

SJ.B(TULIS)/(22)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 07.03.2011 - 07.04.2011

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- (a) maklumat sepenuhnya (*full disclosure*) penjualan saham Khazanah Nasional dalam syarikat-syarikat berpautan Kerajaan (GLCs) seperti TNB, PLUS Expressway Bhd, Malaysia Airports Bhd dan sebagainya kepada pihak ketiga; dan
- (b) ke manakah dana awam sekurang-kurangnya sebanyak

RM3.1 bilion setelah Khazanah menjalankan *divestment* tersebut pada 2010 telah digunakan dan bagaimana dapat dibuktikan kepentingan para pencarum cukai tetap terpelihara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelupusan yang dilakukan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dalam beberapa syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) sepanjang tahun 2010, adalah bertujuan untuk meningkatkan kadar apungan (*liquidity*) serta kebolehlaburan (*investability*) saham-saham GLC terbabit,

2. Secara keseluruhannya, Khazanah telah melaksanakan beberapa transaksi pelupusan sepanjang tahun 2010 yang menjana hasil kira-kira RM6.2 bilion. Di antara transaksi utama yang telah dilakukan sepanjang tahun lepas adalah seperti berikut:

- i) PT Bank CIMB Niaga TBK (pertukaran saham) - RM2.0 bilion
- ii) CIMB Group Holdings Bhd - RM1.2 bilion
- iii) Malaysia Airports Holdings Bhd - RM0.8 bilion
- iv) Telekom Malaysia Bhd - RM0.6 bilion

3. Untuk makluman Yang Berhormat, saham yang dilupuskan dan keseluruhan hasil yang diterima daripada pelupusan tersebut adalah milik Khazanah dan bukannya milik awam memandangkan Khazanah dan Kerajaan merupakan dua entiti yang berasingan. Keseluruhan hasil yang diterima oleh Khazanah daripada pelupusan tersebut telah digunakan untuk membiayai pelaburan barunya yang dilaksanakan pada tahun 2010 berjumlah RM6.5 bilion. Di antara bidang pelaburan baru itu termasuk:

- i. Pelaburan dalam industri riadah dan pelancongan di antaranya Kidzania, sebuah taman tema kanak-kanak, pembinaan hotel dan kompleks hiburan serta pusat

- membeli belah di Puteri Harbour, Johor dan Pembangunan Teluk Datai Resorts, Langkawi;
- ii. Pelaburan dalam sektor pertanian antara lamnya Malaysian Agrifood Corporation Bhd, Malaysian Biotropics Herbal Bhd dan Blue Archipelago Bhd;
 - iii. Pelaburan dalam Pinewood Iskandar Malaysia Studios bagi sektor kreatif; dan
 - iv. Pelaburan bawah sektor pendidikan di mana Khazanah memperkenalkan 10 buah Sekolah Amanah pertama di bawah Yayasan Amir.

Kesemuanya pelaburan ini dijangka mampu menjana pertumbuhan ekonomi serta menjadi pemangkin kepada pelaburan domestik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
SOALAN

BUKAN JAWAB LISAN TUAN
JEFF 001 CHUAN AUN N0.332

Tuan Jeff Oof Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah kegiatan dan pencapaian Kementerian dalam mempromosikan bidang kajian Melayu di dunia antarabangsa sejak kelima-lima institusi berikut ditubuhkan:-

- (a) *European Chair for Malay Studies* di *Leiden University The Netherlands*, *Tun Abdul Razak Chair* di *Ohio University Amerika Syarikat*, *Chair of Malay Studies* di *Victoria University of Wellington New Zealand*;
- (b) *Chair of Malay Studies* di *Beijing Foreign Studies University China* dan *Chair of Malay Studies* di *Hankuk University of Foreign Studies Korea Selatan*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1980, sebanyak lima buah kursi akademik telah ditubuhkan di universiti luar negara

iaitu Kursi Tun Abdul Razak di Ohio University, Amerika Syarikat pada tahun 1980; Kursi Eropah bagi Pengajian Melayu di Leiden University, Belanda pada tahun 1992; Kursi Pengajian Melayu di Victoria University of Wellington, New Zealand pada tahun 1996; Kursi Pengajian Melayu di Beijing Foreign Studies University, Republik Rakyat China pada tahun 2007 dan Kursi Pengajian Melayu di Hankuk University of Foreign Studies, Korea Selatan pada tahun 2008.

Penubuhan kursi-kursi akademik di universiti luar negara telah membawa impak yang berkesan melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh penyandang Kursi dengan kerjasama universiti-universiti berkenaan.

Antara kegiatan dan pencapaian Kementerian dalam mempromosikan bidang kajian Melayu di kelima-lima Kursi ini adalah:

A. Kursi Eropah bagi Pengajian Melavu di *Leiden University*. *The Netherlands*

- i. aktiviti-aktiviti syarahan dan pembentangan kertas kerja yang telah dilaksanakan oleh Penyandang Kursi telah memberi impak bukan sahaja di The Netherlands, malah turut meliputi lain-lain negara Eropah seperti United Kingdom dan Jerman;
- ii. menjalankan penyelidikan dan penyeliaan tugas pelajar berkaitan pengajian Melayu oleh penyandangnya di *Leiden University*;
- iii. penubuhan Kursi ini telah juga berjaya menghasilkan impak dalam meningkatkan hubungan kerjasama antara institusi- institusi di

Malaysia dan The Netherlands serta penyebaran kajian Melayu; dan

- iv. memberi pendedahan kepada masyarakat Eropah mengenai Pengajian Melayu seiring dengan meningkatnya minat masyarakat Eropah terhadap Pengajian Nusantara dan Asia. Peningkatan ini dapat dilihat melalui penubuhan institut-institut seperti *The School of Oriental Studies*, London, *The Centre for Asian Studies*, Amsterdam dan *The Nordic Institute for Asian Studies*, Copenhagen.

B. Kursi Tun Abdul Razak Bagi Kajian Asia Tenggara di Ohio

University. Athens. Amerika Syarikat

- i. kajian Asia Tenggara telah menjadi *focal point* dan sebagai pemangkin kepada beberapa inisiatif kerjasama dalam bidang pendidikan tinggi antara Malaysia dan Amerika Syarikat Kursi Tun Abdul Razak bagi Kajian Asia Tenggara telah diiktiraf oleh Kerajaan Amerika Syarikat, yayasan-yayasan di Amerika Syarikat dan komuniti kesarjanaan antarabangsa sebagai pusat kajian unggul di rantau Amerika untuk para sarjana menjalankan kajian berkaitan Malaysia dan Asia Tenggara;
- ii. setiap tahun, purata seramai 17 orang pelajar rakyat Amerika mengikuti program pengajian Melayu di Ohio University;
- iii. selain daripada penglibatan penyandang Kursi sebagai pensyarah dan penyelia dalam bidang pangajian yang berkaitan dengan

Malaysia, beberapa contoh impak daripada penubuhan Kursi Tun Abdul Razak Bagi Kajian Asia Tenggara itu adalah penubuhan Pusat Sumber Malaysia di Alden Library's Southeast Asia Collection, Ohio University yang merupakan *sole depository* bahan-bahan mengenai Malaysia di Amerika Syarikat; dan

- iv. pelbagai program di peringkat antarabangsa antaranya, penganjuran Bengkel Pengajian Asia Tenggara oleh Universiti Malaya dan Ohio University yang turut menjemput pakar-pakar dari rantau Asia Tenggara dan Syarahan Tun Abdul Razak yang menjemput pakar ekonomi terkemuka untuk menyampaikan syarahan ekonomi di Kuala Lumpur.

C. Kursi Pengajian Melalu di *Victoria University of Wellington, New Zealand*

- i. penyandang Kursi telah menjalankan beberapa aktiviti antaranya syarahan, penyelidikan dan penyeliaan pelajar oleh penyandangnya. Sebagai contoh, Siri *Malay Studies - Saad Annual Lecture* yang dimulakan sejak tahun 1998 telah berjaya memberikan penerangan dan pengetahuan kepada masyarakat New Zealand dan Asia-Pasifik mengenai negara Malaysia dalam pelbagai aspek termasuk politik, ekonomi dan sosial. Aktiviti syarahan ini merupakan aktiviti tahunan Kursi yang masih dijalankan sehingga kini;
- ii. kursi ini juga berjaya menubuhkan Pusat Sumber Malaysia di *Victoria University of Wellington* dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia; dan

- iii. siri-siri syarahan umum turut dilaksanakan oleh Kursi bagi memberikan penerangan mengenai Islam. Sebagai contoh, Kursi ini terlibat dalam menganjurkan syarahan umum mengenai Islam Hadhari oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 31 March 2005 di *Victoria University of Wellington*, New Zealand di atas tajuk *Islam Hadhari and Good Governance*.

D. Kursi Pengajian Melavu di Beiiinq Foreign Studies University (BFSU).

Republik Rakvat China

- i. penyandang kursi telah menjalankan aktivit-aktiviti seperti syarahan, penyelidikan dan penyeliaan untuk pelajar- pelajarnya. Seramai 65 orang pelajar telah memilih untuk mempelajari bahasa Melayu di BFSU pada tahun 2009;
- ii. penyandang Kursi juga turut bergiat aktif dalam aktiviti pengembangan Pengajian Melayu di wilayah-wilayah lain seperti Guangzhou dan Yunnan. Kursi tersebut berjaya mengadakan Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu pada 2009 bersempena dengan 35 tahun hubungan diplomatik China dan Malaysia yang turut dihadiri oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia;
- iii. penubuhan Pusat Sumber Malaysia BFSU hasil kerjasama dengan Perpustakaan Negara;
- iv. usahasama antara penyandang Kursi dengan pihak penerbitan di Beijing berjaya menerbitkan kamus bergambar bahasa China-bahasa Melayu pada tahun 2009; dan
- v. program pertukaran pelajar di antara Universiti Malaya (UM) dan

BFSU telah dikendalikan sejak 2007 di mana pada tahun 2008, seramai 20 orang pelajar dari BFSU ditempatkan di Akademi Pengajian Melayu, UM selama satu semester untuk mendalami Pengajian Melayu yang meliputi bahasa, sastera dan kebudayaan Melayu. Sementara itu, seramai 26 orang pelajar dari UM telah ditempatkan di BFSU selama sebulan setengah untuk mempelajari Bahasa Mandarin.

E. Kursi Pengajian Melalu di Hankuk University of Foreign Studies (HUFS) di Korea Selatan

- i. menjalankan aktiviti tahunan bagi memperkenalkan Pengajian Melayu di kalangan pensyarah dan pelajar HUFS dan masyarakat di Korea Selatan secara keseluruhannya;
- ii. menjalankan aktiviti perkuliahan, penyeliaan pelajar dan penyelidikan; dan
- iii. merancang untuk mengadakan Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu-Asia (PAPMA) yang dijangka akan diadakan pada bulan September 2011 bagi menghimpunkan golongan akademia dalam bidang pengajian Melayu untuk mengetengahkan hasil kajian semasa mereka tentang pelbagai aspek peradaban bangsa dan hubungannya dengan tamadun Asia Timur, khususnya Korea Selatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun Jelutong

KAWASAN NO.

333

SOALAN

**Tuan Jeff Ool Chuan Aun [Jelutong] minta PERDANA
MENTERI menyatakan**

(a) butir-butir terperinci tentang jumlah dan senarai penerima Approved Permits (AP) bagi kenderaan yang dikeluarkan sejak 2004 hingga 2011; dan

(b) berapakah AP yang bakal dikeluarkan dan apakah dasar Kerajaan terkini mengenai sistem AP menjelang pemansuhannya pada 2015

TAWARAN
Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh tahun 2004 sehingga 1 Mac 2011, jumlah Lesen Import (AP) kenderaan (AP Terbuka dan AP Francais) yang telah dikeluarkan kepada svarikat-svarikat pemegang AP adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah AP Keluar (unit)</u>
2004	51,719
2005	57,267
2006	38,545
2007	27,838
2008	40,886
2009	33,492
2010	53,659
2011	11,690

(sehingga
1 Mac 2011)

Tuan Yang Dipertua,

Pengeluaran AP kenderaan adalah berdasarkan had bumbung 10% daripada jumlah pengeluaran kenderaan (TIV)

tahun sebelumnya. Ingin juga dimaklumkan bahawa Kajian Semula Dasar Automotif Nasional pada 28 Oktober 2009 menetapkan bahawa:

- (i) sistem AP Terbuka akan dimansuhkan menjelang 2015 manakala sistem AP Francais bagi kenderaan baru akan dimansuhkan pada 31 Disember 2020; dan
- (ii) tiada peruntukan AP Terbuka dipertimbangkan kepada syarikat-syarikat baru; dan
- (iii) dasar semasa AP Francais dikekalkan yang mana peruntukan AP Francais jenama baru dibekukan seiak tahun 2006 dan hanya pengambilan alih jenama sedia ada dibenarkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA TUAN JEFF OOI CHUAN AUN

NO SOALAN : 334

[JELUTONG]

TARIKH 7 MAC HINGGA 7 APRIL 2011

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah KPI yang disyaratkan ke atas peruntukan sebanyak RM 100 juta yang diberi kepada Rancangan Permata di bawah Belanjawan 2010. Selain 457 buah pusat jagaan kanak-kanak yang ditubuhkan terdahulunya, apakah pencapaian dan akautabiliti Jawatankuasa Eksekutif Dasar Permata Kebangsaan bersabit peruntukan dana tersebut.

JAWAPAN

YB. DATUK SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators*) bagi peruntukan sebanyak RM 100 juta pada tahun 2010 kepada Program PERMATA Negara berfokuskan kepada 2 objektif iaitu memperkasakan pelaksanaan Program PERMATA Negara ke seluruh negara dan menyediakan program-program khas untuk pelajar pintar, cerdas dan berbakat (PCB).

Bagi pemerkasaan pelaksanaan Program PERMATA Negara ianya meliputi pembinaan bangunan baru Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN), penaiktarafan dan pengubahsuaian TASKA-TASKA di agensi-agensi Kerajaan seperti TASKA KEMAS ,TASKA Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, TASKA tempat kerja dan TASKA komuniti yang bersetuju untuk menggunakan Kurikulum PERMATA Negara.

Bagi penyediaan program PCB, PERMATA akan menjalankan proses mengenalpasti kanak-kanak bakat dan tahap potensi yang tinggi untuk

diberikan pendedahan dan latihan supaya bakat mereka dapat dibangunkan secara menyeluruh ke tahap yang optima. Program PCB akan menyediakan pendekatan khusus yang dirancang khas bagi memenuhi keperluan pembelajaran PCB secara berterusan di samping membangunkan aspek perkembangan sosio-emosi yang sihat.

Pelaksanaan program PCB dibuat melalui latihan sepanjang tahun dan perkhemahan cuti sekolah dan dibahagikan kepada PERMATA Pintar, PERMATA Seni dan PERMATA Insan.

Penyelarasian pelaksanaan Program PERMATA diselaraskan oleh sebuah Jawatankuasa Kerja Penyelarasian Program PERMATA yang dianggotai oleh wakil-wakil agensi, ahli-ahli akademik, pakar kanak-kanak, badan bukan kerajaan dan individu-individu profesional. Jawatankuasa ini berperanan untuk merancang strategi pelaksanaan program-program PERMATA dan bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan aktiviti di bawah Program PERMATA dilaksanakan secara terancang, tersusun dan bersepadu. Di samping itu, ia juga melihat pencapaian dan prestasi keseluruhan pelaksanaan aktiviti Program PERMATA dan memastikan setiap projek yang dilaksanakan memberi nilai tambah atau *value for money* dan mematuhi semua peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa.

NO. SOALAN : 335

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKAN LISAN

DARIPADA YB DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD

[KUALA SELANGOR]

SOALAN

Y.B. Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah beliau bersedia untuk tidak mengizinkan pemimpin politik memegang kedudukan dalam syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs) atas tuntutan urus - tadbir baik atau *good governance*.

Tuan Yang Di-Pertua,
JAWAPAN:

Kerajaan akan melantik individu yang mempunyai keupayaan memegang jawatan di syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs) dan tidak terikat kepada sebarang polisi yang menyatakan bahawa pemimpin politik tidak boleh memegang kedudukan di dalam GLCs.

Pelantikan dibuat berdasarkan kebolehan individu itu sendiri, sama ada beliau merupakan seorang ahli korporat, bekas pegawai kerajaan atau bekas ahli politik. Terdapat beberapa ahli politik yang mempunyai kelayakan akademik seperti Masters in Business Administration (MBA) dan berpengalaman di dalam bidang korporat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD

SOALAN : NO.336

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan kedudukan mutakhir tentang prestasi pungutan semula PTPTN dan langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani pelbagai

masalah seperti yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara, 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2011, seramai 660,782 peminjam telah mula membayar balik sebanyak RM2.30 bilion dengan komitmen keseluruhan yang perlu dibayar sebanyak RM3.48 bilion. Sementara itu, seramai 80,418 peminjam diluluskan penangguhan bayaran balik yang melibatkan amaun sebanyak RM0.47 bilion. Baki yang masih belum dibayar balik oleh peminjam adalah sebanyak RM1.19 bilion yang melibatkan 226,111 peminjam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa isu berbangkit seperti yang terdapat di dalam Laporan Ketua Audit Negara

2009 dan langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani masalah-masalah tersebut adalah:

isu 1:

Sistem Pengurusan Kutipan Bayaran Balik Pinjaman PTPTN kurang mantap (tidak berintegrasi, tiada *alert sistem* dan tiada fungsi pengumuran).

Sistem pengurusan kutipan balik belum dimantapkan berikutan Sistem ETEFS (*End To End Financing System*) yang digunakan sebelum ini belum siap dibangunkan. Walaubagaimanapun, beberapa strategi telah dirancang untuk memastikan kutipan balik pembiayaan dapat dilakukan.

i. Strategi jangka pendek yang diambil ialah:-

- a. Memperbanyak dan mempelbagaikan saluran bayaran balik;
- b. Bekerjasama dengan IPT untuk mengadakan taklimat kepada pelajar tahunakhir/bakal graduan tentang kemudahan dan kepentingan membuat bayaran balik pinjaman;
- c. Mengeluarkan surat arahan bayaran balik (bagi peminjam yang telah tamat tempoh pengeluaran dan sepatut mula membuat bayaran balik) dan surat-surat peringatan (bagi peminjam yang masih tidak membuat bayaran balik / tidak memberi maklumbalas) mengikut tempoh yang telah ditetapkan;
- d. Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan, dan pihak swasta;

- e. Melantik panel peguam bagi urusan penghantaran Surat Peringatan Terakhir, *Letter Of Demand* (LOD) dan Saman;
 - f. Mempertingkatkan tindakan saman terhadap peminjam ingkar;
 - g. Mempertingkatkan tindakan senarai hitam Imigresen terhadap peminjam ingkar;
 - h. Mengadakan kempen bayaran balik bagi menyedarkan peminjam akan tanggungjawab mereka menjelaskan hutang;
 - i. Mempergiatkan usaha pengeluaran notis tuntutan tunggakan kepada peminjam yang telah memulakan bayaran balik tetapi masih mempunyai amaun tunggakan;
 - j. Melantik *debt collector* bagi tujuan mengutip pinjaman bagi peminjam yang telah diperolehi penghakiman daripada mahkamah; dan
 - k. Menambah terma perjanjian pembiayaan untuk memastikan supaya menjadi kewajiban peminjam untuk memaklumkan kepada majikan sekiranya beliau adalah seorang peminjam dan masih mempunyai hutang dengan PTPTN.
- ii. Strategi jangka panjang:-
- a. Pemindahan fungsi bayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN ke LHDNM.

Isu 2:

Nisbah bilangan pegawai dengan bebanan kerja bagi urusan kutipan bayaran balik pinjaman PTPTN tidak seimbang.

Langkah yang telah diambil ialah:

- i. seramai 43 pegawai dan kakitangan tambahan telah dilantik mulai 1 September 2009 hingga 15 Oktober 2010 menjadikan jumlah keseluruhan bilangan pegawai dan kakitangan yang menguruskan pengurusan kutipan balik pinjaman adalah 100 orang. Ini menjadikan nisbah bilangan pegawai kepada peminjam adalah 1:8,625 berbanding nisbah bilangan pegawai yang dilaporkan di dalam LKAN 2009 iaitu 1:12,000;
- ii. satu bengkel telah diadakan pada 21 hingga 24 Oktober 2010 bagi memuktamadkan penstrukturkan semula perjawatan PTPTN dengan mengambil kira bilangan pertambahan bilangan pegawai yang diperlukan bagi mengimbangi bebanan kerja sedia ada dan akan datang. Dijangka penstrukturkan ini akan dapat diselesaikan pada tahun 2011.

Tiada perjanjian ditandatangani oleh pelajar yang menunaikan Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP). Ini dikatakan menyukarkan penguatkuasaan kutipan WPP.

- i. Walaupun WPP tidak menggunakan perjanjian, pelajar yang ditawarkan WPP adalah disyaratkan menandatangani surat setuju terima semasa menunaikan waran WPP. Surat setuju terima ini boleh digunakan sebagai perjanjian yang mengikat pelajar untuk membayar balik WPP sekiranya tidak memohon atau tidak ditawarkan pembiayaan pendidikan PTPTN.
- ii. Bagi pelajar yang memohon dan diluluskan pembiayaan pendidikan PTPTN, potongan untuk bayaran balik WPP akan dibuat mulai semester kedua.

Isu 4:

Berdasarkan LKAN 2009, sebanyak 187,540 atau 82% dokumen perjanjian pinjaman pendidikan daripada 227,595 set bagi tahun 2008 & 2009 masih belum ditandatangani oleh pihak PTPTN.

Langkah-langkah yang telah diambil adalah:

- i. Pada 27 September 2010, satu pasukan khas telah diwujudkan bagi menandatangani dokumen-dokumen perjanjian yang telah dikemaskini ke dalam sistem. Setakat 15 November 2010, urusan tandatangan di ruangan pegawai & saksi PTPTN bagi 187,540 set dokumen perjanjian telah disiapkan.
- ii. Setelah urusan tandatangan diselesaikan, satu salinan dokumen perjanjian akan dihantar kepada pelajar untuk simpanan. Namun begitu, urusan pengeposan hanya boleh dilaksanakan setelah pindahan data (*data migration*) dari ETEFS ke ELMAS (*Education Loan Management System*) diselesaikan.

Di samping itu, PTPTN juga dalam proses untuk melakukan penamatan Perjanjian Perkhidmatan ETEFS (*End To End Financing System*) secara '*mutual termination*' dengan Syarikat Prokhas Sdn. Bhd. yang menyediakan sistem ini. Ini disebabkan sistem tersebut gagal disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dan menyebabkan PTPTN menghadapi banyak masalah.

Ail >33*^ ,

SJ.B/(23)

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
(KUALA SELANGOR)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 7 MAC 2011 - 7 APRIL 2011

OR.

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Simpang-Renggam) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan tentang kedudukan hutang tak berbayar pihak isi-rumah (*household NPL*) dalam keadaan hutang isi-rumah telah dilaporkan oleh BNM meningkat ke paras RM577 bilion atau 77% KDNK dan mungkin akan menjadi lebih parah ketika pertumbuhan menguncup (*growth slows down*) dan inflasi meningkat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kualiti hutang isi rumah pada akhir tahun 2010 kekal tinggi dengan nisbah pinjaman tak berbayar (*NPL ratio*) yang rendah iaitu 2.3% berbanding dengan 3.1% pada akhir tahun 2009. Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK pula kekal stabil pada akhir 2010 sebanyak 75.9% (2009: 76%) dengan jumlah hutang isi rumah sebanyak RM581.3 bilion.

2. Meskipun kadar hutang isi rumah mengalami pertumbuhan sebanyak 12.5% pada akhir tahun 2010, aset kewangan isi rumah berada pada tahap kukuh melebihi jumlah hutang isi rumah sebanyak 2.38 kali (2009: 2.37 kali). Kedudukan aset cair isi rumah juga kekal tinggi pada tahap selesa merangkumi 65% daripada keseluruhan aset kewangan isi rumah. Penampang kewangan yang teguh dapat terus melindungi isi rumah agar dapat menyerap sebarang kejutan terhadap tahap pendapatan pada masa hadapan.

SJ.B(BERTULIS)/(24)

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD

(KUALA SELANGOR)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 07.03.2011 -07.04.2011

Dr. Haji Dzulkefly bIn Ahmad (Kuala Selangor) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kesediaan beliau mendengar cadangan rakyat ‘netizens’ dalam Facebook seramai lebih 290,000 yang mendesak supaya pembinaan Menara Warisan Merdeka, atas seluruh penghujahan mereka, tidak diteruskan sesuai dengan komitmen beliau bahawa masa atau satu era ‘Kerajaan tahu semua’ telah berlalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited dengan konsep bahawa era ‘kerajaan tahu semua’ telah berlalu. Kerajaan sentiasa mengambil maklum dan mengutamakan pandangan semua pihak termasuk rakyat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kumpulan masyarakat dan media alternatif seperti blog dan *netizens* dalam setiap pelaksanaan dasar. Sebagai contoh, penyediaan Program

Transformasi Ekonomi (ETP) yang merupakan usaha bersepada untuk menjadikan Malaysia sebagai Negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, dirangka dengan usahasama jitu antara pihak Kerajaan dan swasta. Penyediaan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah ETP ini telah melibatkan sehingga 500 orang peserta yang terdiri daripada 250 syarikat sektor swasta dan 60 agensi Kerajaan. Hasilnya telah dibentangkan pada Hari Terbuka (Open Days) yang adakan di Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak dan telah dihadiri lebih 5,0 wakil daripada komuniti perniagaan, syarikat antarabangsa dan rakyat. Mereka diberi peluang untuk memberikan pandangan dan input bagi menambah baik cadangan dalam ETP tersebut. Langkah seperti ini adalah bertujuan bagi memastikan kepentingan rakyat dan negara terus terjamin, selaras dengan gagasan 1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

3. Namun begitu, projek pembangunan Menara Warisan Merdeka yang bernilai RM 5 bilion oleh PNB ini adalah merupakan sebuah projek pembangunan swasta. Ianya telah dirancang sejak tahun 2004 lagi. Kajian bagi melaksanakan pembangunan ini telah dilaksanakan dan pihak Lembaga Pengarah PNB memutuskan bahawa, sekarang adalah masa terbaik untuk melaksanakannya dan akan dibiayai sepenuhnya oleh PNB. Memandangkan hasil kajian dan penilaian PNB bahawa projek ini akan memberikan pulangan positif kepada pelabur, Kerajaan tiada halangan untuk projek ini diteruskan.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan Projek Warisan Merdeka ini melibatkan pembangunan bercampur

berkonsep bangunan hijau, di atas tapak seluas 19 ekar untuk tempoh pembangunan selama 10 tahun. Pembangunan Warisan Merdeka ini juga turut mempunyai unit-unit kondominium dan kompleks membeli-belah. Selain itu, projek ini akan dimajukan oleh PNB dan juga anak-anak syarikatnya serta berkemungkinan besar akan menjalin kerjasama dengan syarikat-syarikat tempatan yang lain.

5. Projek ini juga merupakan salah satu usaha PNB untuk mempelbagaikan portfolio pelaburannya yang kini tertumpu sebahagian besarnya dalam ekuiti. Adalah dijangkakan PNB akan memperoleh pulangan antara 8% hingga 10% hasil daripada perlaksanaan projek ini, lebih tinggi daripada pulangan antara 5% hingga 7% dalam pasaran saham. Langkah untuk mempelbagaikan bidang pelaburan kepada hartanah adalah perlu bagi memastikan PNB sentiasa berupaya dan mampu memberikan pulangan yang berpatutan kepada pelabur. Manakala, dari segi pembiayaan projek pula, kos projek pembangunan ini akan dibiayai sebahagian besarnya oleh PNB menerusi sumber dalamannya sendiri. Manakala, bakinya mungkin akan dibiayai secara pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Perlaksanaan projek ini akan memberikan kesan limpahan yang besar kepada lebih 100 subsektor lain seperti sektor perkhidmatan

kewangan, arkitek dan kejuruteraan serta kepada subsektor pembinaan seperti besi dan keluli, simen dan batu-bata. Pelaksanaan projek ini akan mewujudkan peluang pekerjaan yang besar serta menarik lebih banyak pelaburan asing.

PERTANYAAN BUKAN LISAN

DARIPADA DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
[KUALA SELANGOR]

SOALAN:

DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah jaminan supaya unit Peneraju Agenda Bumiputera tidak akan mengulangi kesilapan perlaksanaan dasar-dasar lama seperti DEB, FIC dan sebagainya yang memangsakan Melayu teramai dan memperkayakan segelintir kroni.

JAWAPAN:

Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diperkenalkan pada tahun 1971 untuk mencapai matlamat utama perpaduan nasional melalui objektif serampang dua mata iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Pelaksanaan DEB bukanlah satu kesilapan kerana sepanjang tempoh pelaksanaan DEB, dasar afirmatif yang dilaksanakan oleh

SOALAN : 339

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Kerajaan telah mencapai pelbagai kejayaan iaitu antara lainnya pengurangan kadar kemiskinan keseluruhan telah berkurangan

dengan ketara daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 3.8 peratus pada tahun 2009 serta mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Pelbagai inisiatif dan strategi telah dirancang dan akan dilaksanakan oleh TERAJU bagi meningkatkan pemilikan dan penguasaan ekuiti Bumiputera serta penyertaan di dalam pelbagai sektor ekonomi. Antara strategi utama adalah memperkuuhkan pelaksanaan Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) dengan sasaran minimum sejumlah RM2 bilion modal pasaran. Melalui SJJB, langkah akan diambil untuk membantu mempercepatkan bilangan syarikat Bumiputera yang berkelayakkan untuk disenaraikan di Bursa Malaysia.

Pada masa yang sama, TERAJU sedang melaksanakan makmal Bumiputera untuk mengenalpasti beberapa inisiatif serta strategi baru bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam *Entry Point Project* (EPP), terutamanya di kalangan enterpris kecil dan sederhana (SME). Makmal ini juga bertujuan menilai tahap sokongan institusi berkaitan dalam memperkuuhkan kapasiti dan tahap kecekapan SME Bumiputera, terutamanya dari segi pemilikan ekuiti dan daya saing untuk meningkatkan penyertaan mereka di dalam pasaran domestik dan global. Satu Pelan Tindakan Agenda Pembangunan Bumiputera akan dihasilkan daripada perbincangan makmal yang dilaksanakan dan akan

dibentangkan kepada Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB).

N0v3^0

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA

TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

PERTANYAAN

TARIKH

7.3.2011 -

BERTULIS

7.4.2011

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan perancangan untuk menubuhkan Pusat Rawatan Jantung (UN) di setiap negeri pada masa terdekat memandangkan pesakit terpaksa menunggu masa yang panjang untuk rawatan kerana pusat UN tidak mencukupi pada masa sekarang dan menyenaraikan jumlah doktor pakar yang berkhidmat serta jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan pada setiap hari.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Institut Jantung Negara (UN) tidak bercadang untuk menubuhkan Pusat Rawatan Jantung di setiap negeri. Namun begitu, selaku peneraju pusat rawatan jantung di Malaysia, UN telah mengambil langkah menambahbaik dan meningkatkan fungsi serta operasi fasiliti sedia ada bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit di Malaysia. Dengan penambahan blok dan kemudahan perubatan baru pada tahun 2009 dan 2010, tempoh menunggu untuk mendapatkan rawatan bagi pesakit

UN telah dikurangkan dari 12 bulan kepada 4-8 minggu bagi *cardiothoracic surgery* dan tiada masa menunggu bagi kes kecemasan serta *invasive cardiology procedures*.

Sehingga kini, terdapat 101 pegawai perubatan dan doktor pakar yang berkhidmat di UN. Berdasarkan statistik pada tahun 2010, purata bilangan pesakit yang mendapatkan rawatan dan kes yang dijalankan di UN adalah seperti berikut:

Pesakit / Kes	Purata Bilangan Rawatan
<i>Outpatient</i>	754 pesakit sehari
<i>Inpatient</i>	Bergantung kepada rujukan dari “ <i>Outpatient</i> ”
<i>Invasive Cardiology Procedures</i>	Purata 40 -50 kes sehari
<i>Cardiovascular & Thoracic Surgeries</i>	Purata 15-17 kes sehari

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS
DARIPADA Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
SOALAN Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan perancangan memberikan bantuan subsidi dan teknikal kepada pengusaha sarang burung dalam RMK-10:

- (a) bagaimana kementerian bekerjasama dengan pihak PBT untuk memastikan industri ini tidak mendatangkan masalah pencemaran persekitaran berlaku; dan

- (b) senaraikan syarat-syarat dan tempoh masa keiulusan lesen untuk industri-industri sarang burung.

JAWAPAN Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menyediakan bantuan subsidi kepada pengusaha sarang burung walit dalam RMK-10 ini. Walau bagaimanapun, khidmat teknikal melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar disediakan kepada semua pengusaha mengikut keperluan. Selain itu, Agrobank ada menyediakan dana pinjaman untuk semua pengusaha mengikut syarat - syarat yang ditetapkan.

- (a) Kerajaan telah menyediakan Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit (1GP) untuk diguna pakai oleh semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan Akta Perancangan Bandar dan Desa [Akta 172]
- (b) Syarat - syarat permohonan lesen bagi premis perladangan atau pemprosesan adalah:
 - a) Mendaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) secara atas talian atau manual di pejabat JPV terdekat;
 - b) Perlu mengikuti kursus Amalan Baik Penternakan Burung Walit (*Good Animal Husbandry Practices* - GAHP) bagi premis perladangan atau *Good Manufacturing Practices* - GMP bagi premis pemprosesan dan menyertakan sijil kehadiran kursus semasa mengemukakan permohonan lesen;
 - c) Setiap premis burung walit perlu memperolehi CFO/CCC (*Certificate of Fitness for Occupation / Certificate of Completion and Compliance*) atau permit bangunan atau resit cukai pintu terkini; dan
 - d) Pemohon perlu menjadi ahli Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Malaysia mengikut negeri.

Tempoh kelulusan permohonan lesen bagi premis baru adalah 23 hari dan tempoh sah laku lesen adalah sehingga 3 tahun. Keterangan lanjut berhubung pembangunan industri burung walit ada diterangkan dalam Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit (1GP) yang diterbitkan oleh Kementerian ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN NO. 342

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA (BAKRI)

TARIKH 8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Tuan Er Teck Hwa (Bakri) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan tarikh sebenar pemberian duit bantuan kebajikan kepada golongan yang tidak bernasib baik yang telah berjaya dalam permohonan bantuan kebajikan. Kenapa masalah tunggakan ataupun lambat bayar duit bantuan kebajikan sering berlaku di Pejabat Kebajikan Daerah Muar, menyebabkan mereka yang tidak bernasib baik ini semakin terdesak hidup dan hilang punca mata pencarian sehingga terpaksa mengadu ke Pejabat Negeri di Johor Bharu.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dan sentiasa berusaha untuk memastikan sistem penyampaian bantuan kebajikan masyarakat kepada kumpulan sasar dilaksanakan dengan cepat, cekap dan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tarikh sebenar pemberian duit bantuan kepada golongan yang berjaya dalam permohonan bantuan kebajikan telah ditetapkan pada 1 hari bulan setiap bulan melalui Surat Arahan Ketua Setiausaha KPWKM berkuat kuasa 31 Julai 2009. Bagi pembayaran melalui bank, tarikh pembayaran adalah mematuhi ketetapan berkenaan. Bagi pembayaran tunai sama ada di pejabat, di rumah atau di pusat bayaran setempat ia dilaksanakan mulai 15 hari bulan sehingga 1 hari bulan berikutnya bergantung kepada jadual yang telah ditetapkan.

Berhubung tunggakan atau kelewatan bayaran bantuan, lazimnya situasi ini berlaku di hujung dan awal tahun berikutan terdapatnya masalah dalam penurunan waran peruntukan tambahan. Walau bagaimanapun, masalah ini telah dapat diatasi dengan pewujudan Tabung Bantuan Segera yang berkuat kuasa pada 24 April 2008 dan penggunaan Wang Amanah di bawah Jabatan Akauntan Negara bagi mengelakkan kelewatan bayaran pada awal tahun.

SOALAN NO: 343

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA

E

SOALAN

R

TULIS

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan jumlah peruntukan dalam bajet 2011 yang diberikan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Daerah Muar untuk menolong dan menaikkan taraf hidup para nelayan pukat hanyut tempatan:-

- (a) adakah projek akuakultur disasarkan di Muar demi menambahkan pendapatan nelayan tempatan memandangkan hasil tangkapan ikan di laut semakin berkurangan; dan
- (b) setakat mana pencapaian projek pembinaan habitat bela ikan di sepanjang pantai Parit Unas hingga Kukup telah dapat meningkatkan taraf hidup kumpulan sasar.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memperuntukkan sebanyak RM12.39 juta untuk pelaksanaan projek akuakultur menggunakan sistem Fish Protech di Pagoh, Muar, Johor. Projek akuakultur ini akan melaksanakan ternakan ikan bermutu seperti *ikan baramundi* dan *jade perch*. Kumpulan sasar yang akan menerima faedah adalah seramai 300 orang dari kalangan rakyat termiskin. Keutamaan akan diberi kepada nelayan miskin yang disenaraikan dalam data e- Kasih di bawah Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU) Negeri Johor. Setakat ini

LKIM telah pun membelanjakan sebanyak RM2.39 juta untuk kerja-kerja penyediaan tapak seluas 10 ekar.

Di samping itu, LKIM telah memperuntukan sejumlah RM172,500 untuk kerja-kerja peningkatan projek akuakultur ternakan udang dan ternakan kupang secara rawai kepada Persatuan Nelayan Kawasan Muar yang telah memberi faedah kepada nelayan pantai seramai 21 orang untuk mempertingkatkan pendapatan mereka.

(b) Setakat ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tiada projek pembinaan habitat bela ikan atau tukun tiruan di sepanjang Parit Unas hingga Kukup memandangkan kawasan perairan tersebut tidak sesuai untuk spesifikasi tukun sedia ada.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]**

RUJUKAN : 22 [PR-000-T42732]

SOALAN

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI WILAYAH
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan jumlah kompleks perniagaan hak milik warga asing di Kuala Lumpur dari 2005 ke 2011. Senaraikan pecahan mengikut alamat, tarikh bangunan tersebut ditukar milik, nama pemilik dan nilai semasa bangunan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bakri, pembelian kebanyakan kompleks perniagaan adalah dibuat melalui syarikat. Dalam hal ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak mempunyai rekod secara individu. Justeru, butiran mengenai pemilikan syarikat perlu dirujuk kepada Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM).

Sementara itu, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Wilayah Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia juga ada membuat penilaian harta bagi maksud duti setem untuk kes-kes pindah milik harta.

/fob

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU]
NO. SOALAN	[345] PR-000-T42544
SOALAN	Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang menetap secara haram di Britain sejak tahun 2006 sehingga tahun 2010 dan bilangan mereka yang ditahan oleh pihak berkuasa Britain serta langkah-langkah penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan Malaysia

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff di atas soalan yang dikemukakan.

2. Berdasarkan rekod Sijil Perakuan Cemas (EC) yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, seramai 988 rakyat Malaysia telah tinggal lebih masa di United Kingdom (iaitu kes-kes yang dilaporkan kepada Suruhanjaya Tinggi Malaysia oleh pihak berkuasa tempatan di London atau rakyat Malaysia yang datang secara sukarela memohon EC untuk pulang).
3. Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London tidak mempunyai rekod rakyat Malaysia yang tinggal lebih masa sekiranya mereka masih bebas di United Kingdom (tinggal secara haram). Selain itu, sekiranya terdapat kes-kes di mana rakyat Malaysia yang ditahan dan dipenjarakan atas kesalahan-kesalahan selain kesalahan imigresen, pihak berkuasa United Kingdom tidak wajib memaklumkan kes-kes tersebut kepada Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London sekiranya pesalah tidak bersetuju untuk mendapatkan akses konsular. Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London juga menghadapi kesukaran untuk memperolehi maklumat berkenaan statistik rakyat Malaysia yang ditahan di lokap atau penjara United Kingdom kerana wujudnya ‘Data Protection Act’ di United Kingdom.
4. Antara langkah-langkah yang diambil di peringkat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London untuk menangani masalah

tersebut adalah:

- 4.1 Dari segi prosedur dan polisi, mulai tahun 2008, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London sudah tidak lagi memperbaharui pasport rakyat Malaysia sekiranya mereka didapati tinggal di United Kingdom tanpa permit kebenaran atau tinggal lebih masa. Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London hanya akan mengeluarkan EC untuk mereka pulang ke Malaysia sahaja;
- 4.2 Mengadakan 'Voluntary Return Workshop' di lokasi-lokasi di United Kingdom yang dipercayai menjadi tumpuan rakyat Malaysia. Maklumat disebarluaskan untuk menggalakkan sesiapa yang tinggal tanpa permit kebenaran atau tinggal lebih masa untuk datang ke workshop secara sukarela dan mereka akan dibantu untuk pulang ke Malaysia;
- 4.3 Mewujudkan kerjasama dengan pihak United Kingdom Border Agency (UKBA - Imigresen United Kingdom). Pihak UKBA telah mewujudkan satu unit yang dinamakan 'Return Group Documentation Unit'. Mana-mana rakyat Malaysia yang ditahan atas kesalahan imigresen akan dirujuk kepada unit tersebut yang kemudiannya akan menghubungi Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London untuk pengesahan dan pengeluaran EC; dan
- 4.4 Sebaran maklumat secara berterusan melalui laman web dan semasa acara-acara anjuran Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London yang dihadiri ramai pengunjung rakyat Malaysia berkenaan peringatan supaya tidak melanggar undang-undang negara Britain termasuk undang-undang Imigresen dan menggalakkan mereka yang telah tinggal lebih masa untuk kembali ke tanahair.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [
BALIK PULAU]

NO. SOALAN

[346] PR-000-T42545

SOALAN

Tuan Mohd Yusmadi bln Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan dengan merujuk kepada jawapan bertulis yang diberi kepada soalan bertulis Indera Mahkota bertarikh 14 Disember 2010, apakah hasil daripada mesyuarat *Malaysia-Singapore Joint Implementation Team (MSJIT)* pada hujung November 2010 dan berapakah caj pembangunan yang dikenakan oleh M-S Ltd.

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau di atas soalan yang dikemukakan.

2. Pasukan Pelaksanaan Bersama Malaysia-Singapura (*Malaysia-Singapore Joint Implementation Team ~ MS JIT*) telah bermesyuarat sebanyak enam kali bagi membincang dan menyusul pelaksanaan *Points of Agreement* (POA) seperti perpindahan stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dari Tanjong Pagar ke *Woodlands Train Checkpoint* (WTCP) dan penubuhan syarikat usaha sama M+S Pte. Ltd. Mesyuarat keenam dan terakhir telah diadakan di Singapura pada 29-30 Disember 2010. Persetujuan- persetujuan yang dicapai oleh MSJIT akan dimuatkan di dalam satu instrumen bertulis yang akan ditandatangani oleh kedua-dua negara selepas mendapat kelulusan Kerajaan masing-masing. Namun begitu, draf instrumen bertulis berkenaan belum dapat dimuktamadkan semasa mandat MSJIT berakhir pada 31 Disember 2010. Kedua-dua pihak masih meneruskan perbincangan bagi memuktamadkan draf instrumen bertulis tersebut.

3. Berhubung dengan caj pembangunan yang dikenakan kepada M+S Pte. Ltd., Kerajaan Singapura telah menetapkan bahawa M+S Pte. Ltd. perlu membayar caj pembangunan sebanyak SGD 1,832 juta iaitu SGD 1,470 juta untuk tiga bidang tanah asal yang dipersetujui di dalam POA di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands dan SGD 362 juta untuk tiga keping tanah tambahan di Bukit Timah. Namun begitu, Malaysia berpandangan bahawa berdasarkan

peruntukan POA, M+S Pte. Ltd. tidak sepatutnya dikenakan caj pembangunan bagi tiga bidang tanah asal POA di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands. Sebagai jalan terbaik untuk menyelesaikan isu ini, kedua-dua negara pada 20 September 2010 telah bersetuju supaya isu pembayaran caj pembangunan ini diputuskan melalui timbang tara di bawah naungan *Permanent Court of Arbitration*. Kedua-dua negara kini sedang membuat persediaan dan persiapan untuk proses timbang tara antarabangsa tersebut.

Sekian, terima kasih.

RT 38/
No.
347

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
[BALIK PULAU]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar yang berjaya menyempurnakan pendidikan rendah UPSR tetapi tidak menyempurnakan pendidikan peringkat menengah sehingga SPM.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah murid bagi kohort UPSR 2005 yang berjaya menyempurnakan pendidikan rendah adalah seramai 507,039 orang. Daripada jumlah tersebut, bilangan yang menduduki SPM pada tahun 2010 adalah seramai 436,674.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN

LAMPIRAN A

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
[BALIK PULAU]

SOALAN

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] meminta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah keluasan tanah di bawah kategori *general alienation* dan juga di bawah Tanah Rizab Melayu mengikut negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian mengandaikan jumlah keluasan tanah di bawah kategori *general alienation* sebagai jumlah keluasan tanah Kerajaan Negeri yang telah diberimilik mengikut seksyen 43 Kanun Tanah Negara, iaitu termasuklah kepada Kerajaan Persekutuan, agensi-agensi atau badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan, syarikat serta juga orang perseorangan.

Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pihak Pentadbiran Tanah Negeri-negeri Semenanjung Malaysia kepada Kementerian ini, maklumat jumlah keluasan tanah yang telah diberimilik dan jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu mengikut negeri adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Sekian, terima kasih

Statistik Keluasan Keseluruhan Tanah Rizab Melavu Mengikut Neperi-Neperi (Hektar dan Ekar) sehingga 31 Disember 2010

LAMPIRAN A

NEGERI	Jumlah Keluasan Tanah ¹ (Hektar)	Keluasan Tanah Berimilik ² (Hektar)	Keluasan Tanah Rizab Melayu ² (Hektar)
PERLIS	79,546.56	T.M	37,348.53
KEDAH	942,898.78	T.M	T.M
KUALA LUMPUR	24,356.28	T.M	T.M
N. SEMBILAN	664,615.38	695,943.42	12,468.22
JOHOR	1,899,271.12	T.M	T.M
PAHANG	3,597,991.90	43,579.90	432,633.74
TERENGGANU	1,296,064.70	T.M	T.M
KELANTAN	1,493,765.10	195,842.66	1,308,686.97
PERAK	2,101,376.50	179,822.64	143,465.36
SELANGOR	793,554.65	100,280.62	141,190.74
PULAU PINANG	255,509.84	T.M	Tiada Tanah Rizab Melayu
MELAKA	165,052.63	T.M	Tiada Tanah Rizab Melayu
JUMLAH	13,314,003.44		2,025,976.81

Nota:

T.M.- Tiada maklumat.

¹ - Maklumat daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.

² - Maklumat daripada Pejabat-pejabat Tanah dan Galian Negeri-negeri pada 25 Februari 2011.

RT 39/ No.
349

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

[SELAYANG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA PERTANYAAN

BERTULIS

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan kejadian menggertak (*bullying*) di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dan pihak berkuasa untuk menyelesaikan masalah tersebut.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhomat,

Bilangan murid yang didapati terlibat menggertak (*bullying*) bagi Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dalam tempoh tiga tahun (2008-2010) secara puratanya adalah seramai 1632 orang murid atau 0.05%. Bagi SK, jumlah purata dalam tempoh tersebut adalah seramai 1257 orang murid atau 0.05%. SJKC seramai 335 orang murid atau 0.05% dan SJKT seramai 38 orang murid atau 0.03%. Secara keseluruhannya, bilangan ini didapati menurun iaitu daripada seramai 1827 (0.06%) orang murid tahun 2008 kepada seramai 1702 (0.05%) orang murid tahun 2009 dan seramai 1367 (0.04%) orang murid tahun 2010.

Bagi menghalang berlakunya kejadian membuli, Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2010 iaitu Garis Panduan Mencegah Dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid Di Sekolah. Antara langkah-langkah yang digariskan menerusi SPI tersebut termasuklah;

- i. Mengadakan peti aduan murid atau saluran-saluran aduan murid secara berkesan di sekolah dan asrama;
- ii. Peranan Jawatankuasa Disiplin Sekolah dan Asrama perlu diaktifkan sepenuhnya agar dapat menyiasat, meneliti serta mengambil tindakan **SEGERA** terhadap setiap aduan yang dibuat oleh murid atau pihak berkepentingan lain;
- iii. Sesbuah sekolah dikehendaki menghapuskan budaya-budaya tertentu oleh murid yang berlawanan dengan prinsip-prinsip pendidikan, akhlak dan usaha memupuk budi pekerti yang baik dalam kalangan murid sekolah;
- iv. Sekiranya sekolah atau asrama ada melaksanakan aktiviti orientasi atau suaikenal terhadap murid baru, maka aktiviti tersebut hendaklah berada di bawah kawalan guru sepenuhnya;
- v. Bagi sekolah-sekolah berasrama, kewujudan guru warden hendaklah dapat dirasai oleh penghuninya sepanjang masa; serta
- vi. Kempen dan penjelasan terhadap kesan perbuatan ala samseng, buli dan jenayah lain perlu dibuat secara berterusan dan boleh melibatkan pihak luar seperti PDRM, PIBG atau pihak-pihak lain yang difikirkan berkaitan;

Sekiranya terdapat murid-murid yang masih berdegil dan didapati melanggar peraturan ini, mereka boleh dikenakan tindakan yang keras termasuk hukuman buang sekolah.

SOALAN : NO. 35T>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan program yang dilaksanakan untuk mempromosikan aplikasi dan pembangunan teknologi hijau dan status Skim Pembiayaan Teknologi Hijau.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara objektif yang terkandung dalam Dasar Teknologi Hijau Negara adalah peningkatan pendidikan dan kesedaran awam terhadap teknologi hijau dan menggalakkan penggunaan meluas aplikasi teknologi hijau. Ini adalah kerana promosi yang efektif dan kesedaran awam merupakan dua faktor utama yang mempengaruhi kejayaan pembangunan teknologi hijau. Hal ini penting kerana perkara tersebut memerlukan perubahan pemikiran masyarakat. Promosi dan kesedaran awam teknologi hijau ini disasarkan kepada orang awam melalui tiga komponen iaitu promosi melalui *events*, promosi melalui media serta direktori teknologi hijau.

Pada tahun 2010, pelbagai aktiviti-aktiviti yang mempromosi teknologi hijau telah dilaksanakan. Tiga siri *Roadshow* telah dijalankan dengan kerjasama Federation Malaysia Manufacturers (FMM) dan kerajaan negeri di Kuching, Kuantan dan Kota Kinabalu. Siri *Roadshow* ini telah dihadiri oleh lebih kurang 900 peserta dari industri, pegawai kerajaan dan bank. *Roadshow* ini diadakan mengikut zon-zon negeri dan perancangan seterusnya adalah di Zon Selatan dan Utara iaitu di negeri Johor dan Perak. Kesemua *Roadshow* teknologi hijau ini telah mendapat sambutan yang baik daripada pelbagai industri dan ini menunjukkan perkembangan yang baik untuk pembangunan teknologi hijau di peringkat negeri.

Pada tahun 2010 juga, Kementerian dengan kerjasama Malaysian Green Technology Corporation dan Centre for Education, Training and Research in Renewable Energy and Energy Efficiency (CETREE) telah mengadakan Bengkel Sekolah Rintis Amalan Hijau bagi pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah. Program yang mendapat kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Jabatan Pelajaran Negeri diadakan bagi memupuk kesedaran dan membudaya amalan hijau kepada pelajar sekolah menerusi teknologi hijau. Program ini telah diadakan di sekolah-sekolah yang terpilih di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Seramai 1, 500 pelajar daripada 25 buah sekolah telah terpilih menyertai program ini

Untuk meningkatkan makluman orang ramai mengenai teknologi hijau, Kementerian juga mengadakan promosi menerusi televisyen, radio dan akhbar- akhbar. Promosi melalui media ini amat penting kerana ini adalah kaedah yang paling sesuai untuk menyampaikan mesej kepada orang awam. Kementerian turut ‘turun padang’ mempromosi teknologi hijau kepada orang ramai menerusi penyertaan *booth* di karnival-karnival awam seperti Jom Heboh dan Suarasa.

Selain itu, Kementerian juga memperkenalkan portal teknologi hijau secara ‘online’ di internet yang memudahkan orang ramai mendapat maklumat berkenaan teknologi hijau. Direktori teknologi hijau juga disediakan bagi membantu syarikat-syarikat teknologi hijau untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang mesra alam kepada umum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kemuncak promosi dan kesedaran awam teknologi hijau adalah pada 14 hingga 17 Oktober 2010 yang lalu apabila julung kalinya Kementerian dengan kerjasama Green Purchasing Network Malaysia (GPNM), sebuah badan bukan Kerajaan yang juga mempunyai rangkaian

antarabangsa telah menganjurkan *International Green Technology and Eco Products Exhibition and Conference 2010*

(IGEM 2010) di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Program yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri ini terbahagi kepada dua komponen utama iaitu Pameran dan Persidangan. Sambutan pengunjung terhadap Pameran IGEM2010 adalah amat menggalakkan di mana seramai 86,372 pengunjung telah mengunjungi pameran IGEM2010 sepanjang empat hari ianya dijalankan. Kejayaan terbesar bagi program IGEM 2010 ini adalah menerusi *Business Matching Sessions* apabila jumlah potensi transaksi perniagaan yang terhasil adalah sebanyak RM1.2 bilion.

Pada tahun ini, Kementerian telah merancang persediaan bagi program IGEM2011 yang akan diadakan pada 7 hingga 10 September 2011. Program ini diharap akan dapat memberikan usahasama perniagaan bagi industri tempatan

dan luar negara ke arah memacu ekonomi negara. Selain itu, program promosi kepada orang ramai turut dirancang justeru Program Karnival Komuniti Hijau akan diadakan pada 13 Mac 2011 di Taman Tasik Titiwangsa. Program ini mengandungi pelbagai aktiviti seperti gerai jualan produk mesra alam, kaunter penukaran barang kitar semula, permainan-permainan dan konsert mini bagi orang ramai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Skim Pembiayaan Teknologi Hijau ataupun Green Technology Financing Scheme (GTFS) telah pun setahun dilancarkan. Setakat 31 Mac 2011, sebanyak 96 permohonan telah pun diproses dan 76 syarikat telah pun menerima Persijilan Hijau. Daripada bilangan ini, sebanyak 17 projek telah mendapat kelulusan pinjaman institusi kewangan yang berkaitan.

itkit-k'k-k'kit'kic"k'k'k'kit±"k'k'k'k'kic'k'ki<'k'k'kk'kic"m'k-kicic'k'kk'ki('k'k'k'k'k'kk'k'k'kicicic'k"kic'k'k'kk'k'k'k'k'k'k'k

PERTEMANAH | PAGI RUMAH SAWAH LEGAMI

DARIPADA : **TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**
[SELAYANG]

SOALAN : 351

Tuan William Leong Jee Keen [**Selayang**] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan syarat-syarat serta harga yang ditawarkan oleh setiap syarikat yang tender KTMB "Sistem Kutipan Automatik" dan mengapakah kontrak tersebut dianugerahkan kepada sebuah syarikat yang kurang pengalaman tapi menaemukakan harga tender yang tinggi.

Jawaoan:

Tuan Yang DiPertua, pihak Kementerian telah menjalankan proses perolehan secara Tender Terbuka bagi tender KTMB untuk " Sistem Kutipan Automatik"

atau Automatic Fare Collection System (AFC) pada akhir tahun 2010 dengan anggaran kos Jabatan sebanyak **RM99.984** juta dan tempoh siap 15 bulan.

Sebanyak 18 Petender atau Syarikat telah mengambil bahagian dalam tender tersebut dengan harga terendah yang ditawarkan iaitu **RM69.828 juta** dan harga tertinggi pada **RM161.854 juta**.

Petender yang berjaya adalah yang telah dipilih berdasarkan penilaian tender yang telah dijalankan oleh **Jawatankuasa Penilaian Tender Teknikal** dan **Jawatankuasa Penilaian Kewangan**. Markah lulus bagi penilaian teknikal adalah sekurang-kurangnya 70% dan harga yang boleh diterima oleh Jawatankuasa Penilaian Kewangan hendaklah tidak melebihi perbezaan (+/-)15% dari harga anggaran Jabatan. Pengalaman syarikat adalah termasuk dalam sebahagian dari syarat-syarat dan markah teknikal serta kewangan pada wajaran tertentu.

Lembaga Perolehan (A) Kementerian Pengangkutan yang bermesyuarat pada 27 November 2010 telah memilih petender yang telah memenuhi semua syarat teknikal dan kewangan iaitu **HOPETECH & SAMSUNG CONSORTIUM** dengan harga **RM85.880 juta**. Surat Setuju Terima (LOA) telah dikeluarkan kepada syarikat tersebut pada 21 Disember 2010. Oleh itu, tidak timbul persoalan dan dakwaan bahawa tender ini ditawarkan kepada syarikat yang kurang pengalaman dan pada harga yang tinggi.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

SOALAN NO. (353)

SOALAN

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan kelemahan dan kekurangan yang terdapat pada Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) dan langkah-langkah yang diambil untuk berfungsi lebih berkesan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar wujud kelemahan dalam peruntukan di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 sedia ada. Oleh yang demikian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang mengambil tindakan untuk menambahbaik Akta 663 ini dan pindaan tersebut dijangka akan dibentangkan di sidang Parlimen dalam masa terdekat.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

April 2011

SOALAN NO. (353)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN BERTULIS

**DARIPADA Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

SOALAN

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah lesen pinjaman wang dan langkah-langkah yang diambil untuk mengendalikan kegiatan memberi pinjaman wang tanpa lesen atau haram.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 3,272 lesen Pemberi Pinjam Wang (PPW) yang aktif di Malaysia. Bagi menangani masalah kegiatan PPW tanpa lesen atau haram, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil langkah seperti berikut:-

- i) Pemantauan dan pemeriksaan premis PPW berlesen dan tidak berlesen.
- ii) Mengambil tindakan terhadap PPW berlesen yang tidak mematuhi peraturan dan PPW haram yang dikesan.
- iii) Membuat siasatan terhadap aduan-aduan PPW berlesen dan tidak berlesen yang diterima.
- iv) Bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengambil tindakan terhadap penampalan iklan-iklan PPW haram.
- v) Bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk membatalkan talian telefon yang tertera pada iklan-iklan haram yang ditampal oleh PPW haram di tepi-tepi jalan dan harta-harta awam.

Kementerian Perumahan
Dan Kerajaan Tempatan

April 2011

SJ,,B/(TULIS)/(26)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR

[JERAI]

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 07.03.2011 - 07.04.2011

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah peruntukan infrastruktur (MARRIS) yang disalurkan ke negeri Kedah bagi tempoh 2009-2010 dan senaraikan mengikut daerah-daerah yang ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri dibuat mengikut peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan bertujuan membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan-jalan negeri dan ditentukan berdasarkan jumlah panjang jalan yang

didaftarkan di dalam *Malaysian Road Records System* (MARRIS).

Jumlah peruntukan infrastruktur (MARRIS) yang disalurkan ke negeri Kedah bagi tempoh 2009-2010 sebanyak RM282,403,915 iaitu sebanyak RM134,828,673 bagi tahun 2009 dan RM147,575,242 bagi tahun 2010. Jumlah pemberian mengikut daerah sepertimana yang diperakukan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah seperti berikut:

Pemberian Penvelenqaraan Jalan Raya Negeri Tahun 2009 dan
2010 Mengikut Daerah

Daerah/Tahun	2009	2010
Baling	1,201,228.69	1,163,037
Bandar Baharu	261,416.82	281,966
Kuala Muda	1,015,741.44	839,741
Kubang Pasu	918,706.38	1,633,024
Kulim	948,526.23	799,464
Langkawi	173,543.34	26,294
Padang Terap	2,734,407.79	2,371,513
Pendang	274,081.23	170,862
Sik	356,864.15	827,311
Yan	2,087,121.46	2,130,32
JUMLAH	9,971,637.53	10,243,538

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

SOALAN NO: 355

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA ; YB. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI]

RUJUKAN : 23 [PR-000- T42942]

SOALAN :

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan jumlah keseluruhan peruntukan untuk program pembasmian kemiskinan bandar (PPKB) bagi negeri Kedah untuk tahun 2010 dan senaraikan jumlah kelulusan mengikut projek bagi Dun Gurun, Dun Guar Cempedak dan Dun Sungai Limau.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Jerai, peruntukan bagi Program Pembasmian Kemiskinan Bandar disalurkan berdasarkan permohonan bantuan yang diterima daripada Pihak Berkuasa Tempatan atau negeri berkenaan. Bagi negeri Kedah, bilangan bantuan dan peruntukan yang disalurkan pada tahun 2010 adalah seperti berikut:

PRESTASI BILANGAN BANTUAN DAN PERBELANJAAN PPKB BAGI NEGERI KEDAH TAHUN 2010

PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB)	2010	
	Bil Bantuan	Belanja (RM)
BANTUAN SEWA RUMAH	129	191,952.00
BAIK PULIH / BIN A BARU RUMAH	8	201,900.00
BANTUAN KESEJAHTERAAN BANDAR - Bantuan Ihsan Kepada Mangsa Banjir	151	75,500.00
PROGRAM ASW-BANDAR	60	-
JUMLAH	348	469,352.00

Manakala bagi tahun 2010, tiada permohonan bantuan dari DUN Gurun, DUN Guar Cempedak dan DUN Sungai Limau diterima oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Manakala lain-lain bantuan di luar

bandar adalah di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLBW).

SJ.B/(TULIS)(27)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
(JERAI)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH 07.03.2011 -07.04.2011

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar (Jerai) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah keseluruhan kutipan cukai pendapatan di negeri Kedah bagi tahun 2010 dan nyatakan jumlah pulangan balik melalui peruntukan geran tahunan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan negeri Kedah untuk tahun 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kutipan cukai pendapatan daripada negeri Kedah yang telah dipungut bagi tahun 2010 adalah RM674 juta. Kutipan cukai pendapatan ini tidak menggambarkan pendapatan tersebut dihasilkan daripada negeri Kedah. Ini kerana kutipan cukai dibuat berdasarkan alamat pembayar cukai yang terdapat dalam rekod Lembaga Hasil Dalam Negeri. Misalnya terdapat syarikat yang beroperasi di sesebuah negeri tetapi membayar cukai di Kuala Lumpur atau di tempat lain kerana ibu pejabat berada di sana.

2. Mengenai peruntukan geran tahunan Kerajaan Persekutuan kepada

negeri Kedah bagi tahun 2010 jumlahnya adalah RM294 juta.

SOALAN NO. 357

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN BUKAN JAWAB

LISAN

DARIPADA YB TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)

TARIKH 8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,

KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah keseluruhan permohonan bantuan

Jabatan Kebajikan Masyarakat di daerah-daerah di negeri Kedah untuk tahun 2010 dan

nyatakan jumlah bantuan dan penerima bagi daerah Yan. JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan

Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai jenis bantuan kepada semua golongan yang memerlukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah permohonan baru bagi Negeri Kedah pada tahun 2010 adalah sebanyak 29,921 permohonan. Setelah lawatan dan siasatan dilaksanakan, sebanyak 9,926 kes diluluskan bantuan manakala 19,995 kes telah ditolak atas sebab-sebab di luar dari kelayakan yang ditetapkan oleh JKM.

Jumlah keseluruhan penerima bagi semua skim bantuan kebajikan untuk tahun 2010 bagi Negeri Kedah termasuk kes baru yang diluluskan sepanjang 2010 berkenaan adalah sebanyak 41,849 penerima, dengan bantuan yang disalurkan berjumlah RM 114,846,636.

Bilangan penerima bantuan dan perbelanjaan mengikut daerah bagi tahun 2010 adalah

seperti berikut:

**BILANGAN PENERIMA BANTUAN DAN PERBELANJAAN BAGI NEGERI KEDAH
MENGIKUT DAERAH (TAHUN 2010)**

Daerah	Bil Kes	RM
Daerah Kota Setar	7,329	17,638,641
Daerah Baling	3,223	9,977,572
Daerah Bandar Baru	1,394	3,721,062
Daerah Kuala Muda	9,172	25,385,515
Daerah Kubang Pasu	5,805	15,587,184
Daerah Kulim	5,159	14,941,137
Daerah Langkawi	1,442	3,639,030
Daerah Padang Terap	1,593	4,655,431
Daerah Pendang	1,910	4,474,922
Daerah Sik	3,189	10,300,145
Daerah Yan	1,633	4,525,994
Jumlah	41,849	114,846,636

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tahun 2010, sejumlah peruntukan RM4.5

juta telah disalurkan kepada 1,633 orang penerima bantuan bagi daerah Yan.

SOALAN NO: 358

PERTANYAAN PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DARIPADA DEWAN NEGARA

SOALAN BERTULIS

TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI) TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah peruntukan dan langkah- langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menjayakan projek peningkatan hasil tanaman padi kepada petani-petani di kawasan MADA bagi tahun 2010.

**Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

Projek peningkatan hasil dalam sektor padi merupakan teras utama MADA. Ianya selaras dengan visi dan kedudukan MADA sebagai kawasan jelapang padi terbesar negara iaitu menjadi organisasi peneraju dalam pembangunan industri padi yang moden di Malaysia, cekap dan mapan serta penggerak utama pembangunan sosioekonomi masyarakat peladang di dalam Kawasan Muda.

Jumlah peruntukan bagi menjayakan projek peningkatan hasil dalam Kawasan Muda bagi tahun 2010 diperolehi melalui:

- i) Peruntukan tahunan 2010; dan
 - ii) Peruntukan di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara bagi tahun 2010.

Jumlah peruntukan bagi projek peningkatan hasil padi bagi tahun 2010 berjumlah RM72.816 juta yang terdiri dari RM4.582 juta (peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9)) dan bakinya RM68.234 juta diperolehi melalui peruntukan di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara (DJBMN).

Langkah-langkah yang diambil oleh MADA bagi menjayakan projek peningkatan hasil padi adalah melalui:

- i) menggalakkan amalan teknologi terkini iaitu dengan mengaplikasikan amalan teknologi berdasarkan Pakej *Rice-Check* dan Pakej Pertanian Tepat;
- ii) menekankan aspek pengurusan sawah yang melibatkan penambahbaikan dari pengurusan sawah secara individu dan kecil- kecilan kepada projek kelompok dan projek sawah berpengurusan pusat;
- iii) meningkatkan kepadatan infrastruktur dan rangkaian jalan ladang di mana sehingga kini hanya 38% daripada Kawasan Muda berkepadatan infrastruktur 30m/hektar manakala 62% lagi Kawasan Muda masih berkepadatan 11 m/hektar;
- iv) menjalankan program peningkatan kesuburan tanah melalui pemberian bahan penyuburan tanah dan melaksanakan program pemulihan tanah bermasalah; dan
- v) pemantauan dan kawalan musuh, penyakit dan rumpai yang berterusan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

RT 40/
No. 359

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan terkini berapakah jumlah asrama desa yang terdapat di seluruh negara. Bilakah cadangan menaik taraf asrama desa kepada asrama pedalaman akan dilaksanakan dan berapakah jumlah murid yang dijangka mendapat manfaat tinggal di asrama pedalaman berkenaan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dari masa ke semasa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan projek-projek naik taraf asrama pedalaman mengikut keperluan. Sepanjang RMKe-9, terdapat sebanyak 139 asrama pedalaman di seluruh negara dan jumlah murid yang mendapat manfaat adalah seramai 18,300 orang.

*ttO:
3C0*

~~PERTANYAAN PERNERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT~~
~~BUKAN JAWAB LISAN DATO' NORAINI BINTI~~
~~DARIPADA AHMAD NO.360~~
~~SOALAN~~

Dato' Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan tidakkah dengan penambahan pembukaan kampus universiti luar negara akan menjasakan pembangunan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan, memandangkan Southampton University, United Kingdom bakal menjadi institusi pengajian tinggi asing ketujuh yang akan membuka kampus cawangannya di Iskandar Malaysia tahun depan dengan sesi pengajian dijangka bermula 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2011, terdapat 5 buah IPTS kampus cawangan universiti luar negara iaitu *University of Nottingham in Malaysia* (UNIM), *Monash University Malaysia* (MUSM), *Curtin University of Technology Sarawak*, Kampus Lutong (CUSM), *Swinburne University of Technology* (Kampus Sarawak) dan *Newcastle University Medicine Malaysia* (NUMed).

Pembukaan lebih banyak universiti luar negara di negara ini sebenarnya mampu membantu negara memenuhi hasrat menjadikan Malaysia sebagai hab pengajian tinggi serantau. Di samping itu, beberapa

kelebihan akan diperolehi negara dengan melibatkan diri dalam '*Trans National Education*' (TNE) yang membenarkan universiti ternama dunia membuka cawangan di negara masing-masing. Antaranya ialah:

- i. menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke Malaysia;
- ii. meningkatkan pemindahan pengetahuan dan kepakaran;
- iii. meningkatkan kemahiran menggubal kurikulum '*homegrown*'
- iv. meningkatkan kolaborasi penyelidikan;
- v. memberi peluang lebih ramai pelajar tempatan meneruskan pengajian tinggi dalam pelbagai bidang di universiti ternama dunia dengan kos yang rendah; dan
- vi. mengurangkan pengaliran wang ke luar negara.

RT
411
No.
361

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah bidang-bidang pendidikan negara ini yang dikatakan ketinggalan seperti kenyataan dalam Program Transformasi Kerajaan Pelan Hala Tuju Ringkasan Eksekutif (ms 28) iaitu Keberhasilan pendidikan Malaysia kini telah ketinggalan berbanding negara-negara seperti Singapura, Hong Kong dan Korea dan apakah langkah-langkah yang telah dibuat untuk menanganinya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Perbandingan sistem pendidikan di Malaysia dengan Negara-negara lain seperti Singapura, Hong Kong dan Korea adalah berdasarkan keputusan pencapaian dalam Kajian *Trends International Mathematics and Science Study* (TIMSS). Pada tahun 2007, Malaysia telah menunjukkan pencapaian yang menurun daripada tahun 2003 serta Negara-negara tersebut. Oleh yang demikian, bagi memastikan kualiti pendidikan di Malaysia tidak ketinggalan dengan negara -negara Asia yang lain, maka Kerajaan telah memperkenalkan NKRA Pendidikan. NKRA Pendidikan diperkenalkan supaya pendidikan di Malaysia dapat bergerak pantas dan selari dengan transformasi Negara untuk menjadi Negara Berpendapatan Tinggi serta mencapai hasrat Wawasan 2020.

SOALAN NO. (362)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN BERTULIS

**DARIPADA Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

SOALAN

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menurunkan harga rumah yang dikatakan semakin melonjak naik ekoran daripada keputusan Kerajaan yang mengenakan 5% cukai tanah untuk pembelian kurang daripada 5 tahun.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mengenakan Cukai Keuntungan Harta Tanah (*Real Property Gains Tax*) sebanyak 5% terhadap pemilik yang menjual pegangan harta tanah dalam tempoh lima tahun pemerolehannya. Langkah ini bertujuan untuk membendung dan mengawal aktiviti spekulasi harga rumah yang akan menyebabkan harga rumah melambung tinggi. Selain itu, bagi mengawal aktiviti spekulasi Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah mengenakan had nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*) maksimum sebanyak 70 peratus untuk pinjaman perumahan ketiga.

Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

April 2011

|

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

SOALAN

BERTULIS

**TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG
RENGGAM)**

**TUAN LIANG TECK MENG minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI AS AS TAN I**

menyatakan syarikat-syarikat yang telah diberikan lesen mengedara beras subsidi ST15 peratus mengikut negeri dan juga kuota yang diluluskan. Apakah syarat dan kriteria untuk kelulusan menjadi pengedar beras subsidi ST15 peratus.

JAWAPAN

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
AS AS TAN I**

**Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

Program Subsidi Harga Beras dilaksanakan bagi membolehkan beras Super Tempatan 15% (ST15) atau Beras Nasional dikeluarkan dan dijual pada harga yang lebih murah bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah mendapatkan bekalan beras bagi keperluan harian.

Kuota yang telah ditetapkan bagi beras subsidi adalah sebanyak 40.000MT sebulan beras Super Tempatan 15% bagi Semenanjung Malaysia dan beras Super 15% sebanyak 16,000MT bagi Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung

Malaysia, beras ini akan dikeluarkan oleh BERNAS dan Kilang Skim Pusat Belian (SPB) / Skim Upah Kisar (SUK) dan diedarkan oleh 337 pemberong. Manakala, bagi Negeri Sabah dan Sarawak pula beras adalah dibekalkan oleh BERNAS sahaja dan diedarkan oleh 239 pemberong. Kesemua pemberong yang dilantik ini adalah berdasarkan kepada perakuan oleh Pejabat Kawalselia Padi dan Beras Negeri.

Pembahagian kuota di kalangan pemberong-pemberong adalah berasas seperti berikut:

- (i) Jumlah keperluan beras bagi satu-satu Negeri berdasarkan beberapa kriteria antaranya jumlah penduduk terutamanya penduduk miskin dan permintaan daripada pemberong-pemberong yang aktif serta mempunyai rangkaian agihan wakil peruncit yang luas (berdasarkan bukti inbois jualan). Oleh itu, yang aktif diberi peruntukan yang lebih berbanding pemberong kecil yang tidak aktif.
- (ii) Prestasi jualan pemberong-pemberong dan kemudahan serta kapasiti mesin pengampitan pemberong.

Jumlah pemberong yang diagihkan Kuota Beras ST15% mengikut Negeri adalah seperti berikut:

BIL.	NEGERI	JUMLAH PEMBORONG	KUOTA (MT)
1.	PERLIS	7	720
2.	KEDAH	35	7,389
3.	PULAU PINANG	25	1,970
4.	PERAK	19	2,710
5.	SELANGOR	52	8,490
6.	KUALA LUMPUR	8	800
7.	NEGERI SEMBILAN	13	1,510
8.	MELAKA	15	1,980
9.	JOHOR	37	5,060
10.	KELANTAN	94	5,850
11.	TERENGGANU	21	2,015
12.	PAHANG	11	1,480
JUMLAH KESELURUHAN		337	39,974

(KUOTA 40.000MT)			
13.	SABAH	117	8,425
14.	SARAWAK	122	7,559
JUMLAH KESELURUHAN (KUOTA 16,000MT)		239	15,984

Secara asasnya, bekalan beras ST15% yang dikeluarkan sebanyak 40,000MT dan sebanyak 16,000MT bagi Sabah dan Sarawak sebulan adalah mencukupi bagi menampung keperluan golongan sasar iaitu golongan berpendapatan rendah.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	BERTULIS
DARI PAD A	Y.B. TUAN LIANG TECK MENG
	[SIMPANG RENGGAM]

SOALAN

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan

- (a) sebab-sebab untuk menswastakan unit pengiklanan dan mengapakah kadar permit iklan berbeza di antara setiap PBT; dan
- (b) mengapakah papan iklan jenis LED masih tidak dibenarkan untuk kedai.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Setelah melakukan semakan, Kementerian mendapati tiada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menswastakan unit iklan mereka. Persepsi bahawa unit iklan PBT telah diswastakan mungkin timbul kerana terdapat PBT yang mengadakan perjanjian dengan syarikat-syarikat pengiklanan bagi memasang iklan-iklan di kawasan PBT. Kelulusan dan pengendalian permohonan untuk permit iklan masih dikendalikan oleh pegawai-pegawai PBT. Namun Kementerian memohon jasa baik Yang

Berhormat untuk memberikan maklumat yang spesifik dan terperinci mengenai PBT yang dimaksudkan sekiranya ada. Mengenai kadar bayaran permit iklan yang berbeza mengikut PBT pula, perkara ini berlaku kerana kuasa untuk mengeluarkan permit dan menetapkan bayaran

permit iklan adalah termaktub di bawah Undang-Undang Kecil yang berkuatkuasa di PBT.

- (b) Seperti yang dijelaskan dalam perkara (a), kuasa untuk mengeluarkan permit dan menetapkan bayaran permit iklan adalah termaktub di bawah Undang-Undang Kecil yang berkuatkuasa di PBT, maka PBT berkuasa untuk menetapkan juga spesifikasi yang perlu dituruti mengikut keadaan tempatan. Namun di peringkat Kementerian, tiada sebarang arahan yang dikeluarkan untuk melarang penggunaan papan iklan jenis LED di premis kedai.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
April 2011

RT 42/
No.
365

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan garis panduan pakaian untuk pelajar kaum India. Adakah tindakan hidung

dan pemakaian anting-anting hidung yang merupakan tradisi kaum India dibenarkan di sekolah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Garis panduan pakaian sekolah menyatakan bahawa tiada pemakaian aksesori untuk murid lelaki dan perempuan yang dibenarkan. Ini termasuklah juga pemakaian anting-anting hidung walaupun ia adalah sebahagian tradisi kaum India. Walau bagaimanapun, perbuatan menindik hidung adalah dibenarkan selagi tiada pemakaian anting-anting hidung di dalam kawasan sekolah.

All-, 3^

SJ.B/(28)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG

(SIMPANG RENGGAM)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 7 MAC 2011-7 APRIL 2011

Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah bilangan wang kertas bernilai RM1, RM5. RM50 dan RM100 yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara setakat ini dan kos untuk mencetak setiap keping wang kertas tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) telah diberikan kuasa tunggal untuk mengeluarkan mata wang Malaysia sejak tahun 1958 dan mula mengeluarkan wang kertas dan duit syiling sendiri mulai tahun 1967. Sejak daripada itu, BNM telah membekalkan wang kertas Malaysia ke dalam edaran bergantung kepada permintaan semasa. Sebahagian daripada wang kertas yang dikeluarkan adalah bagi menggantikan wang kertas yang telah lusuh dan rosak yang akan dirincih bersesuaian dengan standard kualiti

yang diterima pakai oleh BNM.

2. Berdasarkan rekod, wang kertas baru yang telah dibekalkan oleh BNM kepada bank-bank perdagangan bagi tempoh 3 tahun yang lepas (2008 hingga 2010) adalah seperti berikut:

Denominasi	Dalam Edaran (Juta Keping)
RM1	1,863.89
RM5	154.22
RM10	792.97
RM50	1,136.98
RM100	137.33
Total	4,085.39

3. Untuk makluman, kos percetakan wang kertas adalah berbeza-beza antara satu tahun ke tahun yang lain. Kos tersebut adalah bergantung kepada beberapa faktor di luar kawalan BNM seperti kapasiti pencetak, persaingan pasaran dan harga bahan asas pencetakan seperti kertas keselamatan, bahan pewarna dan sebagainya. Walau bagaimanapun, BNM sentiasa memastikan kos percetakan wang kertas adalah kompetitif menerusi sistem tender yang diamalkan.

SOALAN NO. 367

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : BUKAN
JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN [AMPANG]

TARIKH : 8 MAC 2011 (S EL AS A)

SOALAN :

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapakah bilangan dan peratusan statistik kes kegiatan pelacuran dan zina yang telah dapat dikurangkan melalui program-program di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius terhadap kegiatan pelacuran dan zina di negara ini. Usaha menangani isu ini memerlukan tindakan bersepadu daripada pelbagai pihak seperti kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan anggota masyarakat.

Dalam usaha menangani kegiatan tersebut, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengambil langkah-langkah berikut:

Menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah sebagai salah satu usaha untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada mereka yang berisiko terdedah kepada bahaya moral;

Melaksanakan bengkel interaktif melibatkan keluarga dan kanak-kanak bagi

meningkatkan kesedaran mereka tentang tanggungjawab dan peranan terhadap penjagaan kanak-kanak selaras dengan keperluan Akta Kanak-Kanak 2001;

Melaksanakan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak- Kanak Daerah (JKKD);

Program Cakna Diri versi remaja yang dirangka khas untuk membantu golongan remaja agar lebih peka dan berwaspada dengan sebarang aktiviti seksual. Aktiviti tersebut termasuklah hubungan antara lelaki dan perempuan mahupun hubungan sejenis. Program ini dilengkapi dengan modul yang dibangunkan oleh tenaga pakar yang mahir di dalam bidang kesihatan reproduktif dan perkembangan remaja yang bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada remaja untuk mengelak dan mencegah tindakan berisiko tinggi yang mengundang kepada kehamilan yang tidak diingini;

Program Cakna Diri versi ibu bapa yang merupakan kesinambungan kepada Modul Cakna Diri versi remaja yang memfokuskan kepada kesihatan reproduktif remaja. Isu-isu sosial seperti pembuangan bayi, seks bebas, penyakit jangkitan seksual yang melibatkan remaja diberikan pendedahan kepada ibubapa agar mereka dapat bersama dalam mendidik dan membimbing anak-anak; dan f) Mewujudkan Pusat Remaja *Kafe@TEEN* yang menyediakan khidmat kaunseling dan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja.

Walaupun pelbagai langkah dan program telah dilaksanakan, setakat ini tiada

mekanisme khusus yang boleh mengukur keberkesanan program-program tersebut. Berdasarkan kepada statistik Jabatan, bilangan penghuni di institusi JKM bagi tujuan perlindungan dari gejala sosial (seksual) pada tahun 2009 adalah seramai 174 manakala pada tahun 2010 terdapat seramai 123 orang penghuni. Jumlah tersebut menunjukkan penurunan dalam bilangan penghuni sebanyak 29 peratus.

SOALAN NO. 368

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARI PAD A YB PUAN HAJAH ZU RAIDAH BINTI

KAMARUDDIN (AMPANG)

TARIKH 8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan dengan merujuk kepada jawapan bertulis yang diberi kepada soalan Ampang bertarikh 8 November 2010, jelaskan setakat ini, apakah hasil yang telah diperolehi oleh warga Penan terutama golongan remaja dan gadis Penan melalui ketiga-tiga fasa program "familiarization trip" yang telah dilaksanakan melalui usaha sama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Sarawak Women for Women Society (SWWS).

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan kerjasama Pertubuhan Wanita untuk Wanita Sarawak (SWWS) dan Biro Wanita Sarawak telah melaksanakan Program Memperkasa Gadis dan Wanita Kawasan Pedalaman bermula bulan Jun 2009. Program 3 fasa (Fasa Pertama - Lawatan Pengenalan, Fasa Kedua - Latihan dan Fasa Ketiga - Susulan) ini dilaksanakan bagi memperkasakan, membangunkan kapasiti dan meningkat keupayaan wanita Penan untuk menghadapi segala cabaran dan dugaan yang kian mencabar.

Khusus untuk gadis dan wanita Penan, Kerajaan menjalankan program memperkasa gadis dan wanita Penan bagi membantu mereka mengelakkan sebarang percubaan kegiatan jenayah seksual. Program ini memfokuskan aspek penjagaan kesihatan dan keselamatan diri.

Kesedaran tentang penyakit seksual juga didedahkan sebagai persiapan dari segi mental, fizikal dan rohani untuk menangkis dan mengurangkan isu rogol yang dilaporkan kerap berlaku. Program ini melibatkan penyertaan gadis dan wanita Penan daripada pelajar tahun 1 hingga golongan dewasa.

JPW akan meneruskan kerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan,

Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan kumpulan etnik minoriti bagi melaksanakan program pembangunan wanita dengan tujuan untuk meningkatkan kefahaman terhadap perlindungan, pembelaan dan keselamatan diri dalam kehidupan seharian.

Hasil yang diperolehi daripada program ini adalah:

- a) 185 peserta telah menghadiri kursus latihan dalam fasa ke-2 dan 160 peserta menghadiri fasa-3;
- b) 918 pelajar (312 sekolah menengah dan 606 sekolah rendah) telah menghadiri program ini;
- c) 7 buah sekolah terlibat dalam fasa ke-2 dan 12 buah sekolah terlibat dalam fasa-3;
- d) Sesetengah wanita Penan yang menyertai program ini berminat untuk meningkatkan kesedaran dan memberi sokongan kepada komuniti mereka;

Pengetahuan dan kesedaran peserta program berjaya ditingkatkan lebih-lebih lagi apabila ada yang tidak mengetahui bahawa perbuatan rogol itu adalah satu jenayah berat;

Peserta kini lebih memahami dan mengerti maksud STD, HIV dan AIDS melalui Program Kesedaran AID dengan kerjasama Jabatan Kesihatan;

Selain daripada isu rogol, pihak Kerajaan juga dapat mendengar pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh gadis dan wanita Penan; kesusahan isteri ditinggalkan suami, kesukaran hidup sebagai janda, keganasan domestik, pencemaran sungai, kesukaran memohon sijil kelahiran dan Mykad serta pengangkutan awam;

Objektif program ini iaitu untuk membangunkan dan meningkatkan keupayaan wanita Penan telah berjaya dicapai dengan kerjasama semua pihak. Pelbagai pihak kini saling mengenali dan menghubungi antara satu sama lain bagi memastikan wanita Penan tidak tercicir;

Ramai peserta yang berazam untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan kesedaran yang diperolehi melalui program ini ke komuniti masing-masing;

Sesi diskusi antara pelbagai agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, wakil kumpulan minoriti dan rakyat jelata dari pelbagai etnik dan latar belakang merupakan satu sesi yang sangat intelektual dan berinformasi. Pelbagai topik berkaitan pembangunan wanita Penan dibincangkan dalam sesi ini; dan

Berdasarkan pemerhatian dan penilaian yang dibuat, seramai 71% peserta berpendapat bahawa program ini sangat berkesan dan berpuas hati dengan pelaksanaan program yang dijalankan.

SOALAN NO. 369

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN BUKAN

JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH ZU RAID AH BINTI

KAMARUDDIN (AMPANG)

TARIKH : 8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN :

YB Puan Hajah Zuraidah Binti Kamaruddin (Ampang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah wujud satu sistem sokongan pengukuhan bagi membantu institusi keluarga muda, iaitu golongan yang paling terjejas teruk akibat tekanan kenaikan harga barang yang membebankan kini.

JAWAPAN

Kerajaan amat prihatin terhadap golongan keluarga muda yang menghadapi tekanan akibat kenaikan harga barang dan telah pun mengambil langkah untuk mewujudkan sistem sokongan. Kajian mengenai Kesan Inflasi Terhadap Institusi Keluarga yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2008 mendapati 95% daripada responden menghadapi kesukaran untuk keluarga mereka menangani dan berhadapan dengan kenaikan harga barang. Sehubungan ini di bawah program Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk Keluarga Berpendapatan Rendah, sehingga 31 Disember 2010 Kementerian Pembangunan

Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mendaftar seramai 10,668 Ketua Ibu Rumah untuk mengikuti Program 1Azam (Azam Kerja, Azam Khidmat, Azam Tani dan Azam Niaga). Program ini dijangka dapat membantu keluarga berpendapatan rendah, termasuk keluarga muda, mengatasi tekanan hidup.

Selain itu, Kementerian ini melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalankan beberapa program pendidikan untuk membantu keluarga, termasuk keluarga muda, bagi menangani isu-isu kewangan seperti berikut:

i) Program SMARTbelanja@LPPKN

Mengadakan sesi interaktif bagi seisi keluarga dalam pengurusan kewangan keluarga mengikut kemampuan. Dengan kerjasama pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) sebanyak 44 program SMARTbelanja@LPPKN telah diadakan di seluruh negara sejak tahun 2008 melibatkan 2,330 ahli keluarga.

ii) Program SMARTSTART

Memasukkan aspek pengurusan sumber keluarga dalam kursus-kursus praperkahwinan SMARTSTART untuk membantu pasangan yang ingin berkahwin dan mereka yang baru berkahwin (kurang 5 tahun) melayari rumah tangga dengan lebih positif. Sejak dimulakan pada Julai 2006, seramai hampir 12,000 peserta telah melalui kursus ini yang dijalankan dengan NGO dan Badan- badan Agama.

iii) Kaunseling Keluarga

Menyediakan khidmat kaunseling kekeluargaan termasuk pengurusan kewangan dan stres bagi keluarga mengatasi isu-isu kekeluargaan. Perkhidmatan ini kini boleh diakses oleh lebih ramai keluarga berikutan pelantikan 52 kaunselor secara

“sessional” di 34 Pusat Keluarga LPPKN.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN SOALAN NO. (370)
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN **BERTULIS**

DARIPADA **Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]**

SOALAN

Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dengan merujuk kepada jawapan bertulis yang diberi kepada soalan Ampang bertarikh 29 Jun 2010, apakah status terkini 3 projek perumahan terbengkalai di Ampang, iaitu Taman Sri Angsana Hilir, Taman Kencana (Fasa 3) dan Taman Estana Court.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status semasa bagi ketiga-tiga projek perumahan terbengkalai di Parlimen Ampang adalah seperti berikut:-

(i) Taman Sri Angsana Hilir

Projek ini telah isytiharkan terbengkalai pada 31 Disember 2003. Pelikuidasi projek telah menutup tender projek ini dan urusan pelantikan pemaju baru akan dibawa untuk keputusan pihak mahkamah berdasarkan Seksyen 176 (*Scheme of Arrangement*) Akta Syarikat 1965.

(ii) Taman Kencana Fasa III

Projek ini telah diisyiharkan terbengkalai pada 31 Disember 2000. Buat masa ini, pemaju penyelamat yang berminat sedang berunding dengan pihak pelikuidasi (Jabatan Insolvensi Malaysia) dan pemegang gadaian dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan baki nilai gadaian tanah tersebut.

(iii) Taman Estana Court

Projek ini telah diisyiharkan terbengkalai pada 31 Disember 2001. Buat masa ini, pemaju penyelamat sedang dalam proses memurnikan dokumen-dokumen berkaitan untuk dikemukakan semula kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan agensi teknikal yang berkaitan. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan selepas mendapat kelulusan berkaitan.

Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan April 2011

NO.AUM : p&'&/

NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAG! BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
 [AMPANG]**

TARIKH :

RUJUKAN 3520

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dengan merujuk kepada jawapan bertulis yang diberi kepada soalan Ampang bertarikh 30 Jun 2010, sejak Mei hingga Disember 2010, berapakah bilangan kes yang telah dapat dikurangkan dan berjaya diselesaikan melalui inisiatif mengurangkan jenayah di bawah NKRA, “Omnipresence” pemasangan CCTV dan program Polis Komuniti yang telah dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Behormat Ampang yang mengemukakan pertanyaan.

Berdasarkan rekod, Jenayah Indeks pada tahun 2009 ialah sebanyak 209,817 kes manakala pada tahun 2010 ialah 177,520 kes yakni penurunan sebanyak 32,297 kes atau 15 peratus. Bagi Jenayah Jalanan pula, pada tahun 2009 sebanyak 38,030 kes manakala pada tahun 2010 pula 24,837 kes yakni penurunan sebanyak 13,193 kes atau 13 peratus.

Penurunan jenayah ini adalah disebabkan oleh pelbagai inisiatif yang dijalankan pada tahun 2010 dan ianya berterusan. Antaranya *omnipresence* dimana lebih ramal kehadiran anggota polis dipertingkatkan di kawasan-kawasan *hotspot*. Pada tahun 2011 ini pula seramai 8140 orang anggota PGA akan ditugaskan secara bergilir-gilir di empat negeri *hotspot*. Pada masa yang sama seramai 5100 orang anggota Sukarelawan Simpanan Polis daripada RELA dan JPAM akan turun meronda bersama-sama anggota PDRM.

Untuk mengurangkan jenayah kita perlukan kerjasama pelbagai pihak, untuk itu KPKT telah memasang 496 unit CCTV di 25 PBT diseluruh negara. Sesungguhnya CCTV akan dapat membantu mencegah dan mengurangkan jenayah.

Akhirnya adalah penting bagi masyarakat untuk sama-sama menjayakan pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh PDRM antaranya polis komuniti.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

JAWAB LISAN

TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR
PUTEH]

7 APRIL 2011 [KHAMIS]

TARIKH
SOALAN

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan pencapaian menambahkan pengeluaran sumber makanan dalam negara melalui program Fund For Food (3F) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

JAWAPAN

Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang Dipertua

Program *Fund for Food (3F)* dilancarkan pada tahun 1993 oleh Kementerian Kewangan dan peruntukan dana berkenaan dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) adalah bertujuan menggalakkan penglibatan pengusaha-pengusaha dalam pengeluaran makanan negara secara pemberian kredit yang seterusnya membantu meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara dan mengurangkan import makanan. Pada peringkat awal perlaksanaan program ini, ianya terbuka kepada semua bank-bank komersial termasuk Agrobank (dahulunya dikenali Bank Pertanian Malaysia) untuk menyalur kredit kepada pengusaha-pengusaha terlibat.

Sehingga tahun 2005, peruntukan Program 3F disalurkan oleh Kementerian Kewangan kepada Agrobank melalui BNM. Dengan ini sehingga tahun 2005, Agrobank telah

meluluskan pinjaman sebanyak RM1.161.115 juta (RM1.161 bilion) kepada 6,572 pelanggan. Pembiayaan oleh Agrobank ini merangkumi beberapa sektor pertanian seperti sektor tanaman, sektor ternakan, sektor perikanan, sektor bioteknologi, sektor pemerosesan, sektor integrasi pertanian dan sektor pengedaran. Dalam tempoh tersebut, sektor ternakan telah mendahului sektor lain dari segi jumlah nilai pembiayaan sebanyak RM457,505 atau 39.4% berbanding sektor sektor lain iaitu RM276,582 juta atau 24% bagi sektor tanaman, RM254,011 atau 22% bagi sektor perikanan, RM 18,643 atau 1.6% bagi sektor bioteknologi, RM 100,064 juta atau 8.65 bagi sektor pemerosesan, RM30,877 juta atau 2.7% bagi sektor intergrasi pertanian, dan RM23,433 juta atau 2% bagi sektor pengedaran.

Mulai tahun 2006, Kementerian Kewangan meyalurkan terus peruntukan di bawah Program 3F kepada Agrobank. Dalam tempoh tahun 2006 hingga 2010, Agrobank telah menerima peruntukan sebanyak RM1.295 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM843.942 juta telah diluluskan kepada 3,981 orang pelanggan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : **TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (Pasir Puteh)**

SOALAN:

Tuan Muhammad bin Husain [Parit Puteh] meminta PERDANA MENTERI menyatakan statistik terkini pengangguran berdasarkan tahap pendidikan mengikut negeri-negeri di seluruh negara.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bilangan penganggur di Malaysia dianggarkan sebanyak 418,000 orang pada tahun 2009. Daripada jumlah tersebut, penganggur yang mempunyai pendidikan tertiarai adalah sebanyak 102,800 orang, menengah 253,900 orang, rendah 48,300 orang dan tiada pendidikan rasmi 13,000 orang.

Taburan penganggur mengikut negeri adalah seperti berikut:
Johor (43,700 orang), Kedah (31,100 orang), Kelantan (12,600 orang),
Melaka (6,900 orang), Negeri Sembilan (15,700 orang), Pahang
(18,600 orang), Perak (32,200 orang), Perlis (2,800 orang), Pulau
Pinang (17,300 orang), Sabah (74,600 orang), Sarawak (46,800
orang), Selangor

(78,000 orang), Terengganu (15,300 orang), W.P. Kuala Lumpur (20,200 orang) dan W.P. Labuan (2,100 orang).

Maklumat tersebut diperoleh dari Penyiasatan Tenaga Buruh yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Penyiasatan ini dilaksanakan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh badan antarabangsa iaitu *International Labour Organisation (ILO) melalui Manual on concepts and methods of surveys of economically active population, employment, unemployment and underemployment* yang diguna pakai oleh semua negara.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS _____ (2011)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR)

PUTEH)

SOALAN

Y.B. Tuan Mohammad Bin Husain (Pasir Puteh) minta PERDANA MENTERI menyatakan :

- a) bilangan pelajar yang mengikuti Kelas Asas Fardu Ain (KAFA) di

NO. SOALAN: 374

seluruh negara dan adakah Kerajaan mempunyai ukuran tentang pencapaian program ini dari segi penghayatan Islam di kalangan remaja dan belia : dan

- b) apakah kriteria asas dan kelayakan minima bagi pengambilan guru-guru kelas Asas Fardu Ain (KAFA) di sekolah-sekolah rendah kebangsaan.

|

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Pada masa ini bilangan pelajar Islam di peringkat sekolah rendah yang mengikuti Kelas Asas Fardu Ain (KAFA) di seluruh negara sebanyak 1,100,860 orang. Pengajaran dan pembelajaran kelas KAFA menggunakan kurikulum yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan buku teks yang telah diselaraskan penggunaanya oleh JAKIM. Pencapaian pelaksanaan program ini boleh diukur melalui penazirandan pemantauan terhadap pelaksanaan KAFA sepanjang tahun dan pencapaian pelajar-pelajar KAFA dalam peperiksaan ujian penilaian peperiksaan kelas KAFA (UPKK) setiap tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil kajian pemantauan dan

penaziran KAFA yang dilakukan oleh JAKIM terhadap Pelaksanaan KAFA 2010 menunjukkan pelajar-pelajar KAFA boleh melaksanakan amali fardu Ain, membaca al-Quran dan menulis jawi dengan serta dapat membantu mereka memahami dan beramal dengan cara hidup Islam.

Berdasarkan kepada analisa keputusan peperiksaan penilaian peperiksaan kelas KAFA (UPKK) pada tahun 2009 dan sebelumnya didapati pelajar- pelajar KAFA di seluruh negeri telah mencapai kecemerlangan UPKK pada tahap antara 91% hingga 99% dalam setiap mata pelajaran KAFA, terutama dalam mata pelajaran Amali Solat diperolehi sebanyak 99 % pada

tahun 2009. Ini membuktikan program KAFA telah mencapai kejayaan dan akan mengekalkan pencapaian ini sehingga kepada yang lebih cemerlang.

b) Guru KAFA adalah guru yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di negeri masing-masing dan mengajar kelas KAFA menggunakan kurikulum JAKIM sepenuhnya mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh JAKIM.

Kriteria asas dan syarat kelayakan pelantikan guru KAFA adalah seperti berikut:

- i) - Warganegara Malaysia;
- ii) - berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun;
- iii) - sihat tubuh badan dan disahkan oleh pegawai perubatan; dan
- iv) - memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan :
 - lulus Bahasa Melayu
 - lulus Pendidikan Islam atau lulus Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah atau lulus Pendidikan Syariah Islamiah; dan
 - lulus Bahasa Arab atau yang setaraf dengannya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	BUKAN LISAN
DARIPADA	TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
	[PASIR PUTEH]
SOALAN	

Tuan Muhammad Bin Husain [Pasir Puteh] minta MENTERI KESIHATAN

menyatakan jumlah perokok berdasarkan jantina dan peringkat umur di negara ini berdasarkan statistik.

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik berhubung prevalen merokok boleh diperolehi melalui hasil dari beberapa tinjauan kebangsaan iaitu *Global Youth Tobacco Survey* (GYTS) dan *National Health Morbidity Survey* (NHMS). Sebanyak 2 buah kajian GYTS telah dijalankan iaitu pada 2003 dan 2009, manakala 3 buah kajian NHMS telah dibuat iaitu pada tahun 1986, 1996 dan 2006. *Global Youth Tobacco Survey* (GYTS) merupakan tinjauan yang melibatkan golongan remaja berumur 13 - 15 tahun dari sekolah-sekolah yang disampel secara rawak di seluruh Negara. Kajian GYTS yang pertama pada tahun 2003 (GYTS - 2003) merekodkan prevalen bagi perokok secara menyeluruh sebagai 20.2%, manakala prevalen keseluruhan merokok dari GYTS kedua pada 2009 (GYTS - 2009) pula adalah 18.2%. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 2% bagi keseluruhan perokok remaja dalam tempoh 6 tahun. Prevalen merokok bagi remaja lelaki telah menurun sebanyak 5.4% dari 36.3% semasa GYTS - 2003 kepada 30.9% di GYTS - 2009. Bagaimanapun, statistik bagi remaja perempuan ialah 4.2% dan 5.3% masing-masing untuk GYTS - 2003 dan GYTS - 2009. Ini bermakna, walaupun secara

keseluruhannya prevalen merokok telah berkurangan tetapi ianya adalah disebabkan oleh penurunan besar bagi kadar di kalangan remaja lelaki manakala kenaikan kecil sebanyak 1.1% bagi remaja perempuan tidak mempengaruhi keseluruhan prevalen merokok bagi remaja.

Statistik merokok bagi golongan dewasa (berumur 18 tahun ke atas) pula adalah berasaskan hasil dari Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan atau *National Health Morbidity Survey* (NHMS). Perbandingan bagi kadar merokok boleh dibuat dari apa yang direkodkan oleh 2 buah tinjauan kebangsaan iaitu NHMS kedua pada 1996 dan NHMS ketiga pada tahun 2006. Prevalen perokok dewasa secara keseluruhannya adalah 24.8% dan 21.5%, masing-masing dari NHMS - 1996 dan NHMS - 2006. Tinjauan ini merekodkan penurunan prevalen perokok dewasa sebanyak 3.3% dalam tempoh 10 tahun antara kedua-dua tinjauan ini. Prevalen merokok di kalangan dewasa lelaki didapati telah menurun sebanyak 2.8% dari 49.2% pada 1996 kepada 46.4% pada 2006, manakala bagi perokok wanita pula, terdapat pengurangan kadar sebanyak 1.9% iaitu dari 3.5% (NHMS - 1996) kepada 1.6% (NHMS - 2006). Berdasarkan angka-angka prevalen ini, adalah dianggarkan bahawa pada tahun 2006 terdapat 2.73 juta perokok dewasa di Malaysia, iaitu 2.61 juta perokok dewasa lelaki dan 114,733 perokok dewasa perempuan.

M

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

Tuan Muhammad bin Husain

KAWASAN

Pasir Puteh

NO. SOALAN

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan asing yang dibawa masuk ke kawasan parlimen Jeli antara tahun 2005 dan 2010

JAWAPAN

1. Dari tahun 2005-2010, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor pengilangan ke Negeri Kelantan adalah sebanyak RM635 juta. Daripada jumlah tersebut, 49% ataupun RM310 juta merupakan pelaburan langsung asing. Pecahan pelaburan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	Bilangan Projek	Pelaburan Tempatan (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)
2005	8	121	4
2006	6	30	18
2007	9	53	30
2008	3	18	66
2009	4	16	110
2010	5	87	82
Jumlah	35	325	310

2. Bagi tempoh tersebut, pelaburan langsung asing kebanyakannya melabur di dalam sektor barang elektrik dan elektronik, barang logam asas, tekstil dan barang tekstil, barang getah dan pengilangan makanan. Projek pengilangan dari syarikat asing yang di tempatkan di negeri Kelantan mengikut sektor adalah seperti berikut:-

Industri	Bilangan Projek	Pelaburan Asing (RM juta)
Barangan Elektronik & Elektrikal	6	176
Barangan Logam Asas	2	76
Tekstil & Barangan Testil	2	35
Pengilangan Makanan	1	8
Barangan Getah	1	6
Kulit & Barangan Kulit	3	5
Pelbagai	1	4

Sebilangan besar projek-projek pengilangan yang mempunyai

penglibatan pelaburan asing yang diluluskan bagi tempoh 2005-2010 menempatkan projek mereka di sekitar Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa, Kawasan Perindustrian Miel Lundang, Kota Bharu dan Kawasan Perindustrian Tanah Merah.

Setakat ini pelaburan asing yang melibatkan projek-projek pengilangan masih belum di tempatkan di Jajahan Jeli. Tumpuan utama ketika ini adalah memberikan keutamaan kepada pembangunan infrastruktur yang lebih tersusun seperti jalan-jalan kampung (RMK9 - RM970,000) serta kemudahan-kemudahan asas seperti air dan elektrik termasuk perumahan.

Selain itu, jajahan Jeli juga sedang melalui fasa pembangunan yang pesat terutama selepas siapnya Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantine (CIQ), Bukit Bunga yang menjadi laluan pintu masuk antara Malaysia- Thailand dan telah beroperasi pada 1 januari, 2011 yang juga dikenali sebagai ‘Jambatan Persahabatan’. Ini akan merancakkan lagi aktiviti ekonomi di antara sempadan kedua-dua buah negara. Ketika ini pihak kerajaan Thailand sedang giat melebarkan laluan jalan raya dari dua lorong kepada empat lorong bagi membolehkan lebih banyak kenderaan besar seperti lori kontena masuk melalui CIQ,

Bukit Bunga terus ke destinasi perdagangan utama di Malaysia.

Jajahan Jeli juga sedang bergerak ke arah menjadi satu hub pendidikan melalui projek-projek baru yang sedang dalam pelaksanaan seperti pembinaan kampus cawangan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Politeknik, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Sekolah Menengah Sains Jeli,

Dengan kekuatan yang dibangunkan melalui pelaksanaan projek-projek infrastruktur dan pembangunan modal insan ini, adalah dijangkakan ekonomi Jeli dapat dipertingkatkan dan seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan penduduk setempat.

/l/(h 3^7-

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B(TULIS)/(29)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 07.03.2011 - 07.04.2011

Tuan Salleh bin Kalbi minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sejauh manakah pelaksanaan pakej liberalisasi yang diumumkan pada tahun 2009 dan keberkesanan pakej ini dalam memperluaskan jangkauan produk dan perkhidmatan institusi kewangan asing yang beroperasi di Malaysia sejak ia dilancarkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, liberalisasi sektor kewangan yang diumumkan pada tahun 2009 adalah sejajar dengan matlamat di bawah Pelan Induk Sektor Kewangan (2001-2010) untuk membangunkan sektor kewangan yang dapat menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Di bawah langkah liberalisasi ini, sejumlah lima lesen bank perdagangan telah dikeluarkan kepada lima anak syarikat milik penuh institusi perbankan asing dan empat lesen takaful keluarga kepada syarikat-syarikat usaha sama. Sehingga Mac 2011, dua daripada empat syarikat takaful keluarga baru ini telah memulakan operasi masing-masing manakala tiga

daripada institusi-institusi perbankan asing baru ini dijangka memulakan operasi pada separuh tahun pertama 2011.

2. Penyertaan institusi kewangan asing ini dapat menyediakan platform persaingan yang baik supaya institusi kewangan di dalam negara dapat memberikan produk dan perkhidmatan yang lebih bermutu. Selain itu, penyertaan bank-bank perdagangan asing baru ini dijangka akan membawa masuk kepakaran khusus yang diperlukan serta pengetahuan dan teknologi bagi menyumbang kepada pembangunan produk baru dan lebih berinovatif serta bertaraf dunia untuk memenuhi keperluan pengguna dalam sektor kewangan.

3. Penyertaan peserta-peserta takaful baru dalam sektor takaful domestik pula akan memberi manfaat yang besar ke arah kemajuan pembangunan industri takaful keluarga di Malaysia terutamanya dalam bidang perniagaan takaful keluarga yang masih rendah kadar penembusannya, termasuk produk takaful mikro, perubatan dan persaraan dan seterusnya akan memperkuuh kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Liberalisasi sektor kewangan yang telah diumumkan pada tahun 2009 juga merangkumi langkah meningkatkan keflexibelan operasi institusi perbankan di dalam negara. Kelulusan turut diberikan kepada empat buah bank perdagangan asing yang diperbadankan di Malaysia bagi membuka sejumlah 12 cawangan baru di kawasan pusat bandar, separa bandar dan luar bandar. Pembukaan cawangan-cawangan baru ini akan meluaskan akses kepada perkhidmatan kewangan dan

mempertingkatkan keupayaan bank-bank perdagangan asing yang diperbadankan di Malaysia untuk memainkan peranan pengantaraan dengan lebih berkesan.

5. Selain itu, peningkatan had ekuiti asing yang lebih tinggi kepada syarikat insurans telah menggalakkan lagi usaha sama strategik antara syarikat insurans tempatan dan institusi asing. Usaha sedemikian dijangka membantu dalam menyalurkan kepakaran, pengetahuan dan teknologi bagi meningkatkan daya saing serta keupayaan syarikat insurans tempatan untuk menjadi lebih inovatif dalam membangunkan dan menawarkan produk dan perkhidmatan baru. Sehingga kini, beberapa perjanjian penggabungan dan pengambilalihan syarikat-syarikat insurans telah disempurnakan manakala sebahagian lagi kini dalam proses rundingan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Pelaksanaan liberalisasi sektor kewangan yang dijalankan secara berperingkat ini akan dapat membangun dan mengukuhkan kedudukan sektor kewangan dan membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

RT
431
No.
378

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI

[SILAM]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sistem dan prosedur yang digunakan dalam penerbitan sesebuah judul buku dan bagaimanakah Kementerian memastikan mutu dan kandungannya benar-benar memenuhi sukan pelajaran.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sistem dan prosedur yang digunakan dalam penerbitan sesebuah judul buku bergantung kepada kaedah yang digunakan seperti yang berikut:

- i. Kaedah Tender - Penerbit Swasta (perolehan lebih daripada RM500,000.00)
- ii. Kaedah Sebut Harga - Penerbit Swasta (perolehan antara RM200,000.00 hingga RM500,000.00)
- iii. Kaedah Rundingan Terus - Dewan Bahasa dan Pustaka (mengikut dasar yang telah ditetapkan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Majlis Tindakan Negara (MTN) ke 114 pada 24 April 1974**)

Bagi memastikan mutu dan kandungannya benar-benar memenuhi sukan pelajaran, Kementerian Pelajaran melaksanakan proses-proses yang berikut:

- i. Penilaian dan peningkatan mutu manuskrip;
- ii. Penilaian dan peningkatan mutu pruf muka surat (PMS);
- iii. Penilaian dan peningkatan mutu naskhah sediakamera (NSK);
- iv. Penyemakan naskhah sedia kamera (NSK);
- v. Penyemakan naskhah contoh (NC); dan
- vi. Penyemakan naskhah edar (NE).

Penilaian dan peningkatan mutu manuskrip, PMS dan NSK dilaksanakan oleh panel penilai yang dilantik KPM yang terdiri daripada:

- i. Pengurus daripada pakar bidang dari universiti/ pensyarah IPGM;

- ii. Panel jawatankuasa terdiri daripada guru pakar/guru mata pelajaran/guru panitia/guru cemerlang/guru kelas/guru yang terlibat dalam pengubalan sukatan pelajaran/pegawai dari Bahagian lain KPM; dan
- iii. Selain daripada jawatankuasa di atas, *readers* dilantik bagi menyemak pada peringkat NSK agar NSK tersebut bebas dari kesilapan.

Penilaian keupayaan syarikat/perniagaan juga dilaksanakan bagi memastikan prasarana dan kewangan syarikat/perniagaan menepati kriteria yang telah ditetapkan oleh KPM. KPM juga memberikan taklimat tentang sukatan pelajaran, panduan penulisan dan keperluan spesifikasi buku teks kepada penulis, penilai dan penerbit bagi memastikan segala keperluan dan kehendak KPM dapat dipenuhi oleh setiap penulis, penilai dan penerbit.

NO SOALAN : 379

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BUKANLISAN

**DARIPADA : YBTUANSALLEH BIN KALBI
(SILAM)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan tahap keupayaan industri keselamatan dan pertahanan di negara ini dalam melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta nyatakan juga bentuk kerjasama yang dijalinkan bersama negara-negara ASEAN ke arah membina pertumbuhan berdasarkan industri pertahanan serantau.

JAWAPAN:

Kerajaan sentiasa memberikan penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang industri pertahanan dan keselamatan. Langkah-langkah yang telah diambil adalah dengan memberikan geran kepada syarikat-syarikat industri pertahanan dalam membangunkan keupayaan tempatan terutamanya dalam bidang pembangunan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV), sistem integrasi, persenjataan dan sebagainya. Pada masa yang sama, agensi-agensi seperti *Science And Technology Research Institute Of Defence* (STRIDE) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) turut menjalinkan kerjasama untuk meningkatkan keupayaan R&D dalam sektor ini.

Penggiat-penggiat industri pertahanan tempatan telah melakukan enam kerjasama R&D dengan pihak Kerajaan melalui STRIDE bagi membangunkan produk-produk berkaitan pertahanan untuk kegunaan ATM dan mempunyai potensi untuk dipasarkan ke rantau ASEAN.

Walau bagaimanapun, kekangan sumber kewangan serta pembahagian sumber kewangan kepada sektor R&D di bidang pertahanan dan keselamatan berbanding sektor-sektor lain perlu diperincikan bagi memperlihat dan

meningkatkan komitmen penggiat industri dan Kerajaan dalam sektor R&D ini.

Melalui platform *Asean Defence Minister's Meeting* (ADMM), Kerajaan telah menyuarakan hasrat untuk mengadakan kerjasama industri pertahanan (*Asean Defence Industry Collaboration-ADIC*). Saranan ini telah diterima baik oleh semua negara anggota ASEAN. Kertas konsep berkaitan dengan kerjasama ini telah dibentangkan di beberapa platform semasa ADMM.

Kerjasama industri pertahanan dan keselamatan di rantau ASEAN ini dilihat sebagai satu inisiatif positif ke arah membina keupayaan dalam menjaga keselamatan dan keamanan di rantau Asia Tenggara, khususnya dalam menangani isu-isu keselamatan yang bercorak '*non-traditional*'. Fokus perkembangan dan pembangunan industri pertahanan ASEAN adalah untuk tidak lagi bergantung kepada negara pengeluar utama peralatan ketenteraan.

Di samping itu, kerjasama seumpama ini juga dapat meningkatkan keupayaan serta mengembangkan sektor industri berteknologi tinggi, mewujudkan peluang pekerjaan dan perkongsian teknologi. Dalam perkara ini, Kerajaan sedang dalam proses membangunkan Taman Teknologi Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MDSTP) yang kelak akan menjadi hub kepada pembangunan industri pertahanan dan keselamatan di rantau Asia Tenggara.

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa keupayaan industri pertahanan di kalangan negara-negara ASEAN berada pada tahap yang berbeza. Di samping itu, isu-isu lain seperti perkongsian maklumat, teknologi serta kepercayaan di kalangan negara-negara ASEAN juga perlu diambil kira.

Di peringkat *ASEAN Defence Minister's Meeting* (ADMM), Kerajaan turut berbincang tentang kekuatan, kelemahan dan menjalankan *gap analysis* antara negara-negara ASEAN khususnya dalam bidang R&D. Adalah penting bagi setiap negara mengenai pasti dan memfokuskan *strategic industries* dalam negara dan pada masa yang sama di kalangan negara-negara anggota ASEAN.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI [
SILAM]

TARIKH

~~382~~

SOALAN

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan apakah bentuk pelan pembangunan yang telah dan akan dirangka oleh Kementerian bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah Hab Pengujian Perisian yang mampu meneroka peluang perniagaan dalam bidang ini di dalam dan luar negara

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Projek Pengujian Perisian telah dikenalpasti sebagai salah satu sumber pertumbuhan baru yang berpotensi untuk memberi sumbangan yang signifikan kepada ekonomi pada masa akan datang. Di bawah RMKe-9, projek ini telah dibiayai melalui peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE2) dan dilaksanakan secara usaha sama di antara pihak Kerajaan dan pihak industri serta bertujuan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi perkhidmatan pengujian perisian di peringkat global.

Memandangkan industri pengujian perisian merupakan *niche* industri yang berpotensi untuk memberi sumbangan yang signifikan kepada ekonomi pada masa akan datang, projek ini akan diteruskan pelaksanaannya di bawah RMKe-10. Di antara program-program yang telah dikenalpasti bagi membangun dan memajukan industri perkhidmatan pengujian perisian adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan kemahiran berkaitan pengujian perisian di kalangan profesional yang sedang bekerja dan juga para siswazah mengikut kesesuaian jurusan menerusi program pensijilan profesional;
2. Meningkatan kesedaran mengenai kepentingan dan kaitan pengujian perisian yang merangkumi setiap sektor dan industri menerusi seminar, persidangan antarabangsa dan sebagainya;
3. Merintis usaha-usaha meningkatkan permintaan dalaman ke atas perkhidmatan pengujian perisian serta meneroka peluang-peluang perniagaan di pasaran antarabangsa; dan
4. Membangunkan sibus serta sukatan pengujian perisian dalam kurikulum kursus-kursus yang berkaitan pembangunan perisian dengan kerjasama pihak universiti awam tempatan serta Kementerian Pengajian Tinggi. Ini dijangka dapat menghasilkan siswazah yang mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk memantapkan industri pengujian perisian melalui aktiviti seperti penyelidikan dan pembangunan.

Beberapa program utama telah dikenalpasti di bawah projek ini seperti berikut:

1. Q-Laboratory (Q-Lab)

Q-Lab berfungsi memenuhi keperluan-keperluan berbentuk teknologi dan kemahiran proses yang diperlukan untuk menjayakan kewujudan ekosistem pengujian perisian mapan seperti yang dirancang. Q-Lab telah dibina sebagai sebuah makmal pengujian perisian bertaraf dunia yang memiliki kelengkapan terkini dari segi peralatan pengujian, kemahiran perkaedahan dan kemudahan prasarana yang dapat menyokong kerja dan aktiviti-aktiviti berkaitan pengujian perisian. Selain memainkan peranan utama dalam aktiviti-aktiviti latihan dan penambah-baikan kebolehan dalam bidang pengujian perisian, Q-Lab juga menawarkan khidmat-khidmat pengujian kualiti dan perkhidmatan profesional berkaitan secara komersil. Pada masa ini, Q-Lab sedang giat berusaha untuk merebut beberapa peluang perniagaan di dalam dan di luar negara.

2. Q-Capability (Q-Cap)

Q-Cap merupakan program latihan dan pensijilan yang di rangka untuk melahirkan para penguji perisian profesional berkemahiran tinggi yang di iktiraf. Kumpulan profesional sebegini amat di perlukan di pasaran dunia. Sukatan pelajaran untuk latihan dan pensijilan Q-Cap adalah diiktiraf oleh *International Software Testing Qualifications Board* (ISTQB).

3. Q-Industry Development (Q-Industry)

Q-Industry merupakan program yang bertujuan untuk menjana kesedaran mengenai kepentingan dan keperluan pengujian perisian melalui program komunikasi terancang yang meliputi kumpulan

media, masyarakat umum, industri dan kumpulan-kumpulan yang berkepentingan.

4. Q-TAP (*Quality Test Assist Programme*)

Tujuan utama program ini ialah untuk membantu organisasi dan syarikat tempatan untuk membangunangkan kemampuan dalam dalam bidang pengujian perisian. Program ini ditujukan khusus kepada organisasi-organisasi yang memiliki Hak Harta Intelektual (*Intellectual Property Right*) ke atas produk-produk yang bersesuaian untuk menjalani pengujian perisian.

5. Seminar dan Forum Peringkat Kebangsaan

a. Seminar *Software Testing Conference 2010* (SOFTEC2010) telah diadakan pada 17-21 Julai 2010. Seminar ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan mempromosikan industri pengujian perisian di peringkat global. Persidangan ini akan terus diadakan pada tahun 2011.

Forum *Software Testing Straight Talk* (STST 2010) telah diadakan pada 18 dan 19 Oktober 2010. Objektif utama forum ini adalah untuk memperolehi maklumbalas serta cadangan dari pelbagai pihak untuk dijadikan input penting dalam agenda pembangunan industri pengujian perisian di Malaysia. Persidangan ini akan terus diadakan pada tahun 2011.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

SOALAN

BERTULIS

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam]

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta MENTERI

PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:

- a) Apakah terdapat sebarang kajian secara berterusan yang dilakukan oleh Kementerian untuk mengenal pasti kesan jangka panjang penggunaan baja kimia secara berlebihan terhadap tanaman terutamanya sayuran yang ditanam di Cameron Highlands; dan
- b) Bentuk pemantauan yang dilakukan oleh Kementerian agar tidak berlakunya penyalahgunaan baja kimia secara berlebihan dan pengusaha tanaman sayuran

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menjalankan kajian berhubung kesan penggunaan baja kimia terhadap tanaman di bawah struktur pelindung hujan di Cameron Highlands. Kajian ini bertujuan mencari penyelesaian terhadap permasalahan tanaman di bawah pelindung hujan yang tidak memberikan hasil yang baik sehingga menyebabkan tanaman mati. Keputusan kajian mendapati punca permasalahan adalah daripada pembajaan yang berlebihan. Kaedah

mengatasi masalah ini adalah dengan menggantikan tanah atas dengan tanah yang baru.

(b) Kementerian ini melalui Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan

Peladang sentiasa menjalankan pemantauan ke atas kandungan sisa racun makhluk perosak dan logam berat pada hasil-hasil tanaman. Analisa air dan tanah juga dijalankan untuk menentukan kandungan nutrien seperti nitrogen, fosforus, kalium, kalsium dan lain-lain.

Akta Baja Negara yang sedang dirangka akan memberi ruang pemantauan lebih mantap bagi mencegah berlakunya penyalahgunaan baja kimia secara berlebihan oleh petani dan pengusaha. Malah pengeluar baja juga akan tertakluk kepada akta ini dalam memastikan produk baja yang dikeluarkan adalah berkualiti dan selamat bagi kegunaan petani. Dengan adanya akta ini adalah diharapkan ia mampu memberi manfaat kepada petani/pengusaha dan juga pengguna.

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

T ARIKH:

SOALAN:

Tuan Dr. Che Rosli bin Che Mat minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan hasil yang dicapai dari Makmal Gaji Minimum.

PR-000-T41519

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Makmal Gaji Minimum (MGM) anjuran Kementerian Sumber Manusia dengan

kerjasama Bank Dunia telah diadakan dari 7 hingga 14 Februari 2011 di *Putrajaya International Convention Centre* dengan kehadiran lebih 200 orang rakan sosial dan *stakeholders* yang terdiri daripada Ahli-

ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara, Exco-Exco Sumber Manusia Kerajaan Negeri, wakil kesatuan sekerja, persatuan majikan, persatuan pembiagaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi Kerajaan termasuk PEMANDU, ahli akademik dan individu.

2. Objektif penganjuran adalah:

- a. Untuk mendapat pandangan dan cadangan secara menyeluruh, telus dan terbuka daripada rakan sosial dan *stakeholders* mengenai isu dan mekanisme pelaksanaan gaji minimum; dan
- b. Sebagai input kepada kajian Bank Dunia mengenai pelaksanaan gaji minimum yang dijadualkan siap pada bulan Mei 2011.

3. Hasil yang dicapai dari MGM, KSM telah mendapat maklumbalas dan input

semua *stakeholders* mengenai mekanisme pelaksanaan gaji minimum iaitu bagi perkara-perkara berikut:

- a. Skop liputan gaji minimum;
- b. Penetapan dan pelarasan kadar gaji minimum;
- c. Mandat dan struktur Majlis Konsultasi Gaji Negara;
- d. Penguatkuasaan gaji minimum; dan
- e. Perkara-perkara lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Lanjutan daripada MGM, segala input akan digunakan bagi Kementerian Sumber Manusia untuk mengambil tindakan selanjutnya iaitu:

- a. Menggubal Akta Majlis Konsultasi Gaji Negara yang dijangka dapat dibentangkan di Parlimen pada Jun 2011; dan
- b. Menubuhkan Majlis Konsultasi Gaji Negara secara rasmi apabila Akta mengenainya diluluskan.

<Mt(7Mac-ZAptiC 11)/Kas... 22.2.1 l/MolufJiiinft42748

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan

- (a) langkah yang diambil dalam mengatasi kekurangan minyak masak; dan
- (b) kesan pengguna terhadap kenaikan harga RON 97.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mengatasi masalah gangguan bekalan minyak masak baru-baru ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) dengan kerjasama Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah mengambil langkah-langkah berikut:

1. Membuat penyelarasan kuota bulanan dengan menarik sebahagian kuota bulan berikutnya untuk dilambakkan ke bulan-bulan tertentu. Pada bulan Januari 2011, KPDKKK dengan bantuan KPPK telah menarik kuota minyak masak bulan Februari 2011 sebanyak 24% atau 17,065 tan metrik untuk dilambakkan pada bulan Januari. Ini bermakna bekalan minyak masak pada bulan Januari di pasaran berjumlah 87,388 tan;

2. memantau operasi pengedaran kilang penapis minyak masak dan syarikat pembungkus semula minyak masak bagi menyelia penerimaan/ pengedaran/ penjualan bagi memastikan bekalan sampai kepada pengguna;
3. Tindakan penguatkuasaan oleh KPDNKK, MPOB dan Kastam yang akan berkerjasama bagi mengawal keadaan ketirisan terutamanya di sempadan. Kementerian telah menempatkan pegawai penguatkuasa di Customs, Immigration and Quarantine (CIQ) di pintu-pintu sempadan negara bagi mengelakkan aktiviti penyeludupan berlaku;
4. Mewujudkan dan menggerakkan Pasukan Petugas Khas membanteras penyelewengan minyak masak bersubsidi. Pasukan ini dianggotai oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM); dan
5. Menjalankan audit dan pemantauan setiap bulan ke atas aktiviti kilang penapis dan syarikat pembungkus bagi memstikan bekalan minyak masak sampai kepada pengguna.

Mengenai kesan kenaikan harga petrol RON97 kepada pengguna, ia mempunyai implikasi minimum terhadap pengguna kerana kebanyakan pengguna di Malaysia menggunakan petrol RON95 yang diberi subsidi oleh Kerajaan. Mengikut data jumlah jualan petrol bagi tempoh Januari sehingga November 2010, jualan petrol RON97 hanyalah sebanyak 14% atau 1,628,739,098 liter berbanding jualan RON95 sebanyak 10,405,948,055 liter atau 86%. Petrol RON97 kebanyakannya digunakan oleh golongan yang berkemampuan terutamanya yang mempunyai kenderaan dengan enjin berkuasa tinggi.

PERTANYAAN BERTULIS

DARIPADA

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

SOALAN

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil dalam mengatasi masalah peningkatan jumlah penghasilan sisa pepejal ekoran dari pertambahan Taman Perumahan baru dan kekurangan pusat pelupusan sisa.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah peningkatan jumlah sisa pepejal, kempen kitar semula akan terus dipergiatkan. Melalui kempen ini, masyarakat akan didedahkan kepada cara dan kaedah untuk mengurangkan penghasilan sisa pepejal seperti teknik pengkomposan sisa makanan secara kecil kecilan, kutipan barang kitar semula di sekolah-sekolah, pembinaan pusat pengumpulan kitar semula dan sebagainya.

Selain aktiviti sukarela berkenaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 kelak, juga akan melaksanakan amalan pengasingan di punca untuk semua isi rumah. Melalui amalan ini, hanya sisa pepejal (sisa makanan, organik dan bukan bahan kitar semula) akan dikutip, diangkut, dirawat sehingga dilupuskan di tapak pelupusan sisa pepejal. Pendekatan sedemikian akan dapat melanjutkan lagi jangka hayat tapak pelupusan.

Kementerian Perumahan

dan Kerajaan Tempatan

April 2011
PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

**YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

SOALAN

YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] Minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan peranan Pusat Inovasi Negara dalam membantu memaskan produk Inovasi.

JAWAPAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan dan cadangan yang dikemukakan oleh Unit Inovasi Khas (UNIK), Jabatan Perdana Menteri, peranan memaskan produk-produk inovasi akan diambil alih dan diterajui oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM), sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Akta Agensi Inovasi Malaysia 2010 (Akta AIM 2010). Antara peruntukan-peruntukan yang boleh diguna pakai untuk merancakkan aktiviti pengkomersilan produk-produk inovasi termasuk:

- peruntukan seksyen 28 Akta AIM 2010 yang akan membawa kepada penubuhan sistem repositori maklumat berpusat harta intelek hasil pendanaan Kerajaan yang akan digunakan untuk tujuan pembangunan lanjut dan pengkomersilan produk-produk inovasi atas dasar '*fast-track*',
- peruntukan seksyen 29 Akta AIM 2010 yang membenarkan AIM untuk memperolehi hak harta intelek melalui perjanjian bagi tujuan pembangunan lanjut atau pengkomersilan;

- peruntukan seksyen 30 Akta AIM 2010 yang membolehkan AIM untuk mempromosikan, memasarkan, membangunkan dan mengkomersilkan mana-mana harta intelek yang didaftarkan di bawah seksyen 28 akta tersebut;
- ⑧ peruntukan seksyen 33 Akta AIM 2010 yang membolehkan AIM menujuhkan syarikat dan menjalankan usahasama untuk mengkomersilkan produk-produk berinovatif yang terhasil dari aktiviti penyelidikan di Malaysia; dan
- peruntukan seksyen 37 Akta AIM 2010 yang membenarkan AIM untuk memberi pengendorsan kepada produk atau perkhidmatan berinovatif terpilih selama dua (2) tahun untuk membantu pengkomersilan produk atau perkhidmatan tersebut.

Aktiviti-aktiviti pengkomersilan produk-produk inovasi juga dijalankan oleh universiti-universiti dan institusi-institusi penyelidikan awam di Malaysia secara langsung ataupun melalui anak syarikat-anak syarikat masing-masing yang ditubuhkan. Dalam konteks ini, AIM juga akan membantu aktiviti pengkomersilan mereka melalui pemberian khidmat nasihat dari segi strategi pemasaran, ‘*market access*’ dan lain-lain.

Berdasarkan mandat yang diberikan oleh Akta AIM 2010, AIM juga akan mencadangkan polisi-polisi strategik yang boleh membawa kesan positif secara langsung ke arah merancakkan aktiviti pengkomersilan produk-produk inovasi.

NO.SOALAN : 386

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT]

TARIKH

SOALAN

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta PERDANA MENTERI

menyatakan adakah Kerajaan berhasrat memberi tambahan elauan pencen kepada bekas kakitangan Polis dan Tentera dalam usaha membantu meringankan beban hidup mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun melaksanakan penghitungan pencen mengikut formula berasaskan tempoh perkhidmatan sehingga maksimum 30 tahun bagi semua pesara dan penerima pencen berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009. Dasar baru ini juga meliputi semua persaraan dan kematian dalam perkhidmatan sebelum tarikh kuat kuasa.

Dasar baru ini membolehkan pesara dan penerima pencen menerima kadar pencen sehingga maksimum 60% daripada gaji akhir. Peningkatan ini diharapkan dapat mengurangkan beban kewangan bagi menampung kos sara hidup yang meningkat.

Kerajaan telah juga memberi Bantuan Khas Kewangan kepada semua pesara dan penerima pencen apabila keadaan ekonomi negara didapati mengizinkan. Sebagai misalan, mereka diberi RM500 pada bulan September 2010 dan RM500 lagi pada bulan Disember 2010.

Sekian, terima kasih.

5&1
SOALAN NO.-309-

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA PUAN TEO NIE CHIN
[SERDANG]**

SOALAN

PUAN TEO NIE CHIN [SERDANG] Minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci projek yang dilaksanakan di kawasan Serdang dalam tahun 2010 di bawah peruntukan khas YAB Perdana Menteri sebanyak RM1.0 juta. Nyatakan projek, kos bagi setiap projek, pemohon/penerima peruntukan dan syarikat yang melaksanakan projek

berkenaan.

JAWAPAN

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Peruntukan yang dibentangkan di bawah Peruntukan Khas YAB. Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen Serdang bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM300,000.0 sahaja. Peruntukan ini melibatkan pelaksanaan 102 program/aktiviti sosial, kebudayaan dan sukan seperti sumbangan bagi mengadakan sambutan perayaan, majlis makan malam, sumbangan kewangan dan peralatan kepada pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), persatuan penduduk, Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG), tabung pembangunan sekolah dan sebagainya.

Kos bagi setiap program/aktiviti adalah berbeza dan bergantung kepada jumlah yang dipohon dan diluluskan oleh Pegawai Kemajuan Negeri (SDO) Selangor berasaskan kepada garis panduan yang telah ditetapkan. Semua program/aktiviti yang dibuat adalah tidak melibatkan proses perolehan oleh pihak Kerajaan. Pelaksanaan program/aktiviti tersebut adalah dibuat mengikut peraturan semasa yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dan peraturan lain berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

Butiran program/aktiviti yang diluluskan di kawasan Parlimen Serdang bagi tahun 2010 mengikut kategori projek adalah seperti berikut:

BIL		BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
1	SAMBUTAN PERAYAAN	40	107,500.00
2	MAJLIS MAKAN MALAM	9	25,000.00
3	PROGRAM MESRA RAKYAT	11	78,446.50
4	AKTIVITI/KELENGKAPAN SUKAN	12	36,203.50
5	SUMBANGAN KEPADA NGO	11	18,200.00
6	SUMBANGAN KEPADA PERSATUAN PENDUDUK	7	15,950.00
7	PIBG/TABUNG PEMBANGUNAN SEKOLAH	8	10,200.00
8	LAIN-LAIN	4	8,500.00
JUMLAH		102	300,000.00

Nd-.S8&

SJ.B/(30)

DARIPADA PUAN TEO NIE CHING (SERDANG)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH 07.03.2011 - 07.04.2011

Puan Teo Nie Ching (Serdang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah segala ganjaran yang telah dibayar kepada Kumpulan CIMB untuk lima tahun kebelakangan ini dan apakah tujuan serta pulangan daripada perkhidmatan Kumpulan CIMB tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bayaran yang telah diterima

oleh CIMB Group daripada pihak Kerajaan Malaysia untuk perkhidmatan yang telah diberikan oleh bank-bank berlesen di bawah kumpulan CIMB Group (CIMB Bank Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad dan CIMB Investment Bank Berhad) sejak tahun 2006 adalah seperti berikut:

PERMINTAAN PERTANYAAN
Perkhidmatan Perbankan Relaksan
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pada tahun 2010, Kerajaan telah melantik CIMB Investment Bank untuk menguruskan terbitan USD1.25 bilion Sukuk Global. CIMB Investment Bank telah dilantik sebagai Pengurus Utama Bersama (*Joint Lead Manager*) di samping dua buah bank lain iaitu HSBC Bank dan Barclays Capital. Jumlah bayaran yang diterima oleh CIMB Investment Bank selaku Pengurus Utama Bersama ialah RM2.94juta.

Penerbitan Sukuk Global ini adalah satu kejayaan yang membanggakan kerana ia disempurnakan dalam keadaan pasaran kewangan global yang bergolak dan mencabar serta menunjukkan kebolehan dan keterampilan pihak Kerajaan. Justeru itu, pihak Kerajaan telah dianugerahkan pelbagai anugerah cemerlang terbitan Sukuk Global seperti berikut:

- (a) “*Deal of the Year and Best Sukuk Deal in 2010*” daripada Euromoney;
- (b) “*Sovereign Deal of the Year*” daripada Islamic Finance News;
- (c) “*Best Islamic Financing*” daripada Finance Asia; dan
- (d) “*Best Deal for Malaysia*” daripada The Assets.

Pada tahun 2008 dan 2009, CIMB Bank telah mengatur dan meluluskan tiga kemudahan pinjaman berjangka berjumlah

**RM6 bilion kepada Kerajaan. Jangka masa kemudahan
2**

pinjaman tersebut adalah selama 5 tahun (dua kemudahan) dan 10 tahun (satu kemudahan). Jumlah yuran pengelolaan (*Arranger Fee*) yang diterima oleh CIMB Bank bagi mengaturkan kemudahan-kemudahan pinjaman ini adalah sebanyak RM780.000.

(ii) Perkhidmatan Perbankan Transaksi

CIMB Bank juga telah menyediakan khidmat perbankan transaksi (*Transaction Banking*) kepada kementerian dan jabatan Kerajaan seperti khidmat perbankan transaksi yang dibekalkan kepada pelanggan-pelanggan lain. Bayaran yuran perbankan yang diterima oleh CIMB Bank untuk khidmat perbankan transaksi tersebut (selepas potongan diskaun) bagi tahun 2006 hingga 2010 masing-masing ialah RM923.000 (2006), RM995,000 (2007), RM1.13 juta (2008), RM1.36 juta (2009) dan RM1.35 juta (2010).

2. Jumlah bayaran yang diterima oleh CIMB Group daripada Kerajaan untuk transaksi-transaksi yang dinyatakan di atas, bagi lima tahun yang lepas, adalah RM9.47 juta. Bayaran daripada Kerajaan ini hanya merupakan 0.021% daripada jumlah pendapatan CIMB Group sebanyak RM44.85 bilion untuk jangka masa yang sama.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING

KAWASAN : SERDANG

SOALAN:

Y.B. PUAN TEO NIE CHING (SERDANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah kemajuan pembinaan terowong yang telah dipersetujui di Kajang Utama / Kajang Sentral untuk merentasi lebuh raya SILK dan sebab kelewatan untuk pembinaan tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek pembinaan terowong (*underpass*) dari Taman Kajang Utama/Kajang Sentral merentasi Lebuh Raya SILK di Kajang merupakan antara projek berkeutamaan tinggi Kementerian Kerja Raya yang dipohon untuk dilaksanakan dalam RMKe-10. Walau bagaimanapun, berikutan dari peruntukan yang terhad, projek ini tidak dapat dipertimbangkan Kerajaan untuk dilaksanakan dalam Tempoh Separuh Pertama, RMKe-10. Sehubungan itu, kementerian ini akan

JAWAPAN:

mengambil tindakan proaktif dan berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, jabatan Perdana Menteri bagi memastikan peruntukan bagi projek ini disediakan dalam Tempoh Separuh Kedua, RMKe-10 kelak. Anggaran kos yang terlibat ialah sebanyak RM30 juta dengan tempoh siap kerja selama 24 bulan.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING

KAWASAN : SERDANG

SOALAN:

Y.B. PUAN TEO NIE CHING (SERDANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan perkembangan pembinaan satu persimpangan

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
bertingkat di jalan Puchong - Seri Kembangan (Bandar Putra Permai) sebagai jalan keluar masuk ke Lebuh Raya KL - Putrajaya memandangkan lebuh raya tersebut melalui kawasan Serdang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan persimpangan bertingkat di Seri Kembangan, Selangor ke Lebuhraya Kuala Lumpur – Putrajaya (MEX) adalah di luar dari skop Perjanjian Konsesi asal. Walau bagaimanapun, Kerajaan amat prihatin dan mengambil perhatian terhadap pandangan oleh pelbagai pihak tentang keperluan untuk membina persimpangan bertingkat tersebut. Sehubungan itu, Kerajaan pada bulan Januari 2011 yang lalu telah bersetuju secara prinsipnya untuk meluluskan pelaksanaan projek ini dalam RMKe-10. Kerja-kerja awalan seperti pelantikan perunding reka bentuk dan proses pengambilan balik tanah akan dilaksanakan dalam tempoh masa yang terdekat ini.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING (SERDANG)

PUAN TEO NIE CHING (SERDANG) minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan sama ada Kerajaan Pusat bercadang untuk menambah bilangan stesen NGV di seluruh negara memandangkan harga petrol semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah mengarahkan PETRONAS untuk membina 200 buah stesen NGV menjelang hujung tahun 2010 dan tiada sebarang cadangan untuk menambah bilangan tersebut. Walau bagaimanapun sehingga kini terdapat sebanyak 154 buah stesen NGV yang beroperasi iaitu 65 buah di Selangor, 27 buah di Wilayah Persekutuan, 28 buah di Johor, 11 buah di Negeri Sembilan, 7 buah di Melaka, 3 buah di Pulau Pinang, 6 buah di Kedah dan sebuah di Terengganu. Manakala bakinya sebanyak 19 buah masih dalam pelbagai peringkat pembinaan dan 8 buah lagi dalam peringkat analisa kesesuaian.

Untuk makluman Ahli Dewan, kos pembinaan bagi sebuah stesen NGV juga lebih tinggi jika dibandingkan dengan kos pembinaan stesen minyak biasa. Kos tambahan bagi penyediaan infrastruktur berkaitan juga tinggi. Oleh yang demikian, pembinaan stesen NGV memerlukan kajian terperinci dan ia akan mengambil masa bagi memastikan satu perancangan yang komprehensif dapat

dilakukan. Pelbagai faktor perlu diteliti dalam membangunkan stesen NGV seperti bentuk muka bumi, saluran paip serta stesen induk dan stesen minyak perlu diambil kira sebelum ianya dapat dilaksanakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO

KAWASAN : PUCHONG

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan langkah-langkah yang
diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan atau
menghapuskan tol di seluruh kawasan Puchong.

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui
Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program

Transformasi Kerajaan (GTP) sememangnya prihatin dan sentiasa berusaha mencari jalan yang terbaik bagi meringankan beban dan kos sara hidup yang ditanggung orang ramai.

Ini termasuklah mengkaji semula kadar tol sedia ada di lebuh raya-lebuh raya yang sedang beroperasi di negara ini. Antara langkah progresif Kerajaan tersebut ialah dengan menangguhkan kenaikan kadar tol untuk tempoh 5 tahun mulai tahun 2011 bagi lebuh raya- lebuh raya di bawah bidang konsesi PLUS Expressways Berhad seperti Lebuh Raya Utara-Selatan, LINKEDUA dan ELITE, dan Lebuh Raya Pantai Timur, Fasa 1 di bawah bidang konsesi MTD Capital Berhad. Kerajaan juga turut memutuskan untuk menamatkan tempoh konsesi Lebuh Raya Timur – Barat METRAMAC di Cheras lebih awal, iaitu pada bulan Mei 2011 berbanding tempoh tamat konsesi asal pada tahun 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar tol Lebuh Raya Damansara – Puchong (LDP) sebenarnya telah distrukturkan semula pada tahun 2007 di mana berikut dari itu pengguna kenderaan kelas 1 hanya perlu membayar RM1.60 sahaja pada masa kini (2011) berbanding RM2.10 mengikut Perjanjian Konsesi Asal.

Berikutan dari penstrukturkan kadar tol tersebut, Kerajaan terpaksa membayar pampasan kepada syarikat pengendali

konsesi lebuh raya ini, iaitu Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd. atau LITRAK. Sehingga 31 Disember 2010, Kerajaan telah menjelaskan pampasan tunai sebanyak RM631.31 juta kepada LITRAK berikutan keputusan Kerajaan menstrukturkan / menangguhkan kenaikan kadar tol di LDP berbanding kadar tol sebenar yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi asal.

Sehubungan itu, cadangan menstrukturkan semula kadar tol di lebuh raya – lebuh raya yang beroperasi pada masa kini, termasuk LDP tentunya akan melibatkan implikasi kewangan yang sangat tinggi kepada Kerajaan. Namun demikian, Kerajaan sentiasa berbincang dari masa ke semasa dengan syarikat-syarikat pengendali konsesi lebuh raya, termasuk LITRAK bagi mencari jalan dan kaedah terbaik untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh pengguna lebuh raya.

Sekian. Terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
MALAYSIA PERTANYAAN
BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]**

SOALAN

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN

ALAM SEKITAR menyatakan apakah tindakan yang ~~diambil untuk mengatas~~ **SOALAN NO. 368** masalah banjir di kawasan Sri Serdang, khususnya kawasan Puchong Perdana, Puchong Indah, Kampung Sri Aman dan Kampung Bunga Melor dan lain-lain. Sila juga nyatakan bilakah tindakan telah dan/atau akan diambil.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah membina rumah pam yang berkapasiti 10 cumec di Sri Serdang dan ianya telah berjaya mengurangkan kejadian limpahan air apabila berlaku hujan lebat. Mengikut rekod JPS, setakat ini tiada lagi kejadian banjir dilaporkan di kawasan tersebut.

Bagi kawasan Kg.Sri Aman, pihak JPS telah melaksanakan kerja-kerja membina saluran keluar dari Kolam Buaya ke Sg. Klang dan projek ini telah siap sepenuhnya pada tahun 2010. Tujuan pembinaan saluran keluar ini adalah supaya air dari kolam buaya dan kawasan Kg. Sri Aman dapat dikurangkan sehingga 1.5 meter dari aras kolam sediada. Ini adalah untuk memastikan air dari parit-parit sekeliling dapat mengalir dengan lancar masuk ke kolam takungan tersebut dan mengelakkan berlakunya limpahan air. Pihak JPS juga telah melaksanakan kerja-kerja mendalamkan dan melebarkan serta membina ban di Sg. Air Hitam bagi meningkatkan kapasiti air sungai tersebut.

Di kawasan-kawasan lain seperti Puchong Indah, Puchong Perdana dan Kampung

Bunga Melor, kesemua kejadian banjir adalah disebabkan oleh masalah perparitan dalaman. Antara punca berlakunya banjir adalah akibat kapasiti sistem perparitan tersebut yang terlalu kecil dan tidak menampung jumlah air larian di sekitar kawasan tersebut. Di samping itu juga, terdapat sampah sarap yang terperangkap dan menghalang aliran air. Sistem perparitan dalaman ini adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO
KAWASAN : PUCHONG

SOALAN:

Y.B. TUANGOBIND SINGH DEO(PUCHONG) minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah tindakan yang akan
diambil untuk mengatasi masalah trafik di Puchong. Secara
khususnya sila nyatakan kawasan-kawasan spesifik yang
mempunyai masalah kesesakan yang teruk serta langkah-langkah

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

yang diambil untuk mengatasinya.
Tuan Yang Di-Pertua;

Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan trafik di Lebuh Raya Damansara Puchong (LDP), khususnya pada waktu puncak. Keadaan ini disebabkan antara lain oleh pertumbuhan pesat kawasan-kawasan perumahan dan pusat komersial serta industri di sepanjang koridor lebuh raya berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini beberapa usaha dan langkah untuk mengurangkan kesesakan di LDP telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan dengan

kerjasama syarikat konsesi lebuh raya, iaitu Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd. atau LITRAK. Antaranya ialah menerusi projek melebarkan 6 persimpangan, pembinaan jejantas pejalan kaki, peluasan piazza tol dan projek meningkatkan kemudahan awam sepanjang lebuh raya berkenaan. Sehingga kini, LITRAK telah membelanjakan sebanyak hampir RM900 juta bagi menaik taraf dan mengurangkan masalah kesesakan di kawasan-kawasan kritikal lebuh raya berkenaan, khususnya di Puchong.

Menerusi Rancangan Mitigasi Kesesakan LDP, LITRAK juga telah memperuntukkan sebanyak RM312 juta di mana daripada jumlah tersebut sebanyak RM200 juta dikhurasukan untuk kawasan Puchong sahaja. Ini termasuklah pelaksanaan fasa pertama projek pelebaran jalan di persimpangan bertingkat Puchong Perdana ke

Kampung Baharu, Puchong yang telah disiapkan pada bulan November 2010 yang lalu. Manakala fasa kedua pula melibatkan pembinaan jeambat dari persimpangan bertingkat Puchong Intan ke persimpangan bertingkat Puchong Perdana dan ia dijangka slal pada 15 Disember 2011 ini. Di samping itu, LITRAK turut akan melaksanakan kerja-kerja pelebaran dan menaik taraf jalan dari arah plaza tol Petaling Jaya ke Puchong Jaya, termasuk membina laluan kontra secara kekal di laluan tersebut. Cadangan projek ini akan dimulakan pada bulan Mei 2011.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di samping itu

Kerajaan menerusi Unit Kerjasama Awam dan Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) pada masa kini sedang meneliti beberapa cadangan pembinaan lebuh raya baru di sekitar Puchong, Selangor. Antara lebuh raya yang telah diluluskan secara prinsip oleh Kerajaan ialah Lebuh Raya Serdang - Kinrara - Puchong (SKIP) dan Lebuh Raya Kinrara - Damansara (KIDEX). Ini merupakan antara inisiatif dan langkah progresif Kerajaan bagi mengurangkan kesesakan di Puchong, di samping inisiatif program meningkatkan sistem pengangkutan awam di Lembah Klang yang sedang dalam tindakan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT BUKAN JAWAB LISAN TUAN

PERTANYAAN

GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] [395] PR-000-

DARIPADA NO.

T42150

SOALAN Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah janji-janji yang

SOALAN dibuat oleh kerajaan Malaysia sewaktu kempen untuk menjadi ahli United Nations Human Rights Council yang mana sudah dipenuhi dan bagaimana dipenuhi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB
BUKAN LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

SOALAN

**Y.B. Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah
janji-janji yang dibuat oleh kerajaan Malaysia
sewaktu kempen untuk menjadi ahli United
Nations Human Rights Council yang mana
sudah dipenuhi dan bagaimana dipenuhi.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puchong, di atas soalan yang telah dikemukakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semasa meiobi dan berkempen untuk meraih sokongan negara-negara lain agar Malaysia dilantik menjadi anggota Majlis Hak Asasi Manusia (MHAM), Malaysia telah berjanji sekiranya dilantik akan antara lainnya:

- ⑧ Terlibat secara konstruktif dalam perkembangan cara MHAM menjalankan kerja untuk menjadikannya sebuah Majlis yang teguh, adil, berkesan, cekap dan kredibel untuk mempromosi dan mempertahankan hak asasi manusia diseluruh dunia;
- ⑧ Menyokong kerja-kerja pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai hak asasi manusia;
- terus menyertai secara aktif di dalam kerja-kerja berkaitan norma tatacara (*norm-setting work*) MHAM;
- Mendorong semangat kerjasama di dalam MHAM berdasarkan prinsip saling menghormati dan berdialog, bebas daripada kesengitan dan dipolitikan.
- Mempromosi kepaduan lebih hebat (*greater coherence*) antara kerja-kerja MHAM dan lain-lain agensi di bawah PBB serta *actors* dalam mencapai sasaran dan matlamat antarabangsa; dan
- Menyokong secara aktif tindakan antarabangsa untuk mengetengah atau memajukan hak-hak golongan lemah (*vulnerable groups*) seperti wanita, kanak-kanak dan orang-orang kurang upaya.

Ingin ditegaskan disini bahawa Kerajaan memandang serius tentang

janji-janji yang telah dimaklumkan dan berusaha untuk memenuhinya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB

Dalam hal ini proses dan usaha memenuhi janji-janji berkenaan adalah

BUKAN LISA

dengan

memastikan Malaysia terus terlibat secara aktif di sesi-sesi mesyuarat yang di adakan oleh MHAM. Selain itu Malaysia turut terlibat dalam mesyuarat-mesyuarat kajian semula kerja dan struktur MHAM untuk memastikan keberkesannya akan dapat ditingkatkan.

Adalah sukar untuk menyatakan secara khusus dan jelas di antara janji-janji berkenaan, di mana sudah di penuhi dan yang mana pula masih tertangguh. Ini adalah kerana janji-janji ini adalah (dengan izin) '*on-going commitments*' dan dilaksanakan secara berterusan. Apa yang dapat ditekankan disini adalah Malaysia tidak berdiam diri dalam semua initiatif yang dibincangkan di dalam MHAM dan setakat ini penyertaan Malaysia tidak terhad kepada berterusan aktif tetapi konstrutif dan berkesan dalam memaju dan mempertahankan pendirian negara.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO I PUCHONG]

SOALAN

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO I PUCHONG 1 minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek-projek dan rumah-rumah terbengkalai di kawasan Parlimen Puchong dalam 5 tahun lalu, nama-nama pemaju yang terbabit serta tindakan yang telah pun dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat April 2011 tiada sebarang projek perumahan swasta yang telah diisyiharkan terbengkalai di kawasan Parlimen Puchong.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2011

31?
NO. AUM : 303-

NO. AUP

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH
[KELANA JAYA]

TARIKH

RUJUKAN : **3522**

SOALAN NO. (396)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan analisa threat perception dalam negeri dari aspek:-

- (a) tahap keselamatan, jenis ancaman yang dihadapi sekarang;**
- (b) cara mengatasi keberkesanan dan kelemahan penubuhan Pasukan Petugas Khas (Operasi/Anti Pengganas) PDRM.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), ingin saya memberi jaminan bahawa tahap keselamatan negara pada masa ini adalah terkawal daripada segala bentuk ancaman dari dalam maupun dari luar negeri.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula, buat masa ini Pasukan Petugas Khas, Polis Diraja Malaysia telah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan berkesan. Oleh itu, tidak timbul persoalan untuk mengatasi kelemahan pasukan tersebut.

NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

NO. AUM : ISfT"

TARIKH

RUJUKAN 3523

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan terperinci masalah dihadapi dan tahap melaksanakan setiap cadangan laporan Suruhanjaya Diraja Polis 2005 seperti berikut

- (a) cadangan 20, 21, 33, 34, 44, 58, 59, 60, 61, 62, 63 meminda undang-undang dan cadangan 8, 78, 79 ,80 mengatur jawatan polis serta cadangan 56, 57, 64, 65,66 memastikan pematuhan kepada undang-undang; dan**

- (b) cadangan 46 hingga 55 membasmi gejala rasuah polis dan cadangan 3, 24, 25 , 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 43, 45 meningkat kecekapan penyiasatan jenayah.**

JAWAPAN

Angka-angka cadangan yang disebutkan di dalam soalan sebenarnya adalah turutan bilangan cadangan di dalam ringkasan cadangan Buku Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (m/s : 16 hingga 27). Namun demikian jawapan yang disediakan adalah mengikut turutan sebenar mengikut bab.

Jawapan berhubung lima isu yang dibangkitkan adalah seperti di dalam jadual yang disertakan dibawah.

BIL	ISU	STATUS	BAB / CADANGAN	
1.	Meminda Undang-Undang	Telah dilaksanakan	Bab 8: Cadangan 1,2,14,15, Bab 10: Cadangan 3, 4, 7, 8	Telah dilaksanakan tanpa sebarang masalah
		Tidak dilaksanakan	Bab 8: Cadangan 25	Cadangan 25 : Menjadikan Perintah Tetap Ketua Polis Negara sebagai perundangan subsidiary di bawah Akta Polis 1967 dan menjadikannya boleh akses oleh pegawai polis melalui intranet. PDRM Tidak setuju PTKPN dijadikan sebagai perundangan subsidiari di bawah Akta Polis, ianya merupakan prosedur dan tatacara tugas PDRM untuk kegunaan PDRM saja

BIL	ISU	STATUS	BAB / CADANGAN	ULASAN / PERMASALAHAN
		Dalam pelaksanaan/Dalam Kajian	Bab 10: Cadangan 5, 6	<p>Cadangan 5 : Meminda Seksyen 3 Akta Dadah Berbahaya (Langlah-Langkah Pencegahan Khas) 1985,</p> <p>Secara prinsip Menteri telah bersetuju tetapi masih diperingkat kajian pihak Jabatan Peguam Negara.</p> <p>Cadangan 6 : Berkaitan Memansuhkan Akta Kediaman Terhad, 1933, dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Pencegahan Jenayah),</p> <p>Secara umumnya, PDRM mengaku Akta ini tidak lagi relevan, namun ianya masih relevan di sesetengah tempat dan mungkin ada keperluan Akta ini. PDRM berpendapat satu keputusan dasar mesti dibuat berkaitan perkara ini oleh pihak KDN</p>
2 .	Pematuhan Undang-Undang	Telah dilaksanakan	Bab 10 : Cadangan 1, 2, 9, 10	Telah dilaksanakan tanpa sebarang masalah
		Tidak dilaksanakan	Bab 10: Cadangan 11	<p>Cadangan 11 : Meningkatkan akauntabiliti Cawangan Khas.</p> <p>PDRM tidak bersetuju dengan cadangan ini kerana takrik keselamatan hanya boleh diputuskan oleh “PIHAK EKSEKUTIF”.</p>
3.	Mengatur Semula Perjawatan Polis	Telah dilaksanakan	Bab 12 : Cadangan 1, 2, 3,	Telah dilaksanakan tanpa sebarang masalah

BIL	ISU	STATUS	BAB/ CADANGAN	ULASAN / PERMASALAHAN
		Dalam pelaksanaan/Dalam Kajian	Bab 6 : Cadangan 8	<p>Cadangan 8 : Menumpukan sumber kepolisan professional kepada fungsi utama polis, mengawamkan atau menyalurkan keluar fungsi bukan utama polis.</p> <p>PDRM telah mengenalpasti sejumlah 7,402 jawatan beruniform untuk di tukar ke tugas utama kepolisan dan ini melibatkan tambahan 4,279 jawatan awam baru.</p> <p>Namun waran perjawatan bagi pegawai awam masih belum diterima oleh PDRM dan ianya masih lagi dalam tindakan JPA</p>
4.	Membasmi Gejala Dadah	Telah dilaksanakan	Bab 9 : Cadangan 1,2,3, 4, 6, 8, 9, 10	Telah dilaksanakan tanpa sebarang masalah
		Tidak dilaksanakan	Bab 9 : Cadangan 7,	Pindaan Akta Pencegah Rasuah, 1967 bukan di bawah bidang kuasa PDRM.
		Dalam pelaksanaan/Dalam Kajian	Bab 9 : Cadangan 5,	<p>Cadangan 5 : Penubuhan Unit Pengurusan Audit.</p> <p>Penubuhan ini melibatkan tambahan perjawatan dan ianya masih dalam tindakan JPA</p>
5.	Kecekapan Penyiasatan Jenayah	Telah dilaksanakan	Bab 6 : Cadangan 3 Bab 8 : Cadangan 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 15, 16, 17, 18, 19, 26	Telah dilaksanakan tanpa sebarang masalah
		Dalam pelaksanaan/Dalam Kajian	Bab 8 : Cadangan 20, 24	<p>Cadangan 20 : “Cold Case”</p> <p>PDRM telah dimaklumkan oleh KDN bahawa JPA telah meluluskan perjawatan</p>

BIL	ISU	STATUS	BAB / CADANGAN	ULASAN / PERMASALAHAN
				<p>pegawai penyiasat sebanyak 1445 bagi JSJ dan 529 bagi JSJN, tetapi proses pelaksanaan pengisian masih dalam perlaksanaan secara berperingkat.</p> <p>Cadangan 24 : Mewujudkan prosedur bagi kes RTM dan membolehkan permohonan secara terus kepada perintah untuk menyiasat (OTI) bagi kesalahan yang lazimnya ditangkap.</p> <p>PDRM telah diminta mengekalkan peruntukan 108 (1) KAN UN TATACARA JENAYAH oleh Pengerusi Jawatakuasa Khas Dewan Rakyat, Masih diperingkat kajian oleh JKUUP.</p>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH :

RUJUKAN 3524

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) bilangan anggota Jabatan Pertahan Awam Malaysia (JPAM) dan RELA yang menjadi polis sukarelawan sejak diumumkan oleh CID Chief Senior Asst Comm II Datuk Ku Chin Wah pada 18 Ogos 2009; dan

(b) prosedur apabila mereka menjalankan tugas sebagai polis sukarelawan. Siapa yang memantau atau mengetuai kumpulan polis sukarelawan dan adakah mereka dibenarkan menggunakan senjata JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan soalan.

Sehingga 31 Januari 2011, bilangan anggota JPAM dan RELA yang menjadi Sukarelawan Simpanan Polis (SSP) atau *Police Volunteer Reserve (PVR)* adalah seramai 5,100 orang. Ianya terdiri dari 1,316 orang ahli JPAM dan 3,784 orang ahli RELA. Mereka diberi latihan berteraskan kursus asas kepolisan. Penyerapan mereka sebagai PVR ini adalah sejajar dengan komitmen Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk menambah kehadiran polis (*omnipresence*) melalui penglibatan masyarakat.

Pemilihan anggota JPAM dan RELA untuk mengikuti latihan ini sekali gus menjadi PVR sebenarnya menuntut mereka melalui proses pemilihan yang ketat demi memastikan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja akan dipilih.

NO. AUM : 403" ^
NO.AUP :

Sekarelawan Simpanan Polis dari JPAM dan RELA adalah tertakluk kepada Akta Polis 1967 apabila menjalankan tugas mereka. Pemantauan akan dijalankan dan dilaksanakan oleh Urusetia NKRA, Bukit Aman ke atas segala aspek penugasan anggota-anggota RELA dan JPAM di seluruh kawasan PVR ditugaskan. Petugas SSP ini tidak dibenarkan menggunakan senjata api. Walau bagaimanapun, mereka telah dilatih dan dibenarkan menggunakan *T-Baton* semasa bertugas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH

RUJUKAN 3525

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tatacara Pasukan Simpanan Persekutuan mengenai

(a) rujukan yang digunakan oleh Pasukan Simpanan Persekutuan semasa mereka menggunakan senjata pemedih mata dan pancutan air berasid walaupun perhimpunan tersebut adalah

aman; dan

(b) pihak bertanggungjawab sekiranya senjata yang digunakan oleh Pasukan Simpanan Persekutuan mencederakan orang awam yang kebetulan berada di tempat perhimpunan atau demonstrasi aman dan bilangan anggota Pasukan Simpanan Persekutuan sehingga Februari 2011 mengikut kategori jantina.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, tatacara penggunaan senjata pemedih mata dan pancutan air oleh Pasukan Simpanan Persekutuan adalah tertakluk kepada Manual Ketenteraman Awam atau *Public Order Manual* (POMAN). Selain itu, tindakan anggota Pasukan Simpanan Persekutuan dalam menyuraikan rusuhan sesuatu perhimpunan adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang seperti berikut:-

- (i) Akta A 442 Fasal 149 Perlembagaan Persekutuan;
- (ii) Seksyen 27 Akta Polis 1957;
- (iii) Seksyen 141 Kanun Keseksaan;
- (iv) Seksyen 83 Kanun Prosedur Jenayah; dan
- (v) Akta Ketenteraman Awam (Pemeliharaan) 1958 (Akta 296).

Walau bagaimanapun, perhimpunan yang diadakan tersebut

hendaklah aman dan telah mendapat permit untuk berhimpun daripada pihak polis. Pihak Pasukan Simpanan Persekutuan akan mengambil tindakan penyuraian terhadap sesuatu perhimpunan dengan memberi amaran bersurai sebanyak tiga (3) kali dengan tempoh masa yang sesuai antara setiap amaran tersebut. Dalam hal ini, Ketua Polis Daerah akan berunding, memberitahu dan menghebahkan dengan jelas kepada kumpulan tersebut supaya bersurai dan beredar. Sekiranya kumpulan yang berhimpun masih enggan menyuraikan perhimpunan, anggota Pasukan Simpanan Persekutuan terpaksa mengambil tindakan penyuraian dengan menyembur air biasa alau “ainyang bercampur pemedih mata dan melepaskan gas pemedih mata sebagai tujuan untuk kumpulan ini bersurai. Namun begitu, tindakan ini dilaksanakan secara minima.

Sehubungan dengan itu, tiada isu sekiranya senjata yang digunakan oleh Pasukan Simpanan Persekutuan mencederakan orang awam kerana setiap tindakan untuk menyuraikan perhimpunan dilakukan berdasarkan undang-undang dan Perintah Tetap Operasi (PTO) sedia ada. Bagi bilangan anggota Pasukan Simpanan Persekutuan pula adalah bergantung kepada keperluan semasa perhimpunan berlaku.



